BICARA
ILMIAH

JILID 1

MALAY LANGUAGE CENTRE OF SINGAPORE
Ministry of Education SINGAPORE
Academy of Singapore Teachers
lead. care. inspire.

e-Penerbitan 2025

Hak cipta terpelihara @ 2025 Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan e-buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta e-buku ini.

ISBN: 978-981-94-2985-1

Diterbitkan dan direka bentuk oleh

Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura

Catatan

Pendapat dan pandangan yang terkandung dalam kumpulan teks Bicara Ilmiah ini merupakan pendapat dan pandangan penceramah masing-masing dan tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pandangan Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Kandungan

Perkara	MS
Sekapur Sirih	4
Objektif Program Bicara Ilmiah	5
Makalah I : **Darma Pedagogi Pendidik Sebagai Inteligensia** Dr. Azhar Ibrahim Alwee Pensyarah Kanan Universiti Nasional Singapura	6
Makalah II: **Daripada 'Guru' kepada 'Cikgu': Lenyapnya Peranan Tradisional Guru dalam Era Pendidikan Moden** Profesor Farish Ahmad Noor Profesor Sejarah Politik Fakulti Sains Sosial Universitas Islam Antarabangsa Indonesia	63
Jawatankuasa Penerbitan	110
Sekalung Budi	111

Sekapur Sirih



Salam sejahtera para pembaca yang budiman,

Syukur Alhamdulillah Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS), Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura buat julung-julung kalinya menganjurkan sebuah program khas pada tahun 2023 yang disasarkan untuk para ketua pedagogi bagi subjek Bahasa Melayu. Program ini akan dilaksanakan sekali dalam setiap dua tahun, bermula pada tahun 2023.

Program khas yang dinamakan Bicara Ilmiah bukan sahaja bertujuan untuk memperdalam pengetahuan ketua-ketua pedagogi dalam aspek bahasa, sastera dan budaya Melayu tetapi juga memberi peluang kepada mereka untuk berinteraksi dalam perbincangan profesional dengan pakar dalam bidang yang berkaitan dengan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bahasa Melayu. Di samping itu, ia juga diharapkan dapat membolehkan ketua-ketua pedagogi untuk membuat refleksi dan mengaitkan pengetahuan yang diraih dengan PdP di bilik darjah.

Sebagai permulaan, MLCS telah mengundang Dr. Azhar Ibrahim Alwee, Pensyarah Kanan, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Nasional Singapura sebagai pembicara undangan untuk berkongsi kepakaran dan ilmu dengan para Guru Kanan dan Guru Peneraju Bahasa Melayu di Singapura berkaitan dengan tajuk 'Darma pedagogi pendidik sebagai inteligensia'. Pada tahun 2025 pula, MLCS mengundang Profesor Farish Ahmad Noor sebagai pembicara kedua bagi Program Bicara Ilmiah II. Prof. Farish akan menjelaskan siapakah itu 'guru' dan makna 'keguruan' serta peranan guru dalam era pendidikan moden. Melalui dua program Bicara Ilmiah I dan II ini, diharapkan para ketua pedagogi dapat berbincang dan berinteraksi serta mendalami isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan dan peranan guru dalam mereka bentuk pengalaman pembelajaran yang bermakna bagi para pelajar bahasa Melayu.

Usaha selanjutnya adalah menerbitkan e-Penerbitan Bicara Ilmiah (Jilid I) untuk menambah bahan bacaan dan rujukan untuk para guru kita. Diharapkan, program dan bahan yang diterbitkan ini dapat terus menyemarakkan lagi semangat para Guru Kanan dan Guru Peneraju melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan selain menjadi suri teladan kepada anak didik dan juga guru-guru Bahasa Melayu yang lainnya. Yang penting, ia dapat menggalakkan para ketua pedagogi untuk sentiasa memikirkan tentang peranan dan tanggungjawab yang harus dilaksanakan dalam landskap pendidikan yang kian berubah.

Guru cemerlang, pelajar budiman. #MLCSmilikkitabersama!

Terima kasih.

Norhayati Awang
Pengarah Pusat
Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura

Objektif

Salam sejahtera kepada para pembaca yang budiman.

Syukur Alhamdullillah Pusat Bahasa Melayu Singapura (MLCS), Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura telah berjaya menerbitkan buat julung-julung kalinya bahan penerbitan digital bagi Program Bicara Ilmiah. Bahan penerbitan ini diterbitkan bagi menyokong penganjuran Program Bicara Ilmiah yang disasarkan untuk para ketua pedagogi bagi subjek Bahasa Melayu.

Program Bicara Ilmiah I dan II dianjurkan dengan tujuan untuk:

1. memperdalam pengetahuan ketua pedagogi BM dalam pedagogi Bahasa Melayu, sastera dan budaya termasuk pendidikan,pemikiran, sejarah dan peradaban;
2. menyediakan platform bagi ketua-ketua pedagogi berinteraksi dalam perbincangan profesional dengan pakar dalam bidang yang berkaitan PdP bahasa Melayu; dan
3. membolehkan ketua-ketua pedagogi untuk membuat refleksi dan mengaitkan pengetahuan yang diraih dengan PdP.

Makalah I

Darma Pedagogi Pendidik sebagai Inteligensia



Azhar Ibrahim Alwee
Jabatan Pengajian Melayu
Universiti Nasional Singapura

Abstrak

Setiap zaman dan setiap masyarakat itu melahirkan intelektualnya, sebagai pencipta, penakrif dan penyebar makna dalam kebudayaan masyarakat itu. Dalam semua masyarakat bertamadun, tugas guru dipandang mulia dan disanjungi. Dalam tradisi Islam, guru diberi pengiktirafan besar, sehingga ditanggapi mulianya itu seumpamanya tugas kedua termulia selepas kenabian (nubuwah). Dalam masyarakat Melayu tradisional, guru amat sangat disegani khasnya dalam masyarakat di mana tingkat persekolahannya agak rendah. Dalam struktur kehidupan masyarakat petani Melayu, guru adalah salah satu tiang kepimpinan dalam masyarakat, selain pak penghulu, tok imam dan tok dukun. Dalam makalah ini, disingkap peranan guru sebagai inteligensia atau intelektual dalam konteks masyarakat Melayu di Singapura dan masyarakat Melayu di nusantara.

Pengenalan

> ***"Transformative intellectuals need to develop a discourse that unites the language of critique with the language of possibility, so that social educators recognize that they can make changes. In doing so, they must speak out against economic, political and social injustices both within and outside of schools. At the same time, they must work to create the conditions that give students the opportunity to become citizens who have the knowledge and courage to struggle in order to make despair unconvincing and hope practical. As difficult as this task may seem to social educators, it is a struggle worth waging. To do otherwise is to deny social educators the opportunity to assume the role of transformative intellectuals."***
>
> **Henry A Giroux**

Setiap zaman dan setiap masyarakat itu melahirkan intelektualnya, sebagai pencipta, penakrif dan penyebar makna dalam kebudayaan masyarakat itu. Dalam semua masyarakat bertamadun, tugas guru dipandang mulia dan disanjungi. Dalam tradisi Islam, guru diberi pengiktirafan besar, sehingga ditanggapi mulianya itu seumpamanya tugas kedua termulia selepas kenabian (nubuwah). Dalam masyarakat Melayu tradisional, guru amat sangat disegani khasnya dalam masyarakat di mana tingkat persekolahannya agak rendah. Dalam struktur kehidupan masyarakat petani Melayu, guru adalah salah satu tiang kepimpinan dalam masyarakat, selain pak penghulu, tok imam dan tok dukun. [1]

Kehebatan sesuatu peradaban itu tidak wujud dalam hampawa (vakum) maupun terus turun dari langit. Ianya adalah hasil penerokaan manusia dalam segala bidang kehidupan, baik politik, ekonomi, sosial, estetik dan religius. Sering kali, peradaban bangsa yang dibina itu dikaitkan dengan kebijakan raja itu dan ini. Namun jarang sekali disebut peranan yang dimainkan oleh sang guru yang memastikan keberlangsungan dan penakatan peradaban itu. Komuniti guru adalah inteligensia dalam masyarakat. Guru-inteligensia hari ini, tidak dapat tidak, memikul tanggungjawab dan historical mission yang amat sangat penting. Jelasnya, guru intelektual hari ini tidak boleh lagi berwatak seperti pujangga zaman feudal itu. Mereka terpanggil untuk memimpin, mengarah, dan membentuk insan dan masyarakat menerusi pendidikan, serta terkedepan dalam aktivisme sosial, yang amat diperlukan dalam konteks masyarakat moden.

---

[1] Malahan, keistimewaan guru ternyata jelas kalau kita perhatikan nama gelaran yang khas diciptakan untuk golongan pendidikan yang menggabungkan perkataan [En]Cik dan Guru menjadi Cikgu. Guru adalah istilah generik untuk ulama, asatizah, mubaligh, dai', ustaz atau tok/mak guru yang semuanya mempunyai fungsi yang sama, iaitu membimbing mereka yang telah meletakkan kepercayaan kepada guru itu tadi.

Darma Pedogogi Pendidik membawa maksud sejumlah nilai dan praktis yang membentuk dan menyalurkan cara para pendidik menjalankan tugas dan amanahnya. Lantas ungkapan Darma Pedogogi merujuk kepada amanah dan tanggungjawab sang pendidik. Ciri-ciri berikut memperinci cakupan dan pengertian darma pedagogi:

1. Mendidik dengan berpegang kepada matlamat yang terarah kepada membangun peribadi dan prestasi ilmu anak didik
2. Memimpin dalam instutisi yang menggerak Pendidikan tersebut
3. Menjadi thought-leadership dalam memberi arah kepada aspek falsafah, pedogogi, kurikulum dan penilaian pendidikan
4. Memiliki keberanian intelektual dan moral dalam melihat cakrewala Pendidikan dengan realiti masyarakat, sehingga mampu memberikan pemerhatian dan penilaian yang rasional, kritis dan objektif.
5. Mahu dan Mampu untuk bertindak dan berterlibat dalam sfera awam, sebagai warga, pakar dan pimpinan masyarakat.
6. Mempunyai keterikatan yang organik dengan masyarakat, kerana institusi pendidikan adalah salah satu tiang utama dalam masyarakat.

Guru adalah Intelektual

Setiap masyarakat, baik maju mahupun membangun, memiliki sekolompok manusia berfikir dan terdidik yang digelar intelektual atau inteligentsia. Intelektual, menurut Syed Huseein Alatas, adalah "seorang yang mengumuli pemikiran tentang idea dan masalah non-materi dengan menggunakan akal fikirannya."[2] Alatas membezakan maksud antara intellectual dan intelligentsia, walaupun dia saling menggunakan konsep ini bergantian: 'intelligentsia' bermaksud: "those who have gone through higher formal and modern education, the specialists and the professionals, and those who have acquired higher-level education by other means. In the developing countries the intelligentsia functions as a group." Manakala inteligentsia bagi Karl Mannheim ialah "social groups whose special task is to provide an interpretation of the world for society."[3]

[2] Syed Hussein Alatas, *Intellectuals in Developing Societies*. (London: Frank Cass, 1977), h.9;
[3] Karl Mannheim, *Ideology and Utopia* (London: Routledege& Kegan Paul, 1976), h. 9

Dalam hal ini, warga guru boleh dianggap sebagai intelektual ataupun inteligentsia dalam masyarakatnya. Soal utama yang harus diberikan perhatian bukanlah siapakah (atau di manakah) intelektual itu, tetapi apakah intelektual itu telah dan dapat berfungsi, sebagaimana yang dicitakan dan diperlukan dalam masyarakat itu tadi.

Secara teoritis, guru adalah intelektual dan inteligensia dalam masyarakat. Golongan intelektual adalah kelompok penting yang menjadi obor pencerahan, pengaju keadilan dan penyeru kepada perubahan dan kemajuan. Ini tidak dapat disangkal.

Masyarakat yang terkebelakang mungkin dapat memecahkan belenggu masalah sekiranya ia memiliki kelompok intelektual berfungsi, yang tentunya didukungi oleh kepimpinan negara yang bervisi dan beretika. Syed Hussein Alatas dalam bukunya Intelektual Masyarakat Membangun menyenaraikan empat ciri yang menyifatkan intelektual berfungsi.

Pertama golangan ini dapat memerhati dan mengenal pasti permasalahan yang timbul dalam masyarakat.

Kedua dapat ia mentakrif permasalahan yang dihadapi masyarakat.

Ketiga dapat ia menganalisis sebab musabab masalah tersebut dan mengapa ia berlanjutan dan bertahan.

Keempat mereka mampu mencari dan menganjurkan jalan keluar akan permaslahan tersebut.[4]

Tentulah berfungsinya intelektual ini juga bergantung sejauh mana mereka ada kepedulian kepada masyarakat yang mereka menjadi sebahagiannya. Intelektual yang mampu dan harus memimpin masyarakat tidak boleh hidup bersendirian. Kerja intelektual memerlukan mereka terus dan teguh di tengah-tengah pergolakan dan perubahan masyarakat.

[4] Syed Hussein Alatas, *Intelektual Masyarakat Membangun.* (KL: DBP,1993);. Sila baca: "On the Indispensable Qualities of Progressive Teachers for their Better Performance," dlm. Paulo Freire, Teachers as Cultural Workers, h. 39-46

Guru- Inteligensia Memerlukan Masyarakatnya

Sesungguhnya inteligensia itu memerlukan masyarakatnya untuk ia menjadi suatu kelompok yang berfungsi. Masyarakatlah tempat ia dapat merasai keterikatan kepada budaya masyarakatnya (sense of rootedness)

Ada tiga segi mengapa ia memerlukan masyarakatnya:

Pertama masyarakat itu sendiri menjadi tempat intelektual itu mendapatkan ilham dan kesedaran untuk memperhalusi cetusan pemikirandan renungan mereka. Intelektual yang terpisah dari masyarakatnya akan hilang ilham sehingga yang terhasil olehnya semakin jauh daripada keperluan masyarakat.

Kedua, masyarakat itu sendiri adalah penting bagi memastikan usaha intelektual itu membumi, konkrit dan relevan. Ia dapat mengelakkan berteori yang muluk-muluk dan abstrak.

Ketiga dari masyarakatlah para intelektual terus dapat menguji dan memperkenalkan idea yang mahu mereka kedepankan dengan harapan ia terus dibaiki dan dibangunkan.

Masyarakatlah gelanggang di mana para intelektual dapat memberi sumbangan. Penyertaan dalam masyarakatlah yang menjadikan para guru menjadi inteligensia berfungsi. Masyarakatlah tempat para intelektual menyedari diri sebagai manusia yang ada keterbatasannya dan tanggungjawabnya. Masyarakatlah ranah yang menjadi peringatan kepada para intelektual bahwa amanah yang mereka pikul akannya. Jelasnya, hanya dengan memasuki gelanggang masyarakatlah budaya intelektual dapat dibangun dan dihargai di pihak awam, dan para guru berperanan sebagai penggerak, pendidik sosial – yakni dimensi edukatif kepada awam.

Upaya intelektual itu bukan hanya kertas atau konferensi saja. Ianya harus hidup dalam masyarakatnya. Idea dan tindak laku mereka harus relevan dan dimengerti masyarakat.Rugilah sesuatu masyarakat itu kalau intelektualnya berasyik, atas nama praktik akademik, sibuk berbicara dengan dunia akademia di luar negara tetapi tidak terlarat dan berminat untuk berhadapan dengan khalayak awam dalam masyarakatnya sendiri. Termasuklah para guru dan kepimpinan sekolah yang beria-ia dengan ranking dan metode pembelajaran terkini.Trend sebegini sayangnya jarang dipermasalahkan.

---

[4] Syed Hussein Alatas, Intelektual Masyarakat Membangun. (KL: DBP,1993);. Sila baca: "On the Indispensable Qualities of Progressive Teachers for their Better Performance," dlm. Paulo Freire, Teachers as Cultural Workers, h. 39-46

Sisi Inteligensia Memberi Kepimpinan Fikiran dan Idea

Edward Said menegaskan bahawa tugas intelektual itu tidak lain, melainkan ia membebaskan masyarakat dari segala bentuk otoriti yang mencengkam dan memperolok kemanusiaan. Dijelaskannya:

> *"The role of intellectual is to say the truth to power, to address the central authority in every society without hypocrisy, and to choose the method, the style, the critique best suited for the purposes. This is so because the intellectual produces a kind of performance that continues for years, whose main goal is.. to give utterance not to mere fashion and passing fads but to real ideas and values."*[5]

Tertanggung di atas intelektual itu bukan saja memberi pimpinan idea dan pemikiran dalam masyarakatnya, tetapi juga memastikan bahawa mereka terus memenuhi tanggungjawab ini sebagai amanah, dan bukan pula berpihak kepada mana-mana kepentingan, jauh lagi untuk kepentingan peribadi mereka. Ini bertitik tolak atas kesedaran bahawa "kemampuan untuk memahami golongan yang lain adalah aset paling berharga yang ada pada intelektual itu."[6] Tambah lagi, mereka seharusnya memastikan bahawa mereka terus kritis atas diri atau kumpulan sendiri, sebagaimana mereka ke atas kelompok yang lain."[7] Menjadilah ketentuan sejarah, bahawa misi historikal sang intelektual, tiada lain melainkan memastikan keberadaan dan kesejahteraan masyarakatnya terus mendapat perhatian. Beginipun jua yang dianjurkan Mannheim:

> *"It is the high calling of the intellectuals, aided by their self-reflexive sociological orientation; to do what is necessary in this historical hour: to bring their self-consciousness to completion and lived according to its newly-won insights."*[1]

[6] Edward Said, Peace and Discontents. New York: Vintage, 1996, h. 184-5
[6] Karl Mannheim, "The Sociology of Intellectuals," Theory, Culture & Society, Vol. 10, 1993,h.77
[7] Karl Mannheim, Sociology of Culture, h. 170
[8] Karl Mannheim, "The Sociology of Intellectuals," h. 80

Sfera kerja intelektual bukan lagi boleh dibatasi di menara gading, melainkan dalam domain publik yang sangat memerlukan kepemimpinan dalam idea untuk aksi sosial. Sekali lagi, bagi Edward Said, "*speak truth to power*," bertujuan "*to induce a change in moral climate.*" Makanya jelaslah, model intelektual yang bersifat kepujanggaan-kependetaan yang ensiklopedik, sudah tidak lagi memadai. Tanpa disedari, betapapun intelektual-pendeta itu dapat mengingat setiap segala yang ada dalam kebudayaan, ianya sering kali terbatas pada hal-hal yang diwarisi, bukan pula pada hal-hal yang manusia hadapi dan tantangi hari ini. Secara tidak langsung, budaya itu sendiri sudah disempitkan pada makna mutlak, dikosongkan daripada makna sebenarnya (budi-daya, menjadi budaya)[9] sehingga ianya menjadi sesuatu warisan yang diperturunkan, bukan pula sesuatu yang baru diciptakan. Di sinilah terjadinya *ossification* budaya itu sendiri.[10]

Yang lebih menyedihkan ianya kegagalan intelektual untuk memberi panduan, arah dan huraian akan masalah yang masyarakatnya hadapi. Hal ini disinggung oleh Paulo Freire dengan tegas:

> *"Intellectuals who memorize everything, reading for hours on end, slaves to the text, fearful of taking a risk, speaking as if they were reciting from memory, fail to make any concrete connections between what they have read and what is happening in the world, the country, or the local community. They repeat what has been read with precision but rarely teach anything of personal value. They speak correctly about dialectical thought but think mechanistically. Such teachers inhabit an idealized world, a world of mere data, disconnected from the one most people inhabit."*[11]

Tanpa dihujahkan dengan panjang, kita maklum bahwa cabaran kehidupan hari ini berlainan, kalaupun tidak semakin kompleks. Proses pembangunan tentunya memperbaiki kehidupan manusia. Namun pada masa yang sama, bergerak di dalam proses pembangunan ini, ialah dehumanisasi, yang sering tersembunyi di balik "kemajuan-kemajuan" yang digilakan itu. Maka inilah keterpanggilan di pihak intelektual dalam masyarakat itu untuk dapat memberi panduan, teguran dan huraian akan apa yang masyarakatnya hadapi.

---

[9] Perkara ini telah kami huraikan dalam kertaskerja bertajuk"Tantangan Kebudayaan; Bahas atas Wacana Kebudayaan Melayu" Disampaikan dalam seminar anjuran The Reading Group Singapore, pada 28 Mei 2004 di Pusat Darul Arqam.
[10] Joseph A Buttigieg, "On Gramsci," Daedalus, Summer 2002, h. 68-9
[11] Paulo Freire, Pedagogy of Freedo: Ethics, Democracy, and Civic Courage. (New York: Rowman & Littlefield, 2001), h.34

Guru Bahasa Mengkedepankan Wacana Kritis

Guru sebagai kelompok intelektual, adalah aset terpenting dalam masyarakatnya. Para guru pula seharusnya melihat ini bukan sebagai prestij tetapi suatu pertanggungjawaban yang terpikul di bahu dan pundak mereka demi membawa masyarakat ke tahap pembangunan yang bermakna. Paulo Freire, pelopor pendidikan kritis, menyimpulkan: "No society can assert itself without developing its culture, science, research, technology, and teaching. And all this begins in elementary school."[12] Ini tidak lain melainkan, pengiktirafan kepada kerjaya guru, sekaligus meletakkan tanggungjawab kepada warga guru itu sendiri.

Dalam konteks moden ini, tugas guru Bahasa Melayu tidak boleh lagi disempit atau dibiarkan terhenti di peringkat guardian of culture and language—melainkan sebagai intelektual awam atau intelektual transformatif. Makanya tugas mendidik tidak sepatutnya dilihat sebagai pemindahan ilmu pengetahuan dari guru kepada para pelajar, melainkan tugasnya menumbuhkan sikap dan nilai menghargai proses belajar mengaitkan kata dengan 'kita' dan sekitarnya. Dalam sosiologi pendidikan Mannheim, hal ini dipertegas:

> ***"it is not merely a question of adapting men to a certain given level of development, but of producing individuals capable of developing the existing form of society beyond itself to a further stage. .....The task of education, therefore, is not merely to develop people adjusted to the present situation, but also people who will be in a position to act as agents of social development to a further stage. ..." [13]***

Ertinya, penguasaan ilmu yang kental dan kepekaan realitas sosial harus dibina dan diperkuat dari masa ke semasa, termasuk mempunyai keberanian moral untuk menyuarakan sesuatu yang hak. Freire menjelaskan:

> ***"The teaching task is above all a professional task that requires constant intellectual rigor and the stimulation of epistemological curiosity, of the capacity to love, of creativity, of scientific competence and the rejection of scientific reductionism. The teaching task also requires the capacity to fight for freedom, without which the teaching task becomes meaningless." [14]***

[12] Paulo Freire, Teachers as Cultural Workers: Letters to Those Who Dare Teach. (Boulder, Colo. : Westview Press, 1998), h.38
[13] Karl Mannheim, Essays on the Sociology of Knowledge, (London: Routledge & Kegan Paul, 1952), h. 233-234
[14] Freire, Teachers as Cultural Workers, h. 4

Barang tentu ini tidak akan dapat tercapai sekiranya warga guru tidak dapat keluar dari kepompong kepuasaan kerjaya yang diatasnamakan oleh pengkhususan kerjaya (contohnya "saya hanya sebagai guru Bahasa Melayu saja").[15]

Tantangan Domestikasi Bahasa

Dalam konteks, ekonomi pasaran bebas yang pantas melihat segala sesuatu dari keberhasilan dan keberuntungan ekonomi, (dengan kos pengeluaran yang terendah) maka tidaklah menjadi kehairanan bahawa potensi dan fungsi bahasa itu telah didomestikasikan (domesticate) bukan saja untuk memenuhi keperluan ideologi yang dominan tetapi juga, secara tidak langsung, terjadinya budaya pensenyapan, (culture of silence) kerana bahasa itu sendiri tidak dapat menampung gerakan pemikiran kritis dan ajuran-anjuran bersifat emasipatoris. Tambah lagi apabila dalam falsafah pendidikan yang memberati soal-soal teknis, daripada hal-hal yang substantif, maka terjadilah idea pendidikan yang kononnya bersifat "neutral" sehingga apa yang terjadi adalah menjalarnya pemikiran yang apolitical, asocial , ahistorical, dan amoral.

Dalam suasana intelektual yang malap, tambah lagi dengan himpitan keserakahan ekonomi pasaran bebas, tidaklah menghairankan apabila perkara yang instrumental (lawannya substantif) diangkat menjadi suatu yang besar, perkara yang remeh digendangkan tanpa kesudahan, asalkan ianya memenuhi keperluan dominan yang tertentu. Pada pendapat kami, inilah sebenarnya yang berlangsungan hari ini dalam kalangan kita. Soal sebutan baku, struktur tatabahasa, ungkapan tradisional, laras kata, penukaran koda, slanga – masih lagi menjadi minat besar kita, seolah-olah nasib bahasa ini terletak pada perkara-perkara ini. Tentulah, kepedulian para pendidik tentang hal ini tidaklah semuanya bersalahan, tetapi ini amat bermasalahan sekiranya kepedulian ini menjadi suatu obsessi, sehingga meminggirkan perkara atau masalah yang lebih besar. [16]

---

[15] Kritik Edward Said ke atas pengkhususan intelektual baik diperhatikan, khasnya dalam era pengkhususan ini, sehingga kenaifan dan ketidakpedulian pada bidang-bidang lain, dibenarkan atas nama penyempuraan pengkhususan itu sendiri: "Specialization means losing sight of the raw effort of constructing either art or knowledge; as a result you cannot view knowledge and art as choices and decisions, commitments and alignments, but only in terms of impersonal theories or methodologies. To be specialist in literature too often means shutting out history or music, or politics. In the end as a fully specialized literary intellectual you become tame and accepting of whatever the so-called leaders in the field will allow. Specialization also kills your sense of excitement and discovery, both of which are irreducibly present in the intellectual's makeup. In the end final analysis, giving up to the specialization is, I have always felt, laziness, so you end up doing what others tell you because that is your specialty after all." Representations of the Intellectual. (New York: Vintage Books, 1996), h.77

[16] Ada pula yang mengaitkan guru bahasa sebagai pengajar moral dan kesantunan para pelajar. Tentunya kepedulian seperti ini tidaklah bersalahan. Namun yang dikecewakan ialah kita telah menyempitkan peranan dan kemampuan guru sebagai intelektual dalam masyarakatnya.

Juga, sayang sekali kalau bahasa itu hanya dilihat sebagai aset komunikasi untuk kegiatan ekonomi, khasnya pada bahasa yang digunakan dalam perekonomian tertentu, ataupun sebagai bahasa ibunda yang berguna untuk menurun nilai budi sesuatu masyarakat. Ertinya fungsi bahasa dibatasi, dineutralkan, dijadikan sekadar alat komunikasi manusia, tanpa ada kesan atau berkesan tatkala manusia mencari makna dalam kehidupannya. Jelas apabila bahasa itu dikosongkan dari fungsi sosial, politik dan kemanusiaan manusia, maka mudah sajalah keneutralan pemikiran bermaharajalela, sedangkan ideologi refgresif yang lain masuk mendominasi pemikiran kita. Sebaliknya, kita harus memastikan bahawa bahasa itu sebagai pengungkapan manusia yang membolehkan ia untuk menyedari bahawa dari wahana bahasa itu, bukan saja terselindung ideologi yang memerangkap, namun juga dari bahasa itu sendiri dapat kita keluar daripada kebelengguan itu. Sahutan oleh Aronowitz dan Giroux sayugia diperkirakan:

> *"[D]eveloping a language that can question public forms, address social injustices, and break the tyranny of the present....teachers need a language of imagination, one that insists on consideration of the critical means for developing those aspects of public life that point to its best and as yet unrealized possibilities, and acts to enable such consideration."*[17]

Guru intelektual harus sedia untuk menjangkau lebih daripada kepedulian dan kemampuan berbahasa dengan baik (yang sering diukur berdasarkan kepetahan dan kesantunan) tetapi melihat bahasa itu sebagai wadah untuk menampung pemikiran yang utuh untuk mempersiapkan manusia dalam aturan kehidupan moden yang serba mencabar. Kalau sekadar mengaitkan bahasa sebagai salah satu identiti budaya/bangsa, sebenarnya kita telah memperkecil keupayaan bahasa itu sendiri.

[17] Stanley Aronowitz & Henry A Giroux, *Postmodern Education: Politics, Culture, and Social Criticism.* (Minneapolis: University of Minnesota Press, 1990), h. 109

Kepedulian Inteligensia Masyarakat

Sebagai inteligensia masyarakat, tugasnya guru sebagai inteligensia,tentunya banyak tertumpu pada sekolah, namun tetap ia cergas memantau apa yang berlaku dalam masyarakatnya. Ia tidak segan silu untuk terkedepan untuk menyatakan yang hak, dan menegur yang bathil, sedang ia saling berempatis *akan masalah yang dihadapi itu. Sepertimana yang diidamkan Said: "Intellectuals should be the ones to question patriotic nationalism, corporate thinking, and a sense of class, racial, or gender privilege."*[18]Sekiranya para sosiolog dipanggil untuk memasyarakatkan sosiologi ke dalam lapangan publik, [19] maka begitupunlah hendaknya para guru, untuk memasyarakatkan ilmu dan perspektif yang mereka ada kepada khalayak yang lebih ramai, iaitu menjangkau keluar dari domain sekolah, dengan bermatlamat menyumbang ke arah pencerahan dan pendidikan publik. Anjuran supaya intelektual publik terkedepan dalam masyarakat hari ini amat sangat diberi perhatian oleh Edward Said.

> *"The intellectual's role generally is dialectically, oppositionally, to uncover and elucidate contest ..to challenge and defeat both an imposed silence and the normalized quiet of unseen power wherever and whenever possible. For there is a social and intellectual equivalence between this mass of overbearing collective interests and the discourse used to justify, disguise, or mystify its working while also preventing objections or challenges to it.* [20]

Intelektual transformatif/publik itu menjangkau makna konvensional yang meletakkan tugas intelektual itu sebagai kemampuan untuk menganalisis kepentingan-kepentingan yang wujud dalam masyarakatnya serta kontradiksi di dalamya. Selain kemampuan ini, intelektual publik tadi diperlukan untuk mengartikulasi kemungkinan-kemungkinan emansipatoris, serta mengrealisasikan jalan keluar yang ia gagaskan itu; langusung dapat bergerak keluar, masuk ke dalam domain awam, berpartisipasi guna merencana perubahan yang diinginkan. Apabila kita menyebut guru sebagai intelektual transformatif, ertinya guru yang melihat bahawa anak-didiknya itu sebagai "critical agents, question how knowledge is produced and distributed, utilize dialogue, and make knowledge meaningful, critical, and ultimately emancipatory." Sayugia ditambah, bahawa guru intelektual transformatif itu adalah:

---

[18] Said, *Representations of the Intellectuals*, h. xiii
[19] Rujuk, Ben Agger, *Public Sociology : From Social Facts to Literary Acts.* (Lanham, Md. : Rowman & Littlefield Publishers, 2000)
[20] Rujuk, "The Public Role of Writers and Intellectuals," dlm. Helen Small (ed.) The Public Intellectual (Oxford: Blackwell Publishing, 2002), h. 31 ; Juga rujuk, Kitty Calavita, "Engaged Research, "Goose Bumps," and the Role of the Public Intellectual," Law & Society Review, Vol. 36, No.1, 2002.

> *"one who exercises forms of intellectual and pedagogical practice which attempt to insert teaching and learning directly into the political sphere by arguing that schooling represents both a struggle for meaning and a struggle over power relations....to one whose intellectual practices are necessarily grounded in forms of moral and ethical discourse exhibiting a preferential concern for the suffering and struggles of the disadvantages and oppressed."*[21]

Apabila kita mengatakan guru sebagai intelektual transformatif bukanlah ianya suatu penetapan (ataupun automatis), melainkan juga suatu potensi untuk menuju ke arah itu. Dan apabila kita mengatakan guru intelektual ianya tidak boleh dihadkan kepada linkungan sekolah saja, iaitu guru yang dapat mengajar dengan berkesan kepada anak didiknya, jauh lagi untuk memastikan kejayaan cemerlang akademik mereka saja. Sikap laissez-faire di pihak guru sebenarnya tiada tempat dalam kepedulian intelektual transformatif atau inteklektual publik: R. S Peters beranggapan bahawa para guru tidak boleh membenarkan apa yang dimahukan oleh sesiapa atas kehendaknya sendiri dengan alasan ianya tidak menyukarkan orang lain. Sebaliknya menurut beliau, "to adopt this laissez-faire attitude in a school would be to abdicate as an educator. Caretakers, maybe, can adopt such an attitude, but not teachers."[22]

Dalam pengertian intelektual transformatif, sang guru itu bukan saja kreatif dalam proses pembelajaran tetapi kritis tentang apa yang mereka berhadapan dalam masyarakat. Mereka prihatin bukan saja pada anak didik mereka, tetapi juga kepada masyarakat sekelilingnya, khasnya mereka yang tidak berdaya dan tertinggal. Lain perkataan, guru yang bukan saja gah dengan perkembangan pendidikan/pedagogi terkini, tetapi juga awas dengan segala perkembangan semasa yang mungkin pada hakikatnya boleh memerangkap dari membebaskan manusia moden hari ini.

Kalau kita mengatakan bahawa pertanggungjawaban etika-intelektual itu tertanggung pada warga guru itu, maka haruslah kita juga menerima hakikat bahawa kerja itu bukanlah sesuatu yang mudah, jauh lagi boleh diukur dan usahlah pula dinantikan imbuhan atau pengikhtirafan. Wajarlah apabila Chomsky menyebut: *"The job the honest intellectual is to help our people who need help; to be part of the people who are struggling for rights and justice. That's what you should be doing. But of course, you don't expect to be rewarded for that."*

---

[21] Rujuk Henry A Giroux & Peter McLaren, "Teacher Education and the Politics of Engagement: The Case for Democratic Schooling," dlm. Breaking Free, h. 303
[22] Ethics and Education. (London: Allen & Unwin, 1966), h. 194

Selagi kita hanya digendangkan bahawa guru bahasa Melayu itu sebagai model atau paragon kebudayaan kita, (yang sering kali takrif kebudayaan itu telah disempitkan pada tingkat warisan yang telah diperturnkan oleh generasi yang terawal) ini bererti kita telah membatasi, pertanggungjawaban dan kemampuan guru itu sendiri, selain kita telah menetapkan bahawa "keotentikan" kebudayaan itu ada di tangan mereka.[1] Anjuran seperti ini tentunya tidak salah, tetapi ianya suatu klise yang memperlihatkan pemikiran yang tidak mahu menjangkau keluar, jauh lagi mahu menyahut cabaran yang baru. Salah satu cabaran yang akan timbul, dalam apa jua masyarakat yang melalui proses pemodenan dan industrilisasi yang rancak, ialah terjadi suatu kondisi ketidakbermaknaan (meaninglessness) yang dirasakan dalam kehidupan. Bagi kami, inilah cabaran yang semakin genting dan persiapan para guru dan pemimpin agama, untuk tampil ke hadapan untuk memikirkan dan memantau bersama tentang perkara sebelum ia membelenggui kehidupan kita.

Guru-Inteligensia dan Visi Sosiologikal

Di sinilah letaknya pendedahan sosiologikal amat sangat diperlukan oleh warga guru, selain afirmasi guru itu akan faktor spiritualitas dan etika agama yang universal dapat memberi kita arah panduan dalam mengharungi kehidupan yang mencabar kini, teristemewa lagi cabaran yang dihadapi oleh anak didik kita. Visi sosiologikal itu bererti para guru bukan saja dapat "merealisasikan idea kebudayaan yang abstrak, seperti humanisme atau pengkhususan teknikal, tetapi juga [pendidikan] itu sebagai suatu proses untuk mempengaruhi manusia. Pendidikan hanya akan difahami apabila kita tahu apakah jenis masyarakat dan untuk apakah posisi sosial anak-anak kita itu dididik."[24] Lantas, memikirkan jenis manusia apakah yang kita ingini adalah kesediaan intelektual yang guru terlebih dahulu harus diperlengkapkan.

---

[23] Rujuk kertaskerja penulis, "Tantangan Kebudayaan: Bahas atas Wacana Kebudayaan Melayu" Kertaskerja yang disampaikan kepada The Reading Group, Singapore on 28hb Mei 2004 di Darul Arqam Centre.
[24] Karl Mannheim, Man and Society: In an Age of Reconstruction. (New York: Harcourt, Brace &Co., 1950), h. 271?

Peri pentingnya pemikiran sosiologikal itu, bukan saja kepada warga guru, agar mereka sedar dan kritis akan tugas, keistimewaan dan keterbatasan mengajar, tetapi juga menanamkan pemikiran sosiologikal kepada anak didik mereka. Maksudnya di sini bukanlah mengajar mereka sosiologi secara ilmiah, tetapi menanamkan sifat berfikir dan merenung akan persoalan masyarakat sekeliling secara kritis serta bertanggungjawab untuk cuba menghuraikannya. Makanya apabila Mannheim menegaskan bahawa, "*[n]o educational activity or research is adequate in the present stage of consciousness unless it is conceived in terms of a sociology of education,*"[25] penegasan ini masih lagi belum mendapat perhatian bersungguh, bukan saja di pihak warga guru, tetapi juga penggubal dasar. [26]

Setakat berlaungan bahawa guru harus memiliki semangat perjuangan kental, sepertimana yang ditunjukkan oleh para guru pada dekad-dekad awal yang lalu, tidaklah mencukupi. Sebaiknya juga, dan sudah sampai masanya pula, kita menggerakkan kesedaran intelektual warga guru, bahawa dengan semakin kompleks aturan dan cabaran masyarakat, pencermatan dari sudut sosiologikal amat perlu sekali. Ini kerana:

> "***One can understand the contemporary world in its rapid change only if one learns to think sociologically, if one is capable of understanding changes in ways of human behaviour by reference to the changing conditions of society. This, however, also requires acquaintance with recent findings in psychology and philosophy.***"[27]

Seharusnyalah, pendidikan guru itu sendiri tidak boleh berakhir dengan tamatnya pengajian mereka di maktab perguruan atau universiti. Kalau guru mahu menjadi pendidik yang berkesan, terlebih dahulu tertanggung oleh mereka, menekuni soal-soal intelektual, etika dan hal-ehwal semasa dengan teliti. Jelasnya, menjadi tanggungjawab sang intelektual itu sendiri bahawa ia harus mengumuli soal intelektual secara konsisten, menyedari hakikat bahawa tugas mengajar itu harus didahului dengan proses belajar. Menurut Mannheim, golongan intelektual seharusnya, "recognize that his intellectual identity prescribes certain duties: he must learn to cherish the fact of his intellectual education as an obligation." Giroux pula menambah:

---

[25] Karl Mannheim, An Introduction to Sociology of Education. (London: Routledge& Kegan Paul, 1962), h.159
[26] Sehubungan dengan ini rujuk, John Clammer, Sociology Education in Singapore: Its Development, Problems, and Prospects. (Singapore: Regional Institute of Higher Education and Development, 1984).
[27] Dipetik dalam Kurt H Wolff, From Karl Mannheim,(London: Transaction Publishers, 1993), h. 95

> *"all critical educators are also learners. This is not merely a matter of learning about what student might know; it is more importantly a matter of learning how to renew a form of self-knowledge through an understanding of the community and culture that actively constitute the lives of one's student."*[28]

Sebagai contoh, bukan saja guru dapat menyiapkan bahan pengajaran yang lebih kreatif, tapi dapat menyampaikannya, menerusi teknik dialog, kepada para pelajar dengan matlamat menumbuh pemikiran kritis mereka. Tema pembelajaran yang berkisar pada kehidupan harian mereka harus diberikan keutamaan. Antaranya ialah bagaimana golongan muda terdedah pada pengiklanan dalam media yang agresif dan semakin jelasnya, tanpa disedari, sistem pendidikan itu sendiri, memihak kepada pembentukan warga-pengguna (consumer-citizen)[29] Ini memerlukan bukan setakat bacaan santaian sendiri-sendiri, tetapi inisiatif konsisten persatuan-persatuan guru untuk memperlengkapkan para ahlinya dengan pendedahan dan kesedaran intelektual yang ampuh.[30] Kalau para guru mungkin dulu pernah, sedikit sebanyak, terdedah dengan sosiologi pendidikan (sociology of education) sewaktu latihan perguruan, kini sudah sampai masanya warga guru mendalami dan menekuni sosiologi untuk pendidik (sociology for educators).[31] Sesungguhnya intelektual transformatif itu adalah pengkritik, penganalisis, penilai yang berterlibat (engaged) "they are partisan, not doctrinaire." Terkandung dalam pengertian transformatif, bukan saja adanya keanjalan pemikiran dan kemampuan keboleh-berubahan, tetapi juga kepedulian untuk mengetahui(mendalami), mengajari dan mempelajari. Mereka berpegang akan suatu gagasan idea, meyakininya, dan sanggup pula mendebatkan idea secara terbuka. Mereka sedar akan keyakinan yang mereka berpegang dan berkemampuan untuk melaksanakan idea-idea secara praktis. Sepertimana yang diyakini oleh seorang pendidik:

---

[28] Giroux, "Literacy and the Pedagogy of Political Empowerment," dlm. Freire & Macedo, (ed.) *Literacy: Reading the Word and the World.* (Massachusetts: Bergin & Garve, 1987)

[29] Untuk perbincangan tentang perkara ini, sila rujuk JoelSpring, *Educating The Consumer-Citizen: A History of the Marriage of Schools, Advertising, and Media.* (New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers, 2003).

[30] Justeru itu, dalam segi pendedahan guru kepada perkembangan sains sosial seharusnya dijadikan sebagai usaha sokongan pada guru muda. Sekadar berkongsi pengalaman dan bahan pengajaran, para guru juga memerlukan "peer support, a strong will, and clear convictions, as well as a large bag of tricks, thoughtful pedagogy, and abiding love for children.." Rujuk Herbert Kohl, "Developing Teacher for Social Justice," *Radical Teacher*, No. 65,

[31] Rujuk Karl Mannheim, "Sociology for the Educator and the Sociology of Education," dlm. *Sociology and Education* (LePLay House Press, 1944).

"In cultivating a pedagogy for liberation, we should hope that we enable students to engage in critical, open dialogue in relation to their lives and others' live. Teaching for liberation thus requires vigilance and work, for it demands that we remain open to the examination of our own lives as well as others whom we seek to understand. If we wish to become more adept at engaging students with the contents of our discipline, we must learn how to critically reflect on the ways in which we ourselves became engaged in and/or disengaged from learning about the world which we live.." [32]

Pedagogi Kritis dan Pemberdayaan Transfomasi

Tetapi apakah yang membedakan tugas ini dari para intelektual yang lain? Peranan penting guru tiadalah dapat dipersoalkan lagi kerana: *"...the teaching profession alone has the primary responsibility to educate critical citizens whereas we might argue that the first responsibility of, say the medical profession, is healing. Educators have a public responsibility that is by very nature involves them in the struggle for democracy. This makes the teaching profession a unique and powerful public resource."* [33] Sebagai guru intelektual, mereka diperlukan bukan saja untuk mengajar anak dengan baik, tetapi menerapkan pedagogi kritis guna membentuk kesedaran substantif yang dapat berfikir secara kritis dan kreatif. Bukan saja guru seharusnya mengetahui tentang perkembangan besar dalam dunia pendidikan, tetapi juga mereka terpanggil menyumbang ke arah penggubalan kurikulum agar ianya berjalan segandingan dengan keperluan masyarakat, dan pada masa yang sama, terarah untuk menawarkan solusi ke atas masalah semasa yang dihadapi dalam masyarakat.

Ertinya, dalam penggubalan kurikulum, guru intelektual harus terkedepan bukan saja memberi maklum balas tetapi saling menambah apa yang jarang diperkata atau yang tak terfikirkan (unthought of). Antara perkara pokok yang boleh diberikan perhatian ialah persolan ketidakbermaknaan yang menjalar dalam kehidupan moden hari ini. Sepertimana yang pernah disebut oleh P.H. Phenix, *"The way lies in recognizing the centrality of meaning in human life and in creating a curriculum deliberately designed to overcome the prevalent forces of meaninglessness."*[34]

---

[32] David Alan Long, "Sociology and a Pedagogy for Liberation: Cultivating A Dialogue of Discernment in Our Classrooms," Teaching Sociology, Vol. 23, 1995.
[33] Henry Giroux, "The Hope of Radical Education: A Conversation with Henry Giroux," *Journal of Education*, Vol. 170, No. 2, 1988, h. 97
[34] Philip Henry Phenix, *Realms of Meaning, a philosophy of the curriculum for general education* (New York , McGraw-Hill 1964), h. 5

Sebelum analisis seperti ketidakbermaknaan dapat difahami secara tuntas, kita amat memerlukan warga guru yang memiliki orientasi dan imaginasi sosiologikal. Ini kerana menerusi sains sosial, kita akan dapat memahami aturjalan dan struktur dalam masyarakat, serta mengambil kira faktor sejarah, sosio-budaya yang telah mewarnai kehidupan hari ini yang kian mencabar. Mannheim mengingatkan: "at least the leaders of the nation, among them the teachers, should be educated in a way which enable them to understand the meaning of change," [35]

Namun, memikul pertanggungjawaban intelektual ini, bukan bererti menjadikan guru terlepas dari pertanggungjawaban asas untuk memastikan anak didik mereka itu menerima perhatian dalam hal akademik mahupun pembangunan sahsiah mereka. Yang terakhir ini, sama sekali tidak boleh terabai. Tugas sang guru, sebagai orang dewasa, memahami para pelajar, yang dalam tahap anak-anak atau belia-remaja, memerlukan keprihatinan akan perkembangan psikologi dan biologi yang mereka sedang lalui. Sebagaimana Bruno Bettelheim menyimpulkan:

"The teacher must set an example of the continuous critical examination and intellectual mastery of problems and, at the same time, of true interpersonal relationships based on the help that he extends to others in their intellectual and emotional problems. What is more, the teacher must accept students as individuals in their own rights, so that he may learn never to consider man as a means but always as an end." [36]

Mengusul supaya guru terkedepan menjadi intelektual transformatif yang turun padang sebagai intelektual publik adalah suatu anjuran yang naïf sekiranya kita enggan memperkatakan rintangan yang tidak membenarkan hal ini berlangsungan. Kesempatan yang terbatas tidak membenarkan kita untuk mengupaskan perkara ini lebih lanjut, sekadar mengatakan bahawa para guru sendiri, waktu ia mendapat latihan di institusi perguruan, tidak mendapat pendedahan yang berkesan akan keperluaan masyarakat kontemporari. Dengan penekanan khas agar guru mahir dalam menjayakan literasi yang umum bersifat instrumental,[37] maka terabai pula penerapan pemikiran sosiologikal, yang malang sekali dianggap "terlalu intelektual" ataupun difikirkan di luar batasan profesionalisme guru itu sendiri. Demikianlah juga pendapat seorang pengkritik pendidikan, Lilia I Bartolome menggambarkan serba sedikit apa yang berlangsungan hari ini:

---

[35] Dipetik dalam Gunter M Remmling, *The Sociology of Karl Mannheim.* (London: Routledge & Kegan Paul, 1975), h. 120
[36] Baca, Bruno Bettelheim, "The Social-Studies Teacher and the Emotional Needs of Adolescents," The School Review, Vol. 56, No.10, 1948, h. 592
[37] Penekanan khas lepada pedagogi instrumental dengan sendirinya melumpukan pedagogi kritis. Donaldo Macedo menjelaskan: "Intrumentalist literacy..prevent the development of critical thinking which enables one to read the world critically and to understand the reason and linkages behind the facts ..[it] functions to domesticate the consciousness via a constant disarticulation between the reductionistic and narrow reading of one's filed of specialization and the reading of the universe within which one's specialism is situated. " Rujuk, "Preface" h. xvii, dlm Politics of Liberation: Paths from Freire, (ed.) Peter L McLaren & Colin Lankshear. (London: Routledge)

> ***"[T]ransforming educators' conscious and unconscious beliefs and attitudes regarding the legitimacy of the dominant social order and of the resulting unequal power relations among cultural groups at the school and classroom level has, by and large, historically not been acknowledged in mainstream teacher education programs..."*** [38]

Kami rasakan ini amat perlu sekali, dan perancangan harus dibuat sekarang, khasnya di tingkat penggubalan pendidikan guru pelatih.[39] Mengadakan bengkel bahasa dan sastera untuk guru, harus turut sekali disegandingkan dengan bengkel-bengkel pendedahan sains sosial untuk guru. Sekiranya tidak, kepedulian guru itu masih di sekitar soal kebahasa-bahasaan dan kesastera-sastraan.

Tugas guru intelektual sebagai inteligensia memerlukan persiapan dan pembudayaan pemikiran yang kritis dan diagnostik. Pendedahan guru pada pedagogi kritis yang liberatif (sebagaimana yang dianjurkan Freire dan rakan-rakannya) adalah sangat diperlukan. Bukan saja penguasaan pada pedagogi kritis dapat diterapkan tatkala guru mengajar anak-didiknya, tetapi daripada perspektif pedagogi kitis ini (antara lain pendekatan hadap-masalah dan kejelasan pada praxis, iaitu keterjalinan antara teori dan praktis) akan dapat memberi kesedaran kukuh pada warga guru akan cabaran yang dihadapi masyarakat dan bagaimana pula dapat diikhtiarkan mencari jalan keluar. Lain perkataan, pedagogi kritis yang menganjur kepada pemberdayaan intelektual adalah suatu upaya yang tidak boleh sekali diremehkan.[40]

Guru dan Pembudayaan Keterbukaan, Toleransi dan Pluralitas

Di saat-saat ketaksuban idea dan rasa defensive apabila identiti agama kita dipalitkan dengan penjenayahan keganasan, guru tidak dapat tidak terpanggil untuk: (a) memperbetulkan prejudis manusia yang senang mencari kambing hitam sebagai sasaran kebenciannya ; (b) mengafirmasi moral restraint dalam keadaan saling tuduh dan saling berdendam dan (c) menepis segala bentuk dogmatisme yang datang menjelma dalam berbagai aliran pemikiran baik agama, kebudayaan, politik dan sebagainya.[41] Seorang pendidik pernah menulis:

---

[38] Lilia I Bartolome "Critical Pedagogy and Teacher Education: Radicalizing Prospective Teachers," *Teacher Education Quarterly*, 2004 h. 99

[39] Antara cabaran penggubalan kurikulum untuk guru pelatih dalam konteks kapitalisme neo-liberal, sila rujuk Henry A Giroux and Peter McLaren, "Teacher Education and the Politics of Engagement: The Case for Democratic Schooling," dlm. Breaking Free, ***the transformative power of critical pedagogy***. Harvard Educational Review, 1996.

[40] Untuk perbincangan lebih lanjut dalam hal ini, sila rukuk, Roger I Simon, "Empowerment as a Pedagogy of Possibility."

[41] Rujuk makalah penulis, "[A]way of Cliché and Prejudice," *The Muslim Reader*, Vol. 23, No.2, May-Aug, 2005

"We need an approach to education that accords with our human condition, one that can reminds us of our falliability .... Our predilection toward fanaticism. One way to do this is to employ and encourage a critical approach. Teachers could present our current answers and solutions to human problems as something created by fallible men; not as something to be accepted or give thanks for, but something to be continually improved. Teachers could invite students to encounter what is presented critically – to uncover its inadequacies. Encouraged to be critical toward all tjhat man has created, student will not seek the answers and solutions to human problems. They will continually look for better answers and solutions. A critical approach is one guarantee (there are no sure guarantees) against fanaticism, one way (if we are lucky) to advance knowledge, to improve society."[42]

Pendek kata, guru yang hanya bersembunyi di sebalik kerja specialistnya sebenarnya membelakangi tugas intelektualnya dalam masyarakat. Inilah yang harus kita tangani hari ini. Lain perkataan, dari masa ke semasa, warga guru kita harus diberikan, bukan saja latihan teknis seperti kemahiran membaca, bengkel menulis dan semacamnya itu, tetapi juga pendedahan kepada pengetahuan sains sosial terkini, kerana daripada perspektif sains sosial, para guru akan dapat melihat permasalahan dalam kelas itu, bukanlah suatu fenomena yang isolated, melainkan ianya memanifestasikan masalah yang lebih besar yang dihadapi masyarakat dan negara.[43]

Pemaknaan Ilmu untuk Kehidupan

Di pihak diri guru itu sendiri melihat ilmu sebagai suatu keperluaan untuk memberi kesempurnaan dan makna kepada peribadi seseorang, iaitu ilmu sebagai penakrif perwatakan pribadi dan moral-etis seseorang. Justeru itu, menimba ilmu menjadi proses yang berterusan dalam kehidupan. [44]

[42] Sila Baca, H.J. Perkinson, "Fanaticism: Flight from Falliability," ETC Summer, 2002,
[43] Maka bertepatan apabila Mannheim menganjurkan: "At the moment we have to aim the creation of a pioneering elite among our best teachers, clergymen, youth movement leaders, and anyone who has to do basic work in the field of education, in order to give them an orientation based upon sociological knowledge, in the hope that this will bring more unity and purpose in their action." *An Introduction to Sociology of Education*, h. 166
[44] Sepertimana yang dirakam dalam hadith bahawa Rasulallah bersabda: " Tiadalah hari di mana tiada aku belajar sesuatupun, adalah sebahagian daripada hidupku."

Persekolahan bukan setakat melatih generasi muda untuk partisipasi dalam ekonomi tetapi juga persekolahan sebagai sfera untuk menanam kesedaran sivik dan demokrasi. Ertinya, guru sebagai pengaju dalam mengungkapkan persoalan etis-moral dalam masyarakat, akan memperkenalkan ungkapan moral-etis kepada anak didik mereka yang membenarkan mereka berfikir jalan terbaik untuk membina masyarakat, berpasak dengan ingatan : "What is of fundamental importance here is our conception of humanity and human capacities and our recognition of those ideological and material constraints that restrict human life for all. ..."[45] Dalam hal ini, visi sosiologikal yang diagnostik, diganding dengan sosiologi pendidikan amat sangat penting, sebagaimana dianjur Karl Mannheim sendiri:

> ***"Those who teach and have something to impart need to be trained to assimilate and to interpret correctly the minds of those to whom they speak. In this the new discipline of the sociology of knowledge, which studies systematically different existing frames of mind...and of sociology of education, which studies the concrete condition in which education takes place, can be of great help."***[46]

Guru Inteligensia dan Penciptaan Budaya Dinamis

Dalam kehidupan masyarakat moden yang mencabar ini, tentunya diperlukan para guru sebagai inteligensia dalam masyarakatnya (berfungsi sebagai intelektual transformatif) untuk terkedepan untuk memastikan penyebaran kreatif (creative dissemination) demi keberlangsungan budaya yang dinamis. Ini kerana warga gurulah medium atau perantara di antara idea-idea yang dicetuskan dari golongan pemikir kepada khalayak ramai, teristimewa pada generasi baru, iaitu anak didik mereka sendiri. Beginilah Mannheim berpendapat:

> ***"The future of culture depends not only on our ability to guarantee the conditions of survival for original thinkers at higher levels, but also on our inventiveness in finding new forms for the dissemination of the substance of culture without diluting." [47]***

[45] Henry A Giroux, "Reading Texts, Literacy, and Textual Authority," Journal of Education, Vol. 172, No.1, 1990, h. 99
[46] From Karl Mannheim, h. 114
[47] Ibid.,

Warga guru, khasnya guru Bahasa Melayu mempunyai tugas yang besar demi memastikan bukan saja anak didiknya maju dalam pelajaran, tetapi yang lebih penting lagi mempunyai kesedaran sosial yang ampuh. Guru Bahasa Melayu sebaiknya tidak melihat tugas mereka hanya sebagai pendidik bahasa dan budaya. Kalau guru Bahasa Melayu itu hanya mempunyai kepedulian mengajar dan mempertingkat mutu bahasa, maka usaha mereka itu akan tinggal latihan memperbaiki pengunaan bahasa dengan baik dalam situasi formal, tetapi tidak pula mempertingkatkan kemampuan pelajar/manusia untuk mengungkapkan segala pengalaman hidup mereka. Makanya terjadilah jurang besar, bahasa sekolah yang teliti akan ragam dan struktur bahasa, tetapi setakat boleh berfungsi dalam domain tersebut. Di luar domain itu, penggunaan bahasa itu menjadi berkecelaru, kalaupun tidak, tiada dapat menampung (dari aspek konsep dan perbendaharaan kata) dalam mengungkapkan fenomena atau pengalaman pelajar dalam sesuatu domain itu. Juga kalau guru asyik mengeluh bahawa anak didiknya sudah lagi tidak tampil dengan kebermelayuaannya, yang termaklum sering kali dilihat dari sifat luarannya saja, makanya kami rasa kepedulian yang para guru luahkan itu, masih berlegar dalam tingkat prioritas kepedulian yang berkulit saja. Sayugia jati diri Melayu itu dikaitkan bukan setakat manifestasi luarannya saja, tetapi yang lebih penting ialah komitmennya manusia Melayu itu kepada nasib, cabaran dan arahtuju bangsanya.[48]

Pembudayaan budaya dinamis tentunya memerlukan daya fikir yang kritis dan kreatif dan bervisi jauh, bukan saja merancang ke arah yang ideal, tetapi juga terpanggil untuk membetulkan hal-hal yang tidak beres dalam masyarakat. Tambah lagi, perlu ada komitmen sosial yang tinggi yang tergerak mengemansipasi pemikiran masyarakat. Tetapi komitmen ini hanya akan bermakna dan berkesan sekiranya individu itu terlepas dari belenggu kesedaran palsu. (false consciousness) Ini memerlukan kesedaran dan kemahuan untuk tidak apolitikal, ahistorikal dan asosial, iaitu mensenyapkan faktor-faktor ini dengan alasan pendidikan seharus dibersihkan atau berneutral dari itu semua.

Dalam hal ini, kemampuan guru mengaitkan pembelajaran dalam kelas dengan realitas sosial di luar. Maksudnya, memperingatkan perlunya kaitan teks dan konteks serta menghubungkaitkan the Word and the World (kata dan dunia)

---

[48] Rujuk Shaharuddin Maaruf, "Identiti Dahulu dan Sekarang," *Dewan Budaya*, Jun 2001, h. 16

> ***"A pedagogy of critical literacy must do more than interrogate and demystify the interests that inform dominant knowledge forms; it must also include and bring to the centre of the curriculum those forms of knowledge that constitute the spheres of the everyday and the popular. These are forms of knowledge which constitute student experience For critical literacy to be effective, it must be embedded in the concrete lived conditions of the students themselves. ..."***[49]

Dalam memastikan terbentuknya kebudayaan yang dinamis, kepekaan guru pada sejarah juga penting kerana keberadaan hari ini adalah hasil dari ketentuan sejarah yang lalu. Pemahaman pada sejarah dapat memberi ikhtibar akan kealpaan dan kekejaman manusia, sebagaimana jua ia memberi peransang akan kecerdikan dan kecermerlangan manusia. Benarlah apabila Freire menyebut: "One of our tasks as progressive educators, today and yesterday, is to use the past that influences the present. The past was not only a time of authoritarianism amd imposed silence, but also a time that generated a culture of resistance as an answer to the violence of power."[50]

Keberdayaan dan Harapan

Guru inteligensia dalam msayarakat tentunya ada keterpanggilan untuk aktif dalam gerakan sosial, terkedepan untuk menguasai ilmu pengetahuan, terdedah dengan kejelasan politik (bukan bermain politik) dan kesediaan serta minat guna menambah pengetahuan mutakhir yang akan meningkatkan kesedaran dan ilmu mereka. Sudahpun kita termaklum bahwa posisi guru amatlah berpengaruh dalam masyarakat dari beberapa segi, seperti: (a) membentuk minda generasi muda; (b) sebagai model contoh kepada anak-anak sekolah; (c) sebahagian dari inteligentsia masyarakat, makanya boleh mempengaruhi fikiran dan pendapat awam; (d) adanya mereka akses untuk mengajar dan miliki sumber-sumbernya—baik secara formal atau tidak; (e) sebagai pembentuk, pengawas dan penilai idea-idea yang diwacana atau yang dipertahan/dipromosi dalam masyarakat; (f) sebagai pengaju dan penggubal kurikulum, makanya maklumbalas kepada pihak berwajib amat sangat penting dan (g) kesedaran guru dan keperihatinan tentang ehwal masyarakat akan terjelma dalam pengajarannya, langsung menanamkan sikap kepedulian moral dan etis ke atas masyarakat mereka.

---

[49] Henry A Giroux & Peter McLaren, "Writing from the Margins: Geographies of Identity, Pedagogy , and Power," *Journal of Education*, Vol. 174, No.1, 1992, h. 25
[50] Paulo Freire, *Letters to Christina*, (New York: Routlege, 1996),h. 87

Sayugia juga termaktub dalam makna transformatif itu bukan saja kemampuan berfikir yang maju, kritis dan kreatif, tetapi keteguhan harapan bahawa sesuatu yang lebih baik. Menjadi kritis sama sekali tidak boleh berakhir dengan sinisme dan kepasrahan pada nasib. Kritis harus ditunjangi dengan pemberdayaan, bahawa sesuatu yang lebih baik dapat diusahakan, betapa ia sukar dan rumit. Afirmasi pada harapan amatlah perlu, senada dengan apa yang dianjukan Giroux:

"It is essential ...to move from questions of social and cultural reproduction to issues of social and cultural production, from the question of how society gets reproduced in the interest of the capital and its institutions to trhe question of how the 'excluded majorities' have and can develop institutions, values, and practices that serve their autonomous interests." [51]

Salah satu keperluan ialah sang guru itu dapat mendalami kurikulum yang telah dirancangkan, mampu melihat kekurangan ataupun kelebihannya: 'Empowerment includes, for example, teachers' refusal to blindly follow prepackaged educational materials produced by some experts in their offices to unequivocally demonstrate their authoritarianism...." Dalam hal ini, kepekaan guru untuk merespon akan sesuatu rancangan kurikulum itu, bergantung besar kepada kemampuan mereka mengaitkan kurikum dengan idea dan nilai yang mendominasi sesuatu masyarakat itu.Jelasnya, warga guru, yang berfungsi sebagai intelektual publik terkedepan untuk memikirkan persoalan apakah dan mengapakah mereka mengajar sesuatu perkara itu.

"Viewing teachers as intellectuals also provides a strong theoretical critique of technocratic and instrumental ideologies underlying an educational theory that separates conceptualization, planning and design of curricula from the processes of implementation and execution. It is important to stress that teachers must take active responsibility for raising serious questions about what they teach, how they are to teach, and what the larger goals are for which they are striving. This means that they must take a responsible role in shaping the purposes and conditions of schooling... " [52]

---

[51] Dipetik dlm. Donaldo Macedo, Bessie Dendrinos & Panayota Gounari (ed.) *The Hegemony of English*, h. 42
[52] Dipetik dari Jesse Goodman, Review on "Teachers as Intellectuals: Toward a Critical Pedagogy of Learning," *Journal of Education*, Vol. 170, No.2, 1988, h. 145-6

Intelektual yang ampuh itu bukan saja bervisi, beremphatis akan keadaan sekelilingnya, terpasnggil meggubati yang sakit, tetapi juga punyai harapan bahawa masalah dalam masyarakatnya boleh ditangani, sekiranya ada kepedulian, kebijakan dan kesegeraan untuk bertindak. Kepasrahan di pihak intelektuallah yang mesti dihindari sama sekali, kepada masyarakat amat sekali memerlukan bukan saja kepimpinan intelektual, tetapi keyakinan dan harapan bahawa sesuatu itu *boleh* dilakukan, betapapun kecil dan sukar. Sepertimana yang diulas Giroux:

> ***"Hope becomes meaningful to the degree that it identifies agencies and processes, offers alternatives to an age of profound pessimism, reclaims an ethic of compassion and justice, and struggles for those institutions in which equality, freedom, and justice flourish as part of the ongoing struggle for a global democracy."[53]***

Inteligensia Transformatif dan Pencorakan Demokrasi

Falsafah pendidikan yang meletakkan pertalian hubungan guru dan murid pada tingkat hierarki antara sang pengajar yang serba tahu dengan si pelajar yang serba patuh adalah falsafah pendidikan yang terkebelakang, yang hanya memperkukuh sistem yang sedia ada, selainkan menjana kitaran autoritarianisme. Namun dalam mengusahakan pedagogi humanistik kritikal dalam bilik darjah atau dewan kuliah, bukan beerti sang guru melucutkan peranan utama dalam membimbing para pelajar. *Mendemokrasikan pembelajaran* dengan menggalakkan partisipasi pelajar secara proaktif, bukanlah beerti *abdikasi guru* daripada tugasnya sebagai pendidik dan mentor kepada pelajar itu tadi. Guru tetap harus memikul tanggunjawab sebagai *guru* dan bukan berubah menjadi sekadar *fasilitator*.[54] Intervensi atau campurtangan guru amat diperlukan, menjalankan tugasnya berdasarkan autoriti[55] secara rasional dan demokratis, tetapi bukan pula mengkonsolidasi autoroti tetapi *"to understand, interpret, and question it: this is another version of speaking truth to power."*

[53] Giroux, "When Hope is Subversive." *Tikkun*, Vol. 19, No.6 h. 39
[54] Horton & Freire,*We Make the Road by Walking: Conversations on Education and Social Change.* (Philadelphia, PA: Temple University Press, 1990), h. 378
[55] Rujuk, Jodi O'Brien & Judith A Howard, "To Be or Not To Be: The Paradox of Value-Neutrality and Responsible Authority," *Teaching Sociology*, Vol.24, No.3, 1996, h. 326-330

Jelasnya, dalam memastikan adanya dialog atau demokrasi dalam bilik darjah, bukan bererti guru itu seharusnya setuju apa saja dengan apa yang dikatakan dan dimahukan oleh para pelajar, atas alasan menghormati pendirian mereka. Malah sekiranya itu berlaku, guru yang mengelakkan intervensi itu ternyata bersekongkol dengan ideologi yang dominan, terlebih lagi apabila para pelajar tadi, tanpa sedar, menyatakan atau berpendirian sama dengan sesetengah ideologi yang dominan itu. Malah, Freire juga menyeru supaya sang guru menjangkau lebih dari berperanan sebagai *intelektual yang berterlibat* (*engaged intellectual*) tetapi, manusia yang memikul tugas *prophetis*, sang pedagog yang saat ia menyeru kepada kesempurnaan, tetap ia berani menyangkal kebathilan.[56]

Keberanian Moral

Antara mula pertama adalah sang guru itu sendiri ada keberanian moral untuk *menolak kenaifan* yang terselindung dalam idea-idea muluk yang sering dilaung-laungkan. Kenaifan yang sering wujud adalah berkenaan fungsi persekolahan itu sendiri dapat menjamin kebebasan pemikiran anak-anak untuk mencapai keberadaan yang sempurna setelah tamat persekolahan. Ini bukanlah bererti kita seharusnya berskeptis terus akan fungsi sekolah, tetapi keprihatinan bertanggungjawab supaya kita tahu bertahannya *ideologi berkepentingan* yang akan terus menghalang tumbuhnya pendidikan yang memberati persoalan kemanusiaan dengan lebih tuntas. Juga, tatkala kita teransang untuk melakukan sesuatu demi mencapai perubahan yang progresif, usahlah kita buta pula akan realiti yang benar-benar membatasi tindak kita. Ini harus jelas, kerana pada hemat Freire: *"We have to know that we are not in school to transform the world. This is not the task for the schools. But we are in school at least to challenge our students to think differently, that is, to go beyond a certain kind of mental bureaucratization, which is terrible. It immobilizes history, creativity, and so on."[57]*

[56] Dipetik dalam Carlos Alberto Torres, *Education, Power, and Personal Biography: Dialogues with Critical Educators.* (*New York: Routledge*, 1988), h. 104
[*57] Freire* "Toward a Pedagogy of the Question: Conversations with Paulo Freire," *Journal of Education*, Vol.167, No.2, 1985, h. 14

Dalam sebuah demokrasi, guru sayugia memainkan peranan yang terulung. Seperti yang pernah diingat Mannheim: *"They can only achieve this by regarding their work as a serious responsibility to the community."* Begitupunlah yang dianjur Aronowitz dan Giroux bahawa guru itu

> ***"must take active responsibility for raising serious questions about what they teach, how they are to teach it, and what the larger goals are for which they are striving. This means that they must take a responsible role in shaping the purpose and conditions of schooling."***[58]

Sebagai pendidik yang ada visi untuk merubah sesuatu, ianya bukanlah berdasarkan angan-angan, tetapi pengharapan yang membumi, kerana ianya terdahulu dipersiap dengan usaha yang telah dan akan dilakukan sebaik mungkin. Ertinya ada pengharapan yang membumi, bukan pula keutopiaan yang melekakan atau mengalpakan dari realiti yang sebenar. Seharusnyalah iltizam pada pedagogi kamanusiaan kritis ditunjangi *harapan* bukan pesimisme dan sinisme. Pendidik, sebagai "karyawan kebudayaan" (*teachers as cultural worker*) dengan meminjam istilah Friere, terlebih dahulu harus punyai tekad harapan dan berkeyakinan bahawa kita boleh melakukan sesuatu kerana kita adalah tunjang dalam pendidikan untuk generasi hari ini dan yang akan datang.[59] Mendidik itu adalah amanah besar dan melaksanakan ia amat berliku dengan cabaran, perlukan sedalamnya kesabaran dan seluasnya ilmu untuk dibangun dan disampaikan. Namun tatkala kita meletakkan harapan penuh, dengan tekad bersungguh, apabila kita tidak menyaksikan perubahan yang diingini, kita usah lekas hilang keyakinan. Sebaliknya harus kita ingati bahawa penyampaian dan pembelajaran itu sebagai suatu proses, bukan suatu hasil atau produk yang mesti boleh didapatkan dan diukur dalam kadar waktu yang tertentu. Lain perkataan, yang dimaksudkan di sini ialah pentingnya keutopian konkrit, sebagaimana dijelaskan Freire: *"To be utopian is not to be merely idealistic or impractical but rather to engage in denunciation and annunciation."[60]* Sayugia diperkira oleh sang pendidik, sebagai intelektual transformatif, persoalan-persoalan lain, seperti berikut:

---

[58] Aronowitz & Giroux, *Education Under Siege*, 1985, h. 31
[59] Sila baca, Paulo Freire, *Pedagogy of Hope*. (NY:Continuum, 2002).
[60] Freire, *Politics of Education*, h. 57

(a) Keperluan pedagogi kritikal dalam upaya membangun dan memperkukuh literasi kritikal dan ini sekaligus memerlukan sang guru itu ada kepercayaan kepada manusia dan kemampuan kuasa kreatif mereka. Tidak dapat tidak ini memerlukan guru itu menjadi *partner* pada para pelajar dalam berhubungan dengan mereka.

(b) Kesanggupan bertindak guna merubah bagi kebaikan (turun padang)

(c) Sadar akan keberlangsungan hidden curriculum, makanya perlu diatasi sebaik mungkin berdasarkan konteks dan keperluan masing-masing;

(d) Memantau segala unsur anti-intelektualisme yang menjalar, baik dalam persekitaran sekolah, mahupun di luarnya

(e) Menangkis segala pemupukkan pembodohan (stupidification) iaitu penyebaran secara halus menerusi indoktrinasi, agar kita hilang atau meminggirkan kemahiran berfikir serta mudah diperdaya, sehingga tiada dapat, secara kritis, memahami persekelilingan kita[61];

(f) Kesedaran bahawa mengkritik dan memikir-ulang itu sebagai pertanggungjawaban etis dan intelektual, yang biarpun ruangnya kecil, tetap harus diusahakan dan diterjemahkan secara praktis guna membawa perubahan dari kebelengguan yang menyempit kemanusiaan kita. Lain perkataan, adanya harapan realistas ataupun yang disebut sebagai utopianism dan educated hope.[62]

[61] Donaldo Macedo, "Literacy for Stupidification: The Pedagogy of Big Lies,"
[62] Baca Henry A Giroux, "Utopian Thinking Under the Sign of Neoliberalism: Towards a Critical Pedagogy of Educated Hope," *Democracy & Nature*, Vol.9, No.1, 2003, h . 91- 105 ; "Paulo Freire, Prophetic Thought, and the Politics of Hope," dlm. Henry Giroux, *Stealing Innocence: Youth, Corporate Power, and the Politics of Culture*. (New York: St. Martin's Press, 2000)

Melawan Kepasifan dan Otoriti Membelenggu

Persoalan yang harus difikirkan ialah: Sama ada kita mahu terus membiarkan kondisi yang sedia ada (kepasifan, buta sosial, apathy) ataupun kita mahu memperkasakan (empower) mereka dan masyarakat. Apabila kita membiarkan sistem pendidikan kita didomestikasi dengan idea dan nilai yang melumpuh (seperti fasisme ras, fundamentalisme agama, konsumerisme rakus dan ketidakacuhan faham pascamoderen) pengsosialan para pelajar akan terus juga menerima idea-idea dominan dalam masyarakat, yang barang tentu berpihak kepada golongan tertentu saja. Metode penabungan itu adalah satu contoh pengdomestikan ini. Pembelajaran sehala yang diterima para pelajar daripada guru adalah halangan kepada pembelajaran yang bersifat dialog dan dialektik. Apabila ini berlangsungan, sang guru mengambil peranan serba tahu dan para pelajar pula harus terus bergantungan kepada guru tadi.

Jelas sekali, tugas guru sayugianya usah dilihat sebagai hanya pendidik kepada anak-anak secara formal atau sebagai watak/peran contoh kepada mereka saja, mahupun sebagai fasilitator untuk menjayakan pembelajaran dalam kelas. Sebaliknya, mereka (guru) diperkasakan dengan tanggungjawab bahawa tugas mereka menjangkau lebih daripada seorang pendidik sekolah. Para guru, teristimewa, guru bahasa, sayugia dilihat sebagai sebahagian daripada intelektual awam dalam masyarakatnya. Hal ini pernah disinggung oleh Henry Giroux, sewaktu membicarakan hal ini dalam konteks guru Bahasa Inggeris:

[61] Donaldo Macedo, "Literacy for Stupidification: The Pedagogy of Big Lies,"
[62] Baca Henry A Giroux, "Utopian Thinking Under the Sign of Neoliberalism: Towards a Critical Pedagogy of Educated Hope," *Democracy & Nature*, Vol.9, No.1, 2003, h . 91- 105 ; "Paulo Freire, Prophetic Thought, and the Politics of Hope," dlm. Henry Giroux, *Stealing Innocence: Youth, Corporate Power, and the Politics of Culture*. (New York: St. Martin's Press, 2000)

***"Teachers need to view themselves as public intellectuals who combine conception and implementation, thinking and practice. The category of public intellectual is important here for analyzing the particular practices in which teachers engage. First, it provides a referent for critizing those pedagogies that treat knowledge as fixed and deny students the opportunity to interrogate their own histories and voices. Second, the notion of public intellectual accentuates the theoretical and political basis for teachers to engage in a critical dialogue among themselves and student in order to fight for the conditions they need that will allow them to reflect, read, share their their work with others in the interest of not merely improving the life of the mind but engaging and transforming oppressive discursive and institutional boundaries. Their, the category signifies the need for teachers of English to redefine their role as educational leaders in order to create programs which allow them and their students to understake the language of social criticism, to display moral courage, and to connect rather rather than distance themselves from the most pressing problems and opportunities of the times."*[63]

Makanya, selagi pendidikan bahasa diajarkan dalam bentuk yang formalistik/tradisional, maka di situlah letaknya antara rintangan mental dan struktural yang menghalang tumbuhnya pemikiran kreativiti dan kritikal, baik yang berlangsungan dalam atau luar sekolah. Dan di sinilah juga terlihat hambatan besar untuk guru membudaya etos demokrasi, di samping kegagalan mereka untuk bertindak sebagai intelektual awam yang berfungsi. Lain perkataan,. pendekatan pendidikan secara tradisional di mana pedagoginya masih bersifat penabungan manakala guru pula bertindak sebagai tokoh serba tahu, makanya praktis-praktis pendidikan regresif ini akan terus bertahan. Ini ada kesan kerana ianya "*creates inhibitions and suppresses the development of personal autonomy and intelligent judgment. Most individuals are not educated to develop their intellectual powers but subjected to process imitation and emotional suggestion which train them for an unthinking acceptance of values and blind obedience."[64]* Inilah cabaran yang harus terus kita dedahkan guna dianalisis, dikupas, dikritis dan dicari jalan keluarnya. Ini masalah guru, pendidikan, dan pembelajaran. Siapatah lagi yang paling layak untuk membicarakan hal ini, kalau bukan warga guru itu sendiri. Di sinilah bermula titik kesanggupan untuk merubah — dan itulah juga tugas sang intelektual awam, yang terkedapan menjana perubahan.

[63] Giroux, "Reading Texts, Literacy, and Textual Authority," *Journal of Education*, Vol 172, No.1, 1990, h. 99
[64] Gunter W Remmling, *The Sociology of Karl Mannheim*, h. 114

Anjuran Renungan dan Tindakan

Secara ideal setiap masyarakat itu membutuhi warga guru itu berkomited untuk memastikan adanya pencerahan pemikiran, serta meyakini ianya sebagai pertanggungjawaban etis-moralnya terhadap masyarakat mereka. Sebagai guru, tatkala mereka mahu membentuk dan mempengaruhi pemikiran anak didik mahupun khalayak ramai, seharusnya mereka sedar bahawa pengajuan secara ideal dan abstrak hanya akan berkesan sekiranya kita juga memikirkan realiti sosial dan budaya kita. Ertinya bagaimana sesuatu yang dicitakan itu (yang diandaikan baik untuk masyarakat) dapat diterjemahkan secara konkrit dalam kehidupan masyarakat itu. Justeru itu, betapapun seseorang itu menguasai sesuatu ilmu untuk dimanfaatkan dalam masyarakatnya, ianya tidak akan berkesan sekiranya beliau tidak memperdulikan struktur masyarakatnya. Tanpa kepedulian tentang struktur masyarakatnya, bererti kepincangan kesedaran sang intelektual itu tadi untuk mendiagnos permasalahan dan kegencotan di sekelilingnya. Dan salah satu asas untuk menjanakan pemikiran yang kritis-diagnostik itu, harus bermula dengan kepekaan pada bahasa yang transformatif sifatnya, seperti yang disebut Freire, "to exist, humanly, is to name the world, to change it." [65] Jelasnya, menangani persoalan kebudayaan dengan kesedaran baru tentu pula harus dipikul oleh intelektual transformatif, segolongan intelektual baru yang tumbuh dalam kalangan kita, yang menurut Gramsci: "The mode of being of the new intellectual can no longer consist in eloquence [...] but in active participation in practical life, as constructor, organizer, 'permanent persuader' and not just a simple orator..."

[65] Freire, Pedagogy of the Oppressed, (New York: Continumm, 1998), h. 76

Akhirul kalam, guru sebagai inteligensia bererti warga guru yang bukan saja berfungsi dalam pendidikan untuk mengkedepankan budaya berfikir yang kreatif dan kritis, tetapi juga mempunyai komitmen untuk memikul tanggungjwab sebagai intelektual publik. Posisi ini bukanlah suatu yang automatik, jauh lagi suatu privilege tanpa syarat. Juga ia tidak boleh dipaksakan. Namun, sebagai inteligentsia dalam masyarakat, tertanggung di atas bahu warga guru untuk menyahuti cabaran ini. Ianya bukan saja satu tanggungjawab (duty), melainkan ia juga suatu hak (rights). Keterabaian dalam hal ini, adalah membelakangi amanah yang telah diberikan pada kita, kerana "suatu masyarakat tanpa kelompok intekelektual yang berfungsi itu akan ketandusan suatu tingkat kesedaran dan penerungan mendalam akan masalah-masalah besar yang ada dalam masyarakat itu." [66] Sesungguhnya, haruslah ini dielakkan, sebagaimana yang diperingatkan Karl Mannheim bahwa, "the intelligentsia abdicates only when it surrenders its self-awarness." [67] Pemupukan dan perancangan ke arah pembudayaan intelektualisme yang terkedapan dalam domain publik oleh warga guru kita, tidak dapat tidak, adalah persoalan kebudayaan, intelektual dan moral yang patut diberikan perhatian segera. Dan kemampuan warga guru kita akan menentukan masa depan dunia pendidikan, keilmuan dan pemantapan masyarakat.

BIBLIOGRAFI

Agger, Ben. (2000). *Public Sociology: From Social Facts to Literary Acts.* Lanham, Md.: Rowman & Littlefield Publishers

Alatas, Syed Hussein. (1970). *Intellectuals in Developing Societies.* London: Frank Cass, 197

Aronowitz, Stanley & Henry A Giroux (1990). Postmodern Education: Politics, Culture, and Social Criticism. Minneapolis: University of Minnesota Press.

Aronowitz, Stanley & Henry Giroux (1985). Education Under Siege, The Conservative, Liberal, Radical Debate over Schooling. South Hadley, Mass.: Bergin & Garvey.

Bartolome Lilia I. (2004). "Critical Pedagogy and Teacher Education: Radicalizing Prospective Teachers," Teacher Education Quarterly.

[66] Alatas, *Intellectuals in Developing Societies*, (London: Frank Cass, 1970), h.10
[67] Kart Mannheim, *Essays on Sociology of Culture*, h. 170

Bruno Bettelheim. (2002). "The Social-Studies Teacher and the Emotional Needs of Adolescents," The School Review, Vol. 56, No.10.

Buttigieg, Joseph A. (2002). "On Gramsci," Daedalus, Summer

Calavita, Kitty. (2002). "Engaged Research, "Goose Bumps," and the Role of the Public Intellectual," Law & Society Review, Vol. 36, No.1.

Cochran, Terry. (1994). "Culture in Its Sociohistorical Dimension," boundary 2, 21, 2, 1994 h. 153

Freire, Paulo. (2001). Pedagogy of Freedom: Ethics, Democracy, and Civic Courage. New York: Rowman & Littlefield.

Freire, Paulo. (1998). Teachers as Cultural Workers: letters to those who dare teach Boulder, Colo: Westview Press.

Freire, Paulo. (1996). Letters to Christina, New York: Routledge.

Freire, Paulo.(1985). The Politics of Education : Culture, Power, and Liberation. South Hadley, Mass. : Bergin & Garvey.

Freire, Paulo. (1985). "Toward a Pedagogy of the Question: Conversations with Paulo Freire," Journal of Education, Vol.167, No.2.

Freire, Paulo. (2002). Pedagogy of Hope. NY:Continuum

Freire, Paul. (1998). Pedagogy of the Oppressed. New York: Continumm

Freire, Paulo & Macedo, (ed.) (1987). Literacy: Reading the Word and the World. Massachusetts: Bergin & Garve.

Giroux, Henry. (1988). "The Hope of Radical Education: A Conversation with Henry Giroux," Journal of Education, Vol. 170, No. 2.

Giroux, Henry. (2003). "Utopian Thinking Under the Sign of Neoliberalism: Towards a Critical Pedagogy of Educated Hope," *Democracy & Nature*, Vol.9, No.1, 2003, h . 91- 105

Giroux, Henry. (1990). "Reading Texts, Literacy, and Textual Authority," Journal of Education, Vol 172, No.1.

Goodman, Jesse. (1988). Review on "Teachers as Intellectuals: Toward a Critical Pedagogy of Learning," Journal of Education, Vol. 170, No.2.

Gotz, Ignacio L. (1996). "On Spirituality and Teaching," dlm. Philosophy of Education, 1997 Urbana, Ill. : The Philosophy of Education Society.

Hooks, Bell. (2003). Teaching Community: A Pedagogy of Hope. London: Routledge.

Horton, Myles & Paulo Freire. (1990). We Make the Road by Walking: Conversations on Education and Social Change. Philadelphia, PA: Temple University Press.

Kohl, Herbert. "Developing Teacher for Social Justice," Radical Teacher, No. 65.

Long, David Alan. (1995). "Sociology and a Pedagogy for Liberation: Cultivating A Dialogue of Discernment in Our Classrooms," Teaching Sociology, Vol. 23.

Mannheim, Karl. (1976). Ideology and Utopia London: Routledege& Kegan Paul.

Mannheim, Karl. (1993). "The Sociology of Intellectuals," Theory, Culture & Society, Vol. 10

Mannheim, Karl. (1971). Essays on Sociology of Culture. Routledege & Kegan Paul.

Mannheim, Karl. (1952). Essays on the Sociology of Knowledge, London: Routledge & Kegan Paul.

Mannheim, Karl. (1950). Man and Society: In an Age of Reconstruction. New York: Harcourt, Brace & Co.

Mannheim, Karl. (1951). Freedom, Power & Democratic Planning. London: Routledge & Kegan Paul.

Mannheim, Karl. (1944). "Sociology for the Educator and the Sociology of Education," dlm. Sociology and Education. LePLay House Press.

Mannheim, Karl. (1962). An Introduction to Sociology of Education, London:Routledge & K. Paul.

Macedo, Donaldo, Bessie Dendrinos & Panayota Gounari (ed.) (2004). The Hegemony of English. Boulder: Paradigm Publishers.

Macedo, Donaldo. (1994). "Preface" dlm Politics of Liberation: Paths from Freire, (ed.) Peter L McLaren & Colin Lankshear. London: Routledge.

Mills, C Wright. (1963). "The Social Role of the Intellectual," dlm. I.L. Horowitz (ed.) Power,Politics, and People: The Collected Essays of C Wright Mills. New York: Oxford University Press.

O'Brien, Jodi & Judith A Howard. (1996). "To Be or Not To Be: The Paradox of Value- Neutrality and Responsible Authority," Teaching Sociology, Vol.24, No.3.

Perkinson, H.J. (2002). "Fanaticism: Flight from Falliability," ETC Summer.

Phenix, Henry. (1964). Realms of Meaning, a philosophy of the curriculum for general education. New York , McGraw-Hill.

Remmling, Gunter M. (1975). The Sociology of Karl Mannheim. London: Routledge & Kegan Paul.

Said, Edward. (1996). Peace and Discontents. New York: Vintage Books.

Said, Edward. (1996). Representations of the Intellectual. New York: Vintage Books.

Said, Edward. (2002). "The Public Role of Writers and Intellectuals," dlm. Helen Small (ed.) The Public Intellectual. Oxford: Blackwell Publishing.

Shaharuddin Maaruf. (2001). "Identiti Dahulu dan Sekarang," Dewan Budaya, Jun 2001.

Shapiro, Svi. "Education and Moral Values: Seeking a New Bootom Line," Tikkun, Vol. 20, No. 2.

Spring, Joel. (2003). Educating The Consumer-Citizen: A History of the Marriage of Schools, Advertising, and Media. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.

Torres, Carlos Alberto. (1988). Education, Power, and Personal Biography: Dialogues with Critical Educators. New York: Routledge.

Wolff, Kurt H. (1993). From Karl Mannheim. London: Transaction Publishers.

Lampiran

Bila Guru Salah Pandu

Azhar Ibrahim Alwee

Bila Guru Salah Pandu
Murid dan sekolah jadilah celaru
Bukan ilmu dan adab yang diaju
Bukan juga sains dan teknik untuk maju

Bila guru Salah Pandu
Bedakan gurau dan fakta tidak tahu
Mendengar teguran tidak mahu
Melafaz yang tak patut ia tak malu

Bila Guru Salah Pandu
Cakap di khalayak makin merapu
Maki seranah semua dah tahu
Ada pula bengis senang nak palu

Bila Guru Salah Pandu
Penguasa dan ibubapa tidak boleh kelu
Pikirkan kembali pelatihan guru
Dicarikan musabab mengapa begitu

Bila Guru Salah Pandu
Dan kitapun diam membisu
Dan anak didik ragu dan buntu
Itulah punca kerosakan mula bertepu

Saudara, janganlah salahkan semua Guru
Kerja guru mesti kita hormat selalu
Tapi bila ada guru yang salah pandu
Dibetulkan tanggapannya agar jangan melulu

Tugas guru terpenting nombor satu
Pencerahan bangsa bermula darinya itu

Suara berakal yang menolak segala palsu
Etika dan ilmu diterapkan dengan padu

Mendidik membangun itulah kerja guru
Dari guru berjasa terbangun Manusia Baru
Itulah harapan pendidikan yang maju
Ke depan kita bangun keguruan yang jitu



Slaid Pembentangan





Slaid Pembentangan

"Transformative intellectuals need to develop a discourse that unites the language of critique with the language of possibility, so that social educators recognize that they can make changes. In doing so, they must speak out against economic, political and social injustices both within and outside of schools. At the same time, they must work to create the conditions that give students the opportunity to become citizens who have the knowledge and courage to struggle in order to make despair unconvincing and hope practical. As difficult as this task may seem to social educators, it is a struggle worth waging. To do otherwise is to deny social educators the opportunity to assume the role of transformative intellectuals."

Henry A Giroux

PERANAN GURU DALAM MASYARAKAT



- Dalam tradisi Islam, masyarakat Melayu ---guru mempunyai kedudukan yang terhormat.
- Komuniti guru --- inteligensia dalam masyarakat. Guru-inteligensia ---memikul tanggungjawab dan *historical mission*
- Guru intelektual hari ini tidak boleh seperti pujangga zaman feudal
- Mereka terpanggil untuk memimpin, mengarah, dan membentuk insan dan masyarakat menerusi pendidikan, --- terkedepan dalam aktivisme sosial, dalam konteks masyarakat moden.
- **Darma Pedogogi merujuk kepada Amanah dan tanggungjawab sang pendidik**


Slaid Pembentangan

Ciri-ciri cakupan pengertian darma pedagogi

1. Mendidik dengan berpegang kepada matlamat yang terarah kepada membangun peribadi dan prestasi ilmu anak didik
2. Memimpin dalam institusi yang menggerak Pendidikan tersebut
3. Menjadi *thought-leadership* dalam memberi arah kepada aspek falsafah, pedogogi, kurikulum dan penilaian pendidikan
4. Memiliki keberanian intelektual dan moral dalam melihat cakrewala Pendidikan dengan realiti masyarakat, sehingga mampu memberikan pemerhatian dan penilaian yang rasional, kritis dan objektif
5. Mahu dan Mampu untuk bertindak dan berterlibat dalam sfera awam, sebagai warga, pakar dan pimpinan
6. Mempunyai keterikatan organik dengan masyarakat

Guru adalah Intelektual....

- Intelektual adalah "seorang yang mengumuli pemikiran tentang idea dan masalah non-materi dengan menggunakan akal fikirannya." (SHA)
- Alatas membedakan maksud antara *intellectual* dan *intelligentsia*, walaupun dia saling menggunakan konsep ini bergantian: 'intelligentsia' bermaksud: *"those who have gone through higher formal and modern education, the specialists and the professionals, and those who have acquired higher-level education by other means. In the developing countries the inteligentsia functions as a group."*
- Karl Mannheim, inteligensia-- *"social groups whose special task is to provide an interpretation of the world for society."*



Slaid Pembentangan

- Golongan intelektual adalah kelompok penting yang menjadi obor pencerahan, pengaju keadilan dan penyeru kepada perubahan dan kemajuan.

4 ciri yang menyifatkan intelektual berfungsi.

1. Dapat memerhati dan mengenalpasti permasalahan yang timbul dalam masyarakat.
2. Dapat ia mentakrif permasalahan yang dihadapai masyarakat.
3. Dapat ia menganalisa sebab musabab masalah tersebut dan mengapa ia berlanjutan dan bertahan.
4. Mampu mencari dan menganjurkan jalan keluar akan permaslahan tersebut.

Bertungsinya intelektual bergantung sejauh mana mereka ada kepedulian kepada masyarakat

Intelektual yang mampu dan harus memimpin masyarakat tidak boleh hidup bersendirian -- terus dan teguh di tengah-tengah pergolakan dan perubahan masyarakat.



Guru- Inteligensia Memerlukan Masyarakatnya

- Inteligensia itu memerlukan masyarakatnya untuk ia menjadi suatu kelompok yang bertungsi. Masyarakatlah tempat ia dapat merasai keterikatan kepada budaya masyarakatnya (*sense of rootedness*)
- Ada tiga segi mengapa ia memerlukan masyarakatnya:

1. Pertama masyarakat itu sendiri menjadi tempat intelektual itu mendapatkan ilham dan kesedaran untuk memperhalusi cetusan pemikiran dan renungan mereka. Intelektual yang terpisah dari masyarakatnya akan hilang ilham sehingga yang terhasil olehnya semakin jauh daripada keperluan masyarakat.
2. Kedua, masyarakat itu sendiri adalah penting bagi memastikan usaha intelektual itu membumi, konkrit dan relevan. Ia dapat mengelakkan berteori yang muluk-muluk dan abstrak.
3. Ketiga dari masyarakatlah para intelektual terus dapat menguji dan memperkenalkan idea yang mahu mereka kedepankan dengan harapan ia terus dibaiki dan dibangunkan.

- Upaya intelektual itu bukan hanya kertas atau konferensi saja. Idea dan tindak laku mereka harus relevan dan dimengerti masyarakat.

Slaid Pembentangan

Inteligensia Memberi Kepimpinan Fikiran dan Idea



- Edward Said ---tugas intelektual -- membebaskan masyarakat dari segala bentuk otoriti yang mencengkam dan memperolok kemanusiaan.

"The role of intellectual is to say the truth to power, to address the central authority in every society without hypocrisy, and to choose the method, the style, the critique best suited for the purposes. This is so because the intellectual produces a kind of performance that continues for years, whose main goal is.. to give utterance not to mere fashion and passing fads but to real ideas and values."

- Mereka seharusnya memastikan bahawa mereka terus kritis atas diri atau kumpulan sendiri, sebagaimana mereka ke atas kelompok yang lain."
- Misi historikal sang intelektual -- memastikan keberadaan dan kesejahteraan masyarakatnya terus mendapat perhatian. Mannheim:

"It is the high calling of the intellectuals, aided by their self-reflexive sociological orientation; to do what is necessary in this historical hour: to bring their self-consciousness to completion and lived according to its newly-won insights.

- Model intelektual yang bersifat kepujanggaan-kependetaan yang ensiklopedik, sudah tidak lagi memadai.
- Konsep budaya itu sendiri sudah disempitkan pada makna mutlak, dikosongkan daripada makna sebenarnya (*budi-daya*, menjadi budaya) sehingga ianya menjadi sesuatu warisan yang diperturunkan, bukan pula sesuatu yang baru diciptakan. Di sinilah terjadinya *ossification* budaya itu sendiri.



Slaid Pembentangan

Guru Bahasa Mengkedepankan Wacana Kritis




- Guru seharusnya melihat ini bukan sebagai prestij tetapi suatu pertanggungjawaban yang terpikul di bahu dan pundak mereka demi membawa masyarakat ke tahap pembangunan bermakna
- Paulo Freire, *"No society can assert itself without developing its culture, science, research, technology, and teaching. And all this begins in elementary school"*
- Ini adalah pengiktirafan kepada kerjaya guru, meletakkan tanggungjawab besar
- Tugas guru Bahasa Melayu tidak boleh lagi disempit atau dibiarkan terhenti di peringkat *guardian of culture and language*—melainkan sebagai intelektual awam atau intelektual transformatif.
- Dalam sosiologi pendidikan Mannheim, pertegas:

"it is not merely a question of adapting men to a certain given level of development, but of producing individuals capable of developing the existing form of society beyond itself to a further stage. .....The task of education, therefore, is not merely to develop people adjusted to the present situation, but also people who will be in a position to act as agents of social development to a further stage. ..."

- Penguasaan ilmu, kepekaan realitas, termasuk mempunyai keberanian moral untuk menyuarakan sesuatu yang hak. Freire menjelaskan:


"The teaching task is above all a professional task that requires constant intellectual rigor and the stimulation of epistemological curiosity, of the capacity to love, of creativity, of scientific competence and the rejection of scientific reductionism. The teaching task also requires the capacity to fight for freedom, without which the teaching task becomes meaningless."

- Barang tentu ini tidak akan dapat tercapai sekiranya warga guru tidak dapat keluar dari kepompong kepuasaan kerjaya yang diatasnamakan oleh pengkhususan kerjaya (contohnya "saya hanya sebagai guru Bahasa Melayu saja"



Slaid Pembentangan


Tantangan Domestikasi Bahasa



- Ekonomi pasaran bebas-melihat segala sesuatu dari keberhasilan dan keberuntungan ekonomi, (dengan kos pengeluaran yang terendah) maka potensi dan fungsi bahasa itu telah didomestikasikan (*domesticate*) bukan saja untuk untuk memenuhi keperluan ideologi yang dominan tetapi juga, secara tidak langsung, terjadinya budaya pensenyapan, (*culture of silence*)
- Sampai bahasa itu sendiri tidak dapat menampung gerakan pemikiran kritis dan ajuran-anjuran bersifat emasipatoris
- Apabila dalam falsafah pendidikan yang memberati soal-soal teknis, daripada hal-hal yang substantif, maka terjadilah idea pendidikan yang kononnya bersifat "neutral" sehingga apa yang terjadi adalah menjalarnya pemikiran yang *apolitical, asocial , ahistorical,* dan *amoral.*

- Perkara yang instrumental diangkat menjadi suatu yang besar, perkara yang remeh digendangkan tanpa kesudahan
- Hal sebutan baku, struktur tatabahasa, ungkapan tradisional, laras kata, penukaran koda, slanga – masih lagi menjadi minat besar kita, seolah-olah nasib bahasa ini terletak pada perkara-perkara ini saja
- Kepedulian para pendidik tentang hal ini tidaklah semuanya bersalahan, tetapi ini amat bermasalahan apabila ia menjadi suatu obsessi, sehingga meminggirkan perkara atau masalah yang lebih besar
- Fungsi bahasa dibatasi, dineutralkan, dijadikan sekadar alat komunikasi manusia, tanpa ada kesan atau berkesan tatkala manusia mencari makna dalam kehidupannya.
- Bahasa itu sendiri dapat kita keluar daripada kebelengguan ideologi dominan. Sahutan oleh Aronowitz dan Giroux:

  "[D]eveloping a language that can question public forms, address social injustices, and break the tyranny of the present....teachers need a language of imagination, one that insists on consideration of the critical means for developing those aspects of public life that point to its best and as yet unrealized possibilities, and acts to enable such consideration



Slaid Pembentangan

Kepedulian Inteligensia Masyarakat


Guru sebagai inteligensia, tentunya banyak tertumpu pada sekolah, namun tetap ia cergas memantau apa yang berlaku dalam masyarakatnya. Ia tidak segan silu untuk terkedepan untuk menyatakan yang hak, dan menegur yang bathil, sedang ia saling berempatis akan masalah yang dihadapi itu. Said: *"Intellectuals should be the ones to question patriotic nationalism, corporate thinking, and a sense of class, racial, or gender privilege."*

- Anjuran supaya intelektual publik terkedepan dalam masyarakat hari ini amat sangat diberi perhatian oleh Edw"The intellectual's role generally is dialectically, oppositionally, to uncover and elucidate contest ..to challenge and defeat both an imposed silence and the normalized quiet of unseen power wherever and whenever possible. For there is a social and intellectual equivalence between this mass of overbearing collective interests and the discourse used to justify, disguise, or mystify its working while also preventing objections or challenges to it.
- Edward W. Said



- Guru sebagai intelektual transformatif, ertinya guru yang melihat bahawa anak-didiknya itu sebagai *"critical agents, question how knowledge is produced and distributed, utilize dialogue, and make knowledge meaningful, critical, and ultimately emancipatory."* Tambah lagi

  "one who exercises forms of intellectual and pedagogical practice which attempt to insert teaching and learning directly into the political sphere by arguing that schooling represents both a struggle for meaning and a struggle over power relations….to one whose intellectual practices are necessarily grounded in forms of moral and ethical discourse exhibiting a preferential concern for the suffering and struggles of the disadvantages and oppressed."
- Sikap *laissez-faire* sebenamya tiada tempat dalam kepedulian intelektual transformatif atau inteklektual publik: R. S Peters –
- *"to adopt this laissez-faire attitude in a school would be to abdicate as an educator. Caretakers, maybe, can adopt such an attitude, but not teachers."*



Slaid Pembentangan




- Dalam pengertian intelektual transformatif, guru itu bukan saja kreatif dalam proses pembelajaran tetapi kritis tentang apa yang mereka berhadapan dalam masyarakat. Mereka prihatin bukan saja pada anak didik mereka, tetapi juga kepada masyarakat sekelilingnya
- Tugas ini bukanlah sesuatu yang mudah, jauh lagi boleh diukur dan usahlah pula dinantikan imbuhan atau pengikhtirafan. Chomsky menyebut:
- *"The job the honest intellectual is to help our people who need help; to be part of the people who are struggling for rights and justice. That's what you should be doing. But of course, you don't expect to be rewarded for that."*

Guru Inteligensia dan Visi Sosiologikal

- Visi sosiologikal itu bererti para guru bukan saja dapat "merealisasikan idea kebudayaan yang abstrak, seperti humanisme atau pengkhusasan teknikal, tetapi juga [pendidikan] itu sebagai suatu proses untuk mempengaruhi manusia.
- Pendidikan hanya akan difahami apabila kita tahu apakah jenis masyarakat dan untuk apakah posisi sosial anak-anak kita itu dididik."
- Menanamkan sifat berfikir dan merenung akan persoalan masyarakat sekeliling secara kritis serta bertanggungjawab untuk cuba menghuraikannya
- Karl Mannheim menyebut: "*[n]o educational activity or research is adequate in the present stage of consciousness unless it is conceived in terms of a sociology of education*
- Penegasan ini masih lagi belum mendapat perhatian bersungguh, bukan saja di pihak warga guru, tetapi juga penggubal dasar

Slaid Pembentangan



Menggerakkan kesedaran intelektual warga guru, dengan semakin kompleks masyarakat, pencermatan dari sudut sosiologikal amat perlu sekali. Ini kerana

- "One can understand the contemporary world in its rapid change only if one learns to think sociologically. If one is capable of understanding changes in ways of human behaviour by reference to the changing conditions of society. This, however, also requires acquaintance with recent findings in psychology and philosophy.

Mengumuli soal intelektual secara konsisten, menyedari hakikat bahawa tugas mengajar itu harus didahului dengan proses belajar dan sebaliknya

Mannheim, --- ***"recognize that his intellectual identity prescribes certain duties: he must learn to cherish the fact of his intellectual education as an obligation."***


- "all critical educators are also learners. This is not merely a matter of learning about what student might know; it is more importantly a matter of learning how to renew a form of self-knowledge through an understanding of the community and culture that actively constitute the lives of one's student. (Giroux)

Guru menyiapkan bahan pengajaran yang lebih kreatif --- menyampaikannya, menerusi teknik dialog, kepada para pelajar dengan matlamat menumbuh pemikiran kritis

Antaranya ialah bagaimana golongan muda terdedah pada pengiklanan dalam media yang agresif dan semakin jelasnya, tanpa disedari, sistem pendidikan itu sendiri, memihak kepada pembentukan warga-pengguna (*consumer-citizen*)

- Ini memerlukan inisiatif konsisten persatuan-persatuan guru untuk memperlengkapkan para ahlinya dengan pendedahan dan kesedaran intelektual yang ampuh.
- Pendedahan guru kepada perkembangan sains sosial seharusnya dijadikan sebagai usaha sokongan pada guru muda. Sekadar berkongsi pengalaman dan bahan pengajaran, para guru juga memerlukan *"peer support, a strong will, and clear convictions, as well as a large bag of tricks, thoughtful pedagogy, and abiding love for children.."*
- Sepertimana yang diyakini oleh seorang pendidik:


"In cultivating a pedagogy for liberation, we should hope that we enable students to engage in critical, open dialogue in relation to their lives about others' live. Teaching for liberation thus requires vigilance and work, for it demands that we remain open to the examination of our own lives as well as others whom we seek to understand. If we wish to become more adept at engaging students with the contents of our discipline, we must learn how to critically reflect on the ways in which we ourselves became engaged in and/or disengaged from learning about the world which we live.."



Slaid Pembentangan

Pedagogi Kritis dan Pemberdayaan Transformasi

- Peranan penting guru tiadalah dapat dipersoalkan lagi kerana:
- *"...the teaching profession alone has the primary responsibility to educate critical citizens whereas we might argue that the first responsibility of, say the medical profession, is healing. Educators have a public responsibility that is by very nature involves them in the struggle for democracy. This makes the teaching profession a unique and powerful public resource.*
- Guru terpanggil menyumbang ke arah penggubalan kurikulum agar ianya berjalan segandingan dengan keperluan Masyarakat. Juga perlu menawarkan solusi ke atas masalah semasa yang dihadapi dalam masyarakat.
- Ertinya, dalam penggubalan kurikulum, guru intelektual harus terkedepan bukan saja memberi maklumbalas tetapi saling menambah apa yang jaranf diperkata atau yang tak-terfikirkan (*unthought of*).



Perlunya perspektif Sains Sosial



- Kita memerlukan warga guru yang memiliki orintasi dan imaginasi sosiologikal
- Menerusi sains sosial, kita akan dapat memahami aturjalan dan struktur dalam masyarakat, serta mengambil kira faktor sejarah, sosio-budaya yang telah mewarnai kehidupan hari ini yang kian mencabar. Mannheim mengingatkan: *"at least the leaders of the nation, among them the teachers, should be educated in a way which enable them to understand the meaning of change."*
- Namun, memikul pertanggungjawaban intelektual ini, bukan bererti menjadikan guru terlepas dari pertanggungjawabab asas untuk memastikan anak didik mereka itu menerima perhatian dalam hal akademik mahupun pembangunan sahsiah mereka
- Bruno Bettelheim menyimpulkan:


"The teacher must set an example of the continuous critical examination and intellectual mastery of problems and, at the same time, of true interpersonal relationships based on the help that he extends to others in their intellectual and emotional problems. What is more, the teacher must accept students as individuals in their own rights, so that he may learn never to consider man as a means but always as an end."

Slaid Pembentangan

- Rintangan yang membataskan: Banyak segi yang menjadi penghalang
- Dengan penekanan khas agar guru mahir dalam menjayakan literasi yang umum bersifat instrumental, maka terabai pula penerapan pemikiran sosiologikal, yang malang sekali dianggap "terlalu intelektual" ataupun difikirkan di luar batasan profesionalisme guru itu sendiri.
- Lilia I Bartolome menggambarkan serba sedikit apa yang berlangsungan hari ini:

  "[T]ransforming educators' conscious and unconscious beliefs and attitudes regarding the legitimacy of the dominant social order and of the resulting unequal power relations among cultural groups at the school and classroom level has, by and large, historically not been acknowledged in mainstream teacher education programs…

- Kami rasakan ini amat perlu sekali, dan perancangan harus dibuat sekarang, khasnya di tingkat penggubalan pendidikan guru pelatih. Mengadakan bengkel bahasa dan sastera untuk guru, harus turut sekali disegandingkan dengan bengkel-bengkel pendedahan sains sosial untuk guru. Sekiranya tidak, kepedulian guru itu masih di sekitar soal kebahasa-bahasan dan kesastera-sastraaan.



Guru dan Pembudayaan Keterbukaan, Toleransi dan Pluralitas

Ketaksuban idea dan rasa *defensive* apabila identiti agama kita dipalitkan dengan penjenayahan keganasan, guru tidak dapat tidak terpanggil untuk:

a) memperbetulkan prejudis manusia yang senang mencari kambing hitam sebagai sasaran kebenciannya ;

b) mengafirmasi *moral restraint* dalam keadaan saling tuduh dan saling berdendam

c) menepis segala bentuk dogmatisme yang datang menjelma dalam berbagai aliran pemikiran baik agama, kebudayaan, politik dan sebagainya.

Slaid Pembentangan

"Critically for better anwers"

- "We need an approach to education that accords with our human condition, one that can reminds us of our fallibility .... Our predilection toward fanaticism. One way to do this is to employ and encourage a critical approach. Teachers could present our current answers and solutions to human problems as something created by fallible men; not as something to be accepted or give thanks for, but something to be continually improved. Teachers could invite students to encounter what is presented critically – to uncover its inadequacies. Encouraged to be critical toward all that man has created, student will not seek the answers and solutions to human problems. They will continually look for better answers and solutions. A critical approach is one guarantee (there are no sure guarantees) against fanaticism, one way (if we are lucky) to advance knowledge, to improve society."-Karl Mannheim

Pemaknaan Ilmu untuk Kehidupan

- Menimba ilmu menjadi proses yang berterusan dalam kehidupan. Persekolahan bukan setakat melatih generasi muda untuk partisipasi dalam ekonomi tetapi juga persekolahan sebagai sfera untuk menanam kesedaran sivik dan demokrasi
- Dalam hal ini, visi sosiologikal yang diagnostik, diganding dengan sosiologi pendidikan amat sangat penting, sebagaimana dianjur Karl Mannheim sendiri:

  "Those who teach and have something to impart need to be trained to assimilate and to interpret correctly the minds of those to whom they speak. In this the new discipline of the sociology of knowledge, which studies systematically different existing frames of mind...and of sociology of education, which studies the concrete condition in which education takes place, can be of great help."


Slaid Pembentangan

Guru Inteligensia dan Penciptaan Budaya Dinamis

- Dalam kehidupan moden yang mencabar ini, tentunya diperlukan para guru sebagai inteligentsia untuk terkedepan Mannheim berpendapat:

  "The future of culture depends not only on our ability to guarantee the conditions of survival for original thinkers at higher levels, but also on our inventiveness in finding new forms for the dissemination of the substance of culture without diluting.


- Jika ini tidak dilakukan, perkembangan budaya menjadi lembab, tidak bermaya malahan tidak dapat membuat penyesuaian kreatif tatkala persikitaran sosio-ekonomi dan politik berubah dengan cepat
- Warga guru, khasnya guru Bahasa Melayu mempunyai tugas besar memastikan anak didiknya maju dalam pelajaran, dan mempunyai kesedaran sosial yang ampuh.
- Sayugia jatidiri *Melayu* itu dikaitkan bukan setakat manifestasi luarannya saja, tetapi yang lebih penting ialah komitmennya manusia Melayu itu kepada nasib, cabaran dan arahtuju bangsanya
- Pembudayaan budaya dinamis tentunya memerlukan daya fikir yang kritis dan kreatif dan bervisi jauh, bukan saja merancang ke arah yang ideal, tetapi juga terpanggil untuk membetulkan hal-hal yang tidak beres dalam masyarakat.



Kemampuan guru mengaitkan pembelajaran dalam kelas dengan realitas sosial di luar. Perlunya kaitan teks dan konteks serta menghubungkaitkan *the Word and the World* (kata dan dunia)

"A pedagogy of critical literacy must do more than interrogate and demystify the interests that inform dominant knowledge forms; it must also include and bring to the centre of the curriculum those forms of knowledge that constitute the spheres of the everyday and the popular. These are forms of knowledge which constitute student experience For critical literacy to be effective, it must be embedded in the concrete lived conditions of the students themselves. ..."

- Kepekaan guru pada sejarah sangat penting kerana keberadaan hari ini adalah hasil dari ketentuan sejarah yang lalu. Pemahaman pada sejarah dapat memberi ikhtibar akan kealpaan dan kekejaman manusia, sebagaimana jua ia memberi peransang akan kecerdikan dan kecermerlangan manusia. Freire menyebut:
- "One of our tasks as progressive educators, today and yesterday, is to use the past that influences the present. The past was not only a time of authoritarianism and imposed silence, but also a time that generated a culture of resistance as an answer to the violence of power."




Slaid Pembentangan

Keberdayaan dan Harapan

- Guru inteligensia dalam msayarakat tentunya ada keterpanggilan untuk aktif dalam gerakan sosial, terkedepan untuk menguasai ilmu pengetahuan, terdedah dengan kejelasan politik (bukan bermain politik) dan kesediaan serta minat guna menambah pengetahuan mutakhir yang akan meningkatkan kesedaran dan ilmu mereka. Sudahpun kita termaklum bahwa posisi guru amatlah berpengaruh dalam masyarakat dari beberapa segi, seperti:

a) membentuk minda generasi muda
b) sebagai model contoh kepada anak-anak sekolah;
c) sebahagian dari inteligentsia masyarakat, makanya boleh mempengaruhi fikiran dan pendapat awam;
d) memiliki akses untuk mengajar dan miliki sumber-sumbernya—baik secara formal atau tidak;
e) sebagai pembentuk, pengawas dan penilai idea-idea yang diwacana atau yang dipertahan/dipromosi dalam masyarakat;
f) sebagai pengaju dan penggubal kurikulum, makanya maklumbalas kepada pihak berwajib amat sangat penting dan
g) kesedaran guru dan keperihatinan tentang ehwal masyarakat akan terjelma dalam pengajarannya, langsung menanamkan sikap kepedulian moral dan etis ke atas masyarakat mereka.

Kritis dan Pemberdayaan



- Kritis harus ditunjangi dengan pemberdayaan, bahawa sesuatu yang lebih baik dapat diusahakan, betapa ia sukar dan rumit. Afirmasi pada harapan amatlah perlu, senada dengan apa yang dianjukan Giroux:

  "It is essential …to move from questions of social and cultural reproduction to issues of social and cultural production, from the question of how society gets reproduced in the interest of the capital and its institutions to trhe question of how the 'excluded majorities' have and can develop institutions, values, and practices that serve their autonomous interests."

- Salah satu keperluan ialah sang guru itu dapat mendalami kurikulum yang telah dirancangkan, mampu melihat kekurangan ataupun kelebihannya:

- 'Empowerment includes, for example, teachers' refusal to blindly follow prepackaged educational materials produced by some experts in their offices to unequivocally demonstrate their authoritarianism…."


Slaid Pembentangan

- Kepekaan guru untuk merespon akan sesuatu rancangan kurikulum itu, bergantung besar kepada kemampuan mereka mengaitkan kurikum dengan idea dan nilai yang mendominasi sesuatu masyarakat itu. Warga guru, yang berfungsi sebagai intelektual publik terkedepan untuk memikirkan persoalan apakah dan mengapakah mereka mengajar sesuatu perkara itu.


  "Viewing teachers as intellectuals also provides a strong theoretical critique of technocratic and instrumental ideologies underlying an educational theory that separates conceptualization, planning and design of curricula from the processes of implementation and execution. It is important to stress that teachers must take active responsibility for raising serious questions about what they teach, how they are to teach, and what the larger goals are for which they are striving. This means that they must take a responsible role in shaping the purposes and conditions of schooling... "

- Intelektual yang ampuh itu bukan saja bervisi, beremphatis akan keadaan sekelilingnya, terpasnggil meggubati yang sakit, tetapi juga punyai harapan bahawa masalah dalam masyarakatnya boleh ditangani, sekiranya ada kepedulian, kebijakan dan kesegeraan untuk bertindak. Sesuatu itu *boleh* dilakukan, betapapun kecil dan sukar. Perlu ada harapan Giroux:

  "Hope becomes meaningful to the degree that it identifies agencies and processes, offers alternatives to an age of profound pessimism, reclaims an ethic of compassion and justice, and struggles for those institutions in which equality, freedom, and justice flourish as part of the ongoing struggle for a global democracy."



Inteligensia Transformatif dan Pencorakan Demokrasi




- Falsafah pendidikan yang meletakkan pertalian hubungan guru dan murid pada tingkat hierarki antara sang pengajar yang serba tahu dengan si pelajar yang serba patuh adalah falsafah pendidikan yang terkebelakang
- Namun dalam mengusahakan pedagogi humanistik kritikal dalam bilik darjah atau dewan kuliah, bukan beerti sang guru melucutkan peranan utama dalam membimbing para pelajar.
- *Mendemokrasikan pembelajaran* dengan menggalakkan partisipasi pelajar secara proaktif, bukanlah beerti *abdikasi guru* daripada tugasnya sebagai pendidik dan mentor kepada pelajar itu tadi. Guru tetap harus memikul tanggunjawab sebagai *guru* dan bukan berubah menjadi sekadar *fasilitator*
- Intervensi atau campurtangan guru amat diperlukan, menjalankan tugasnya berdasarkan autoriti secara rasional dan demokratis, tetapi bukan pula mengkonsolidasi autoroti tetapi *"to understand, interpret, and question it: this is another version of speaking truth to power"*

Slaid Pembentangan

Keberanian Moral

- Keberanian moral untuk *menolak kenaifan* yang terselindung dalam idea-idea muluk yang sering dilaung-laungkan.
- Usahlah kita buta pula akan realitas yang benar-benar membatasi tindak kita.
- "We have to know that we are not in school to transform the world. This is not the task for the schools. But we are in school at least to challenge our students to think differently, that is, to go beyond a certain kind of mental bureaucratization, which is terrible. It immobilizes history, creativity, and so on." (Freire)
- Guru sayugai memainkan peranan yang terulung. Mannheim: *"They can only achieve this by regarding their work as a serious responsibility to the community."* Begitupunlah Aronowitz dan Giroux bahawa guru itu

"must take active responsibility for raising serious questions about what they teach, how they are to teach it, and what the larger goals are for which they are striving. This means that they must take a responsible role in shaping the purpose and conditions of schooling"



Sayugia diperkira sang pendidik, sebagai intelektual transformatif,-- akan persoalan-persoalan lain:

a) Keperluaan pedagogi kritikal dalam upaya membangun dan memperkukuh literasi kritikal dan ini sekaligus memerlukan sang guru itu ada kepercayaan kepada manusia dan kemampuan kuasa kreatinya. Memerlukan guru itu menjadi *partner* pada para pelajar dalam berhubungan dengan mereka.

b) Kesanggupan bertindak guna merubah bagi kebaikan (turun padang)

c) Sadar akan keberlangsungan *hidden curriculum*, makanya perlu diatasi sebaik mungkin berdasarkan konteks dan keperluan masing-masing;

d) Memantau segala unsur anti-intelektualisme yang menjalar, baik dalam persekitaran sekolah, mahupun di luarnya

e) Menangkis segala pemupukkan pembodohan (*stupidification*) iaitu penyebaran secara halus menerusi indoktrinasi, agar kita hilang atau meminggirkan kemahiran berfikir serta mudah diperdaya, sehingga tiada dapat, secara kritis, memahami persekelilingan kita;

f) Kesedaran bahawa mengkritik dan memikir-ulang itu sebagai pertanggungjawaban etis dan intelektual, yang biarpun ruangnya kecil, tetap harus diusahakan dan diterjemahkan secara praktis guna membawa perubahan dari kebelengguan yang menyempit kemanusiaan kita.

Slaid Pembentangan


Melawan Kepasifan dan Otoriti Membelenggu

- Persoalan yang harus difikirkan ialah: Sama ada kita mahu terus membiarkan kondisi yang sedia ada (kepasifan, buta sosial, *apathy*) ataupun kita mahu memperkasakan (*empower*) mereka dan masyarakat.
- Apabila kita membiarkan sistem pendidikan kita *didomestikasi dengan idea dan nilai yang melumpuh* (seperti fasisme ras, fundamentalisme agama, konsumerisme rakus dan kelidakacuhan faham pascamoderen) pengsosialan para pelajar akan terus juga menerima idea-idea dominan dalam masyarakat
- Metode penabungan itu adalah satu contoh pengdomestikan ini. Pembelajaran sehala yang diterima para pelajar daripada murid adalah halangan kepada pembelajaran yang bersifat dialog dan dialektik
- Jelas sekali, tugas guru sayugianya usah dilihat sebagai hanya pendidik kepada anak-anak secara formal atau sebagai watak/peran contoh kepada mereka saja, mahupun sebagai fasilitator untuk menjayakan pembelajaran dalam kelas. Sebaliknya, mereka (guru) diperkasakan dengan tanggungjawab bahawa tugas mereka menjangkau lebih daripada seorang pendidik sekolah

"Teachers need to view themselves as public intellectuals who combine conception and implementation, thinking and practice. The category of public intellectual is important here for analyzing the particular practices in which teachers engage. ..Their, the category signifies the need for teachers of English to redefine their role as educational leaders in order to create programs which allow them and their students to understake the language of social criticism, to display moral courage, and to connect rather rather than distance themselves from the most pressing problems and opportunities of the times."

Anjuran Renungan dan Tindakan

- Jelasnya, menangani persoalan kebudayaan dengan kesedaran baru tentu pula harus dipikul oleh intelektual transformatif, segolongan intelektual baru yang tumbuh di kalangan kita, yang menurut Gramsci: *"The mode of being of the new intellectual can no longer consist in eloquence [...] but in active participation in practical life, as constructor, organizer, 'permanent persuader' and not just a simple orator..."*
- Guru sebagai inteligensia bererti warga guru yang bukan saja berfungsi dalam pendidikan untuk mengkedepankan budaya berfikir yang kreatif dan kritis, tetapi juga mempunyai komitmen untuk memikul tanggungjwab sebagai intelektual publik.
- Pemupukan dan perancangan ke arah pembudayaan intelektualisme yang terkedapan dalam domain publik oleh warga guru kita, tidak dapat tidak, adalah persoalan kebudayaan, intelektual dan moral yang patut diberikan perhatian segera.
- Kemampuan warga guru kita akan menentukan masadepan dunia pendidikan, keilmuan dan pemantapan masyarakat.






Pusat Bahasa Melayu Singapura
MALAY LANGUAGE
CENTRE OF SINGAPORE


Ministry of Education
Pusat Bahasa Melayu Singapura
MALAY
LANGUAGE
CENTRE OF SINGAPORE




Bicara
Ilmiah
Memperkasakan Ketua Pedagogi
Bahasa Melayu
1
2
3


Bicara


Bicara
Bicara

Makalah II

Daripada 'Guru' Kepada 'Cikgu': Lenyapnya Peranan Tradisional Guru dalam Era Pendidikan Moden



Farish A. Noor
Profesor Sejarah Politik
Fakulti Sains Sosial
Universitas Islam Antarabangsa Indonesia (UIII)

Abstrak

Sepanjang sejarah Asia Tenggara yang terakam, pendidikan sentiasa dianggap sebagai suatu perkara yang sangat bernilai, dan peranan seorang guru dalam masyarakat selalu dipandang dan disanjung tinggi. Walaupun kini istilah 'guru' dan 'cikgu' sering digunakan secara silih berganti, kertas kerja ini bertujuan untuk menghuraikan serta menjelaskan bagaimana dan mengapa 'guru' merupakan tokoh yang sangat penting dalam era pramoden dan prapenjajahan; serta bagaimana peranan guru pada ketika itu jauh melangkaui sempadan sempit proses pengajaran semata-mata. Dalam tempoh beberapa abad yang lalu, kesan gabungan penjajahan Barat serta pembangunan dan pemodenan pascapenjahahan telah mengubah struktur masyarakat Asia Tenggara melalui pelbagai cara, termasuk dalam meminggirkan dan mengetepikan peranan guru itu sendiri. Persoalannya kini: bolehkah etos keguruan tradisional dihidupkan semula dan dikekalkan dalam era kini, pada waktu kerjaya keguruan berhadapan dengan tekanan yang luar biasa untuk menyesuaikan diri dengan realiti moden seperti media sosial dan kemunculan kecerdasan buatan?

I. Siapakah Guru? Memahami Makna 'Guru' dan 'Perguruan' dalam Konteks Pramoden dan Prapenjajahan

Syahadan, maka masyurlah wartanya (Indera Jaya) itu kepada segenap negeri asing-asing. Dan beberapa lamanya, maka tersebutlah perkataan ada seorang Berahman datang dari negeri Dar-al Qiyam. Maka Berahman pun sampailah ke negeri itu, lalu ia masuk ke dalam kota. Maka duduklah ia di suatu tempat. Maka orang dalam negeri itu pun banyaklah datang belajar kepadanya. Barang dikehendakinya diajarkan oleh Berahman itu.[1]

Hikayat Indera Jaya

Kita hidup dalam dunia pascakolonial yang telah menyaksikan kemunculan pelbagai jenis teknologi dan seni bina komunikasi daripada internet dan media sosial, sehinggalah kepada kecerdasan buatan dan penggunaan realiti maya dalam hampir setiap aspek kehidupan seharian. Namun begitu, meskipun terdapat kemajuan teknologi yang pesat, proses pengajaran kekal sebagai suatu pengalaman yang bersifat sangat peribadi sebab ia berlaku pada tahap hubungan individu, antara guru dan pelajar.

Dalam beberapa dekad kebelakangan ini, pelbagai institusi dan organisasi antarabangsa telah memberi perhatian kepada apa yang kini dianggap sebagai 'krisis pendidikan' yang semakin meruncing di banyak bahagian dunia. Bank Dunia serta badan-badan di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu seperti UNICEF telah menjalankan kajian dan laporan yang menunjukkan ketidaksamaan yang semakin meningkat antara negara-negara maju di Utara dan negara-negara membangun di Selatan, khususnya dari segi piawaian dan kualiti pendidikan yang disediakan kepada berbilion-bilion kanak-kanak di seluruh dunia pada hari ini. [2]

---

[1] Hikayat Indera Jaya: 4.

[2] Lihat, sebagai contoh:The State of the Global Education Crisis- UNICEF ([1] Malahan, keistimewaan guru ternyata jelas kalau kita perhatikan nama gelaran yang khas diciptakan untuk golongan pendidikan yang menggabungkan perkataan [En]Cik dan Guru menjadi Cikgu. Guru adalah istilah generik untuk ulama, asatizah, mubaligh, dai', ustaz atau tok/mak guru yang semuanya mempunyai fungsi yang sama, iaitu membimbing mereka yang telah meletakkan kepercayaan kepada guru itu tadi.); The Global Education Crisis- Even More Severe Than Previously Estimated – World Bank ([1] Malahan, keistimewaan guru ternyata jelas kalau kita perhatikan nama gelaran yang khas diciptakan untuk golongan pendidikan yang menggabungkan perkataan [En]Cik dan Guru menjadi Cikgu. Guru adalah istilah generik untuk ulama, asatizah, mubaligh, dai', ustaz atau tok/mak guru yang semuanya mempunyai fungsi yang sama, iaitu membimbing mereka yang telah meletakkan kepercayaan kepada guru itu tadi.)

Di negara-negara maju dari Utara, krisis pendidikan semakin memburuk akibat mempolitikkan pendidikan dari peringkat rendah hingga ke pengajian tinggi dan setiap bidang dalam kemanusiaan kini menjadi medan pertikaian antara kumpulan berkepentingan politik yang enggan berdialog secara bermakna mengenai nilai dan tujuan sebenar pendidikan itu sendiri.[1] Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kita menyaksikan impak media sosial dan kecerdasan buatan dalam proses pengajaran, yang sememangnya telah pun terkesan dengan pelbagai perkembangan lain daripada komersialisasi dan usaha menjadikan institusi pendidikan dan ilmu pengetahuan sebagai komoditi, hinggalah kepada dasar penjimatan yang dilaksanakan oleh pemerintah, yang secara langsung meningkatkan beban tugas guru dan pelajar.

Ketika kita cuba menyesuaikan diri dengan realiti baharu ini, kita kelihatannya seolah-olah telah melupakan tujuan asas pendidikan itu sendiri serta peranan penting yang dimainkan oleh guru, insan yang memikul amanah pedagogi. Di seluruh dunia, para guru kini berada di bawah tekanan luar biasa untuk menyesuaikan diri dengan realiti politik-ekonomi dan teknologi baharu serta kemajuan teknologi yang berada di luar kawalan mereka. Pandemik COVID-19 yang lalu menjadi contoh nyata, jutaan guru di seluruh dunia terpaksa mengubah kaedah pengajaran mereka kepada format dalam talian secara mendadak - sering kali tanpa sokongan institusi mahupun kewangan yang mencukupi. [2] Berdasarkan perkembangan terkini ini, kertas ini bertujuan untuk mengemukakan satu persoalan utama: Siapakah sebenarnya 'guru', dan mampukah konsep 'guru/perguruan' terus wujud dan relevan dalam dunia kita hari ini? [3]

---

[2] See, for instance: The Culture War's Impact on Public Schools- NEA Report (https://www.nea.org/nea-today/all-news-articles/culture-wars-impact-public-schools); The Culture Wars Against Education – Historians for Peace and Democracy (https://historiansforpeace.org/wp-content/uploads/2022/12/The-Culture-Wars-Against-Education-12-29.pdf); The Education Culture War is Raging, But For Most Parents It Is Background Noise- NPR (https://www.npr.org/2022/04/29/1094782769/parent-poll-school-culture-wars)

[3] See: New Data Shows How the Pandemic Affected Learning Across All Communities- Harvard Graduate School of Education. (https://www.gse.harvard.edu/ideas/news/23/05/new-data-show-how-pandemic-affected-learning-across-whole-communities)

[3] The term 'Guru' has also evolved over the past few centuries, and it has been embraced by the Western world since the 19th century as well. One of the unfortunate outcomes of this is that the term 'Guru' is now largely associated with all forms of esoteric knowledge, including witchcraft, magic, etc. and this has compromised its value in recent times. It is important, however, to remember that the 'Guru' was never essentially linked to things such as esotericism or pseudo-sciences.

Untuk menjawab soalan ini, kita perlu kembali ke masa lampau dan menelusuri sejarah pramoden dan prapenjajahan Asia Tenggara bagi menggali semula makna sebenar 'siapakah itu guru' dan apakah itu 'perguruan'.

Untuk memahami konteks kehidupan masyarakat pramoden Asia Tenggara, kita boleh merujuk kepada peninggalan sejarah dari segi material dan juga warisan sastera. Mereka yang arif tentang seni bina prapenjajahan di rantau ini pasti mengenali monumen agung seperti candi Borobudur dan Prambanan di Jawa, serta kompleks Angkor Wat di Kemboja. Para pengunjung yang menjejakkan kaki ke tapak-tapak ini akan dapat menyaksikan secebis gambaran kehidupan masyarakat ketika itu sebagaimana yang terpahat dalam ukiran pada dinding-dinding candi, yang menggambarkan cara hidup masyarakat biasa di Jawa, dan juga Kemboja serta kawasan lain di rantau ini.

Salah satu aspek yang paling menarik tentang bangunan candi-candi tersebut adalah bagaimana ukiran-ukiran tersebut tertumpu kepada beberapa topik penting: terdapat ratusan imej raja dan istana, yang menggambarkan kedudukan konsep 'raja berdaulat' pada masa lalu. Namun yang lebih menarik, kita juga dapat melihat ratusan imej figura pendidik - para guru, Brahmin, bijak pandai dan ilmuwan - terpahat dengan megah pada dinding-dinding candi tersebut. Kehadiran para guru di pusat-pusat kekuasaan politik dan spiritual ini menunjukkan betapa pentingnya figura seorang guru - kerana hanya gurulah yang boleh berdiri lebih tinggi daripada raja, sebagai guru dan mentor mereka.

Pemerhatian yang sama boleh dibuat terhadap warisan kesusasteraan yang ditinggalkan dari era pramoden. Ramai dalam kalangan kita sudah biasa dengan karya-karya seperti Hikayat Hang Tuah, Hikayat Indera Jaya (atau Hikayat Shah Mardan), Hikayat Pandawa Lima, Hikayat Merong Mahawangsa, Hikayat Panji Semirang, Sejarah Melayu (Salalatu'l Salatin, dan Serat Centhini. Walaupun kesemua hikayat ini mengenai watak dalam tempat dan konteks penceritaan yang berbeza, terdapat juga persamaan yang cukup ketara dalam karya-karya kesusasteraan yang muncul di Asia pada era pramoden.

Antara tema yang paling dominan ialah watak utama selalunya perlu meninggalkan zon keselesaan atau persekitaran asal mereka untuk keluar mengembara bagi mencari ilmu dan kebijaksanaan. Kita dapat melihat hal ini dalam Hikayat Pandawa Lima, adaptasi epik Mahabharata dari India. Dalam hikayat ini, lima bersaudara Pandawa diusir dari kerajaan dan memulakan pengembaraan demi memperoleh semula kefahaman diri dan menebus hak mereka sebagai pemimpin. Sepanjang dibuang negeri, mereka bertemu dengan pelbagai jenis guru yang mengajar mereka ilmu berkaitan etika dan pemerintahan. Tema pengembaraan dan dibuang negeri turut ditemui dalam Serat Centhini dari Jawa. Putera dan puteri diraja dipaksa mengembara ke seluruh pulau Jawa untuk mendapatkan semula status mereka yang sebelumnya dan sepanjang pengembaraan, mereka mempelajari tentang dunia melalui pertemuan dan wacana dengan para guru yang lebih bijaksana.

Dalam Hikayat Hang Tuah - yang barangkali merupakan hikayat Melayu yang paling masyhur - Hang Tuah sendiri meninggalkan peranannya sebagai pendekar dan muncul sebagai utusan pengembara, dan akhirnya sebagai pencari ilmu [6]. Keselamatannya hanya tercapai apabila beliau memilih untuk meninggalkan segala kuasa dan keganasan, setelah mengetahui bahawa kekuasaan yang sebenarnya terletak dalam kepercayaan dan ketaatan dan juga kerendahan hati serta kebijaksanaan.

Satu lagi hikayat yang mengetengahkan guru dalam naratifnya ialah Hikayat Indera Jaya (juga dikenali sebagai Hikayat Shah Mardan). Inti utama penceritaan ini ialah hubungan erat dan kompleks antara dua watak iaitu Raja Shah Mardan, pemimpin kerajaan Dar-al Hastan, dan guru-mentornya, Brahmin (seorang pendeta). Guru inilah yang mencetuskan pencarian ilmu sang raja, sejurus setelah beliau tiba di kerajaan tersebut. Brahmin mengajar pelbagai ilmu falsafah esoterik dan metafizik, yang kemudiannya menarik minat raja kerana wacana tersebut membuka perspektif baharu dalam pemikiran baginda. Hikayat ini adalah antara yang paling menarik kerana naratifnya memperlihatkan hubungan simbiotik yang erat antara guru dan raja walaupun guru itu secara lahiriah kelihatan lemah dari segi kuasa duniawi, namun beliau jauh lebih berkuasa dari segi ilmu.

---

[6] The Hikayat Hang Tuah is still seen by many as the tale of an epic warrior known for his fighting skills. And yet if we were to read the Hikayat in full it becomes clear that by the middle of the text Hang Tuah no longer chooses the path of violence, and ultimately chooses to renounce all forms of violent conflict altogether as he seeks the path of inner peace and wisdom instead.

Melalui pemerhatian daripada teks-teks seperti Hikayat Indera Jaya serta ukiran di candi Prambanan, Borobudur dan Angkor Wat, kita dapat simpulkan bahawa pada era pramoden, guru merupakan figura penting dalam masyarakat yang memainkan pelbagai peranan serentak: Guru tradisional bukan sekadar menyampaikan ilmu kepada pelajar, tetapi juga bertindak sebagai pembimbing, pelindung, pengkritik, dan seorang yang berada di tengah-tengah masyarakat, namun pada masa yang sama melepasi struktur sosialnya.

Satu lagi ciri menarik seorang guru pada zaman pramoden tidak terikat pada lokasi tetap atau persekitaran institusi yang spesifik. Seperti Brahmin yang membawa Raja Shah Mardan mengembara, atau Hang Tuah yang menimba ilmu daripada pelbagai guru di pelbagai tempat, proses pendidikan tidak memerlukan struktur atau persekitaran institusi yang spesifik. Pengajaran merupakan satu proses holistik dan komprehensif dalam pelbagai cara. Cerita Hikayat Indera Jaya menunjukkan bahawa pelajaran hidup tidak semestinya diperoleh dalam bilik darjah, tetapi melalui pengalaman langsung dalam kehidupan dan semasa dalam pengembaraan. Pengajaran hidup tidak diajar di sekolah tetapi dipelajari melalui pengalaman hidup itu sendiri. Pemahaman terhadap ilmu pada ketika itu bersifat organik, tidak terikat pada sukatan pelajaran mahupun jadual waktu dan kebijaksanaan tidak semestinya diperoleh daripada buku semata-mata. Dalam pengembaraan mereka, para watak dalam Hikayat Pandawa Lima belajar melalui kesilapan dan kebetulan, dan pengetahuan yang diperoleh tidak semestinya dalam bentuk 'kebenaran' sahaja.

Pemerhatian ketiga yang dapat dibuat adalah bahawa proses pengajaran dilihat sebagai sesuatu yang bersifat peribadi dan menyeluruh, dan guru bukanlah semata-mata kerjaya profesional. Para guru dalam teks seperti Hikayat Hang Tuah, Hikayat Pandawa Lima dan Hikayat Indera Jaya bukan sahaja mengajar, malah mengasihi dan menjaga pelajar mereka. Guru bukan sekadar sebagai Cikgu tetapi sebagai mentor dan penjaga yang menganggap pelajar sebagai tanggungjawab peribadi mereka. Untuk mengajar bukanlah pekerjaan dengan satu matlamat tunggal dan satu objektif KPI, sebaliknya satu pengalaman peribadi yang membolehkan guru mengenali pelajar mereka secara emosi, psikologi dan rohani. Keprihatinan guru bukan hanya sekadar memastikan pelajar menjadi lebih pandai dan berpengetahuan, tetapi pelajar membesar menjadi insan atau manusia yang lebih baik.

Tradisi penjagaan kebajikan yang bersifat menyeluruh ini terus menjadi norma sehingga abad ke-17. Apabila kita meneliti karya Taj-us Salatin tulisan Buchara al-Jauhari yang menjadi penasihat kepada Sultan Aceh, jelas bahawa beliau sangat menitikberatkan kebajikan moral dan etika pemerintah yang diajar dan dinasihatinya. Nada tulisan Al-Jauhari kadangkala kritikal dan tegas, namun di sebalik itu ialah niat yang luhur agar pemerintah menjadi bukan sahaja raja yang lebih baik, tetapi insan yang lebih baik juga.[7]

Daripada tradisi ini jugalah, Asia Tenggara mengembangkan sistem pendidikan awamnya sendiri dalam bentuk sekolah-sekolah tradisional awal di rantau ini. Di wilayah yang majoritinya Muslim mahupun Buddha, sekolah-sekolah tradisional berkembang dengan cara yang mencerminkan sifat sosial pendidikan serta kedudukan guru dalam masyarakat ketika itu. Sekolah-sekolah pondok atau pesantren muncul di wilayah-wilayah Islam, manakala institusi keagamaan seperti biara pula berfungsi sebagai pusat pembelajaran di kawasan majoriti Buddha di Asia Tenggara. Perkara yang sama yang diamalkan oleh pusat-pusat persekolahan ketika itu adalah sifat komunal dalam proses pengajaran dan pembelajaran, dan para pelajar akan tinggal bersama atau berdekatan dengan guru mereka. Guru bukan sahaja mengajar asas-asas ilmu agama dan falsafah, tetapi juga menjadi model moral yang hidup atau tokoh yang menunjukkan suri teladan melalui perilaku seharian yang dapat dicontohi secara langsung oleh pelajar-pelajarnya. Pendidikan tidak hanya disampaikan melalui buku, tetapi terkandung dalam pengalaman hidup seharian serta keperibadian guru itu sendiri. Namun, semua ini mula berubah secara beransur-ansur seiring dengan ketibaan penjajahan moden pada abad ke-16. Bersama kolonialisme moden muncul hubungan sosial baharu yang bersifat kontrak, yang kemudiannya mengubah struktur masyarakat secara menyeluruh.

---

[7] The Taj-us Salatin of Buchara al-Jauhari was a radical text in many ways, as he places God above the king in matters of governance. Unlike many other traditional hikayats of the time that valorized the place and image of the ruler, the Taj-us Salatin reminds the ruler that his power rests in the will of God, and that it is God that is the true ruler of all of creation. As such what al-Jauhari effectively does in the work is to limit the power of the ruler within the framework of religion and Shariah law.

II. Ketibaan Penjajahan Barat dan Pemisahan daripada Tradisi Lama: Bagaimana Guru Digantikan dengan Guru Moden

"Pada tahun 1874, setiap orang Melayu memiliki sebanyak mungkin senjata yang mampu dibawanya. Kanak-kanak lelaki biasanya berpuas hati dengan dua atau tiga senjata. Kini, orang lelaki membawa payung, dan anak-anak membawa papan batu dan buku."
— Frank Swettenham, British Malaya (1908)

Kesan penjajahan Barat masih boleh dilihat dan dirasai di seluruh Asia Tenggara hingga ke hari ini. Dari segi rupa bentuk bandar yang meniru metropolis Barat, hingga ke gaya hidup dan corak penggunaan masyarakatnya, jelas bahawa rantau ini telah dibentuk melalui pengalaman kolonial.

Namun begitu, penting untuk kita mengingati bahawa penjajahan moden tidak seharusnya dilihat hanya sebagai suatu penaklukan secara ganas dan perampasan tanah jajahan semata-mata. Meskipun benar bahawa banyak peperangan kolonial berlaku, dan kebanyakannya atas dasar bangsa seperti yang dihujahkan oleh Noor dan Carey (2021, 2022), penjajahan juga terbina di atas modaliti pentadbiran, pengurusan, dan pengumpulan data, seperti yang diperincikan oleh sarjana seperti Tarling (1969) dan Cohn (1996). [8]

Apabila Asia Tenggara berada di bawah pemerintahan kolonial secara langsung mahupun tidak langsung, kuasa-kuasa seperti British, Belanda, Sepanyol, Perancis dan Portugis mula mempelajari banyak perkara tentang masyarakat tempatan yang mereka kuasai termasuk sistem pendidikan dan pengeluaran ilmu pengetahuan tempatan. Bermula dari abad ke-18, kolonialisme Barat yang didorong oleh logik kapitalisme kolonial mula menilai masyarakat Asia Tenggara berdasarkan kriteria perbandingan dengan Barat, khususnya dalam hal-hal yang dianggap sebagai kekurangan atau kelemahan. (Steinberg, 1985; Reid, 1988, 1993.) Sikap berat sebelah Orientalis sangat ketara dalam hampir semua ranah kehidupan dan pemerintahan kolonial dan ini bermakna masyarakat Asia Tenggara bukan sekadar dilihat sebagai eksotik, aneh dan berbeza tetapi juga serba kekurangan.

---

[8] Cohn (1996) has written at length about how the British in India were concerned primarily with the need to know and understand Indian society in detail. He notes how as soon as British power was established in Bengal the British East India Company set up their learning college, where they began to recruit Bengali translators to translate all the major works of Indian history and philosophy. Cohn shows in his own work how modern colonialism in India was built upon data-gathering and knowledge production.

Melalui penulisan pentadbir kolonial awal seperti Marsden (1783, 1790), Raffles (1817), Crawfurd (1820) hingga Swettenham (1895, 1900, 1908, 1916), wujud kecenderungan untuk melihat masyarakat tempatan dari lensa kekurangan: kekurangan kemajuan, kekurangan disiplin, kekurangan pembangunan, dan sebagainya. Dalam penulisan beliau tentang bidang kesihatan awam, Manderson (1990) menunjukkan bagaimana penjajah British menganggap perubatan tradisional di Asia Tenggara sebagai mundur dan primitif; dan memandang masyarakat asli sebagai serba kekurangan dari segi ilmu biologi dan perubatan. Pemerhatian yang sama juga dapat dilihat bagaimana penguasa kolonial di Asia Tenggara memandang sistem pendidikan tempatan dan persekolahan penduduk asli Asia Tenggara. Sekolah-sekolah pondok pesantren Muslim serta biara Buddha dilihat sebagai institusi-institusi yang mundur dan mempunyai kekurangan tidak seperti sekolah-sekolah di Barat. Sukatan pelajarannya tidak tetap, guru-gurunya bukan profesional berkontrak, dan struktur pentadbirannya bersifat tidak formal. Daripada pemerhatian-pemerhatian ini, para pegawai kolonial British (termasuk juga Belanda, Perancis dan lain-lain), menyimpulkan bahawa sekolah-sekolah pondok dan madrasah serba kekurangan dalam banyak aspek dan perlu 'diperbaik' melalui kawalan dan peraturan yang lebih ketat.

Apa yang gagal disedari oleh ramai pentadbir kolonial ini ialah hubungan rapat dan penuh kasih sayang antara guru dan pelajar dalam sistem tradisional inilah yang sebenarnya menjadikan pendidikan di madrasah dan sekolah-sekolah pondok begitu istimewa. Walaupun benar tiada wujudnya hubungan kontrak yang formal antara guru dan pelajar, ketiadaan parameter kerja yang ketat dan sempit inilah yang membolehkan guru berperanan secara menyeluruh dalam pengajaran mereka serta membolehkan mereka menjadi lebih dari sekadar seorang guru. (Pandangan ini hanya difahami oleh segelintir sarjana Barat, seperti Roff (1967).) Sebarang bentuk penolakan terhadap piawaian Barat ketika itu dianggap sebagai tanda kemunduran, meskipun Scott (1985) berhujah bahawa penolakan ini sebenarnya merupakan satu bentuk penolakan terhadap pengenaan hegemoni budaya Barat. [9]

[9] It is also important to note that with the arrival of British colonial schools in Malaya (and Dutch colonial schools in Indonesia) many of the Muslim leaders and activists in these colonies began to modernize their own modes of traditional education. One such example is the reformist thinker Syed Sheikh al-Hady, who was part of the Kaum Muda reformist-modernist movement. Syed Sheikh al-Hady's response to British colonial education was to create new and modern madrasahs in Singapore, Malacca and Penang (such as the Madrasah al-Mashyur), where these new modern madrasahs would also employ salaried professional teachers, used a fixed curriculum, had regular timetables and classes. The same reformist tendency was seen in Indonesia when modern Muslim movements such as the Muhamadijah began to pioneer modern madrasah education through their madrasah school networks in Java and Sumatra.

Tarling (1969) telah mendokumentasikan sejauh mana pentadbiran kolonial British di negeri-negeri Selat dan kerajaan-kerajaan Melayu telah merombak hampir keseluruhan sistem pentadbiran dan pendidikan tradisional di Malaya dan hal yang sama turut berlaku di negara-negara jajahan lain di Asia Tenggara. Salah satu unsur teras dalam proses ini adalah memperkenalkan pendidikan berorientasikan Barat yang bertujuan melahirkan generasi baharu peribumi yang dididik mengikut cara Barat agar mereka boleh bekerja sebagai kerani, pegawai kerajaan, dan guru dalam perkhidmatan kolonial (Roff, 1967). Daripada sinilah bermulanya sistem pendidikan moden seperti yang kita kenali hari ini iaitu sistem yang akhirnya akan menggantikan sekolah-sekolah pondok, madrasah dan biara dengan sekolah formal dan berstruktur, serta menggantikan fungsi tradisional guru dengan guru yang berkontrak.

Guru moden menandakan suatu peralihan yang ketara daripada guru tradisional yang wujud pada masa lampau. Antara perbezaan utama adalah seperti berikut:

1. Pertama, guru moden merupakan seorang profesional berkontrak yang skop tugas dan fungsinya ditentukan secara sah melalui kontrak kerja. Beliau dianggap sebagai 'guru' kerana kontrak tersebut mentakrifkan statusnya dalam masyarakat. Fungsi sosial dan ekonomi seseorang guru moden dinyatakan secara jelas dalam kontrak yang ditandatangani.

2. Kedua, guru moden yang berkontrak hanya memainkan peranannya dalam konteks institusi yang menggajinya - sama ada sekolah, kolej atau universiti - dan beliau secara sah tertakluk kepada obligasi untuk menyerahkan tenaganya kepada institusi tersebut. Tanpa institusi ini, guru moden tiada tempat dan tiada fungsi. (Berbeza dengan guru pramoden yang boleh mengajar di mana-mana dan pada bila-bila masa.) Waktu kerja guru moden yang berkontrak bermula dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang, sedangkan guru tradisional berperanan sebagai guru sepanjang masa, tanpa mengira waktu dan tempat.

3. Ketiga, corak kontrak tugas guru moden menetapkan batasan tertentu termasuk had hubungan dan hierarki antara guru dengan pelajar-pelajarnya. Jika guru tradisional mengamalkan pendekatan holistik yang membolehkan wujudnya hubungan akrab antara guru dan murid, guru moden yang berkontrak pula sering kali tidak dibenarkan untuk melakukan sedemikian. Guru moden yang berkontrak dinilai dengan piawaian 'objektiviti' dan 'jarak profesional', yang bererti beliau tidak boleh terlalu rapat dengan pelajar, tidak dibenarkan untuk mesra dengan pelajar dan tidak dibenarkan menyimpang daripada subjek yang diajarkan, dll.

Meskipun negara-negara Asia Tenggara kemudiannya bangkit menentang penjajahan dan memperoleh kemerdekaan, sistem pendidikan moden yang membawa sekali struktur berkontrak serta institusi sekolah yang dikawal dan diurus secara rapi tetap dikekalkan oleh semua masyarakat pascakolonial di rantau ini. Asia Tenggara pascakolonial lahir daripada kolonialisme dan imperialisme, dan sukar untuk menafikan fakta bahawa kesan pengalaman panjang sebagai tanah jajahan masih dapat dilihat di sekeliling kita dengan jelas hingga ke hari ini. [10]

Pada hari ini, negara-negara di Asia Tenggara telah menerima pendidikan moden dengan sepenuh hati dan mereka juga berhadapan dengan isu-isu dan cabaran yang datang bersamanya. Negara-negara Asia Tenggara berbangga dengan kenyataan bahawa tahap celik huruf yang mencapai seratus peratus, dan semua negeri di Asia Tenggara telah melakukan pelaburan yang besar dalam sektor pendidikan di negara masing-masing. Meskipun pencapaian ini memberi manfaat ekonomi yang tidak dapat dinafikan kepada rantau ini - termasuk kewujudan tenaga kerja berpendidikan, celik huruf dan mempunyai mobiliti sosial, ini juga bermakna, banyak negara di rantau ini masih menjadikan piawaian Barat sebagai penanda aras kemajuan dan pembangunan. Universiti-universiti di Asia Tenggara komited dalam perlumbaan untuk meningkatkan ranking global, dan sekolah-sekolah tekala memenuhi matlamat KPI yang semakin tinggi. Dengan kehadiran internet, media sosial dan kecerdasan buatan, sekolah-sekolah dan universiti-univiersiti di Asia Tenggara ini juga tidak mahu ketinggalan dalam arus digitalisasi. Namun, apakah kesannya terhadap peranan guru dan pelajar itu sendiri?

---

[10] That present-day Southeast Asia is the outcome of the colonial encounter is evident everywhere we look, and even the map of present-day Southeast Asia shows that the borders of the countries of the region are the same borders that were set during the colonial era.

III. Pengajaran pada Hari Ini: Masih Adakah 'Guru' dalam Era Pendidikan Berkomoditi dan Media Sosial?

> **"Pendidikan tidak mengubah dunia. Pendidikan mengubah manusia, dan manusia mengubah dunia."**
>
> **— Paulo Freire (1921–1997)**

Beberapa tahun yang lalu, saya menyaksikan suatu kejadian saya anggap paling menyedihkan dalam kehidupan saya ketika berada di Jepun sebagai Profesor Pelawat. Sewaktu di kantin universiti, saya melihat seorang pelajar lelaki sedang berbual dengan penuh ceria melalui telefon bimbitnya bersama seorang gadis. Dengan nada berseloroh saya menyatakan kepada rakan-rakan saya bahawa pelajar tersebut mungkin sedang dilamun cinta.

Namun rakan saya segera menjawab: "Tetapi perempuan itu tidak wujud. Kalau diperhatikan skrin telefon bimbitnya, dia sedang berhubung dengan aplikasi teman wanita maya. Gadis itu bukan manusia sebenar." [11] Justeru, kita kini hidup dalam sebuah dunia yang mana realiti dan fantasi, kebenaran dan kepalsuan, menjadi semakin kabur dan kita semua sewajarnya berasa bimbang akan hal ini.

Bagi kita yang dilahirkan sebelum era internet dan media sosial pasti ingat bahawa pendidikan merupakan satu pengalaman peribadi dan bersandarkan sensori dan realiti fizikal. Buku ialah objek fizikal yang dibaca dari satu halaman ke satu halaman lain. Guru-guru kita ialah insan sebenar yang mungkin mempunyai kelemahan dan kekurangan tersendiri tetapi sekurang-kurangnya mereka merupakan manusia sebenar yang kita berinteraksi bersama. Pengajaran berlaku secara fizikal di dalam bilik darjah, dan bunyi geseran kapur pada papan hitam boleh menghantui gegendang telinga. Segalanya mungkin kelihatan kolot kini, tetapi ia merupakan pengalaman nyata yang meninggalkan memori yang mendalam kepada kita sebagai pelajar.

---

[11] *This experience in Japan is echoed by another experience that I had recently in the Philippines. While serving as Guest Professor in one of the universities in Manila, I was informed by my colleagues there that many of the students are no longer able to interact with their friends and teachers in a face-to-face manner. During my classes, many of the students were looking at their handphones, though they were actually paying attention to what I was saying, and asked very good questions in class. I was told that this inability to have face-to-face conversations was the result of the Philippines having one of the longest Covid lockdowns in the world (that lasted almost three years). As a result of this, an entire generation of university and school students lost their ability to interact with others in a direct, face-to-face manner.*

Pada hari ini, kita hidup dalam dunia tanpa memori sensori. Segala yang kita sentuh — telefon, komputer riba, suis lampu — terasa sama: mempunyai permukaan yang rata, sejuk dan tiada perbezaan antara satu sama lain. Generasi muda yang lahir selepas tahun 2000 membesar dalam persekitaran yang dibentuk oleh imejan digital, realiti terimbuh (augmented reality), kesan-kesan khas, media sosial dan rangkaian sosial. Persahabatan kini boleh wujud secara maya, begitu juga interaksi pekerjaan dan urusan komersial. Banyak negari menyambut perkembangan ini sebagai lambang kemajuan. Meskipun teknologi kelihatan mengagumkan, terdapat banyak kajian dan laporan yang menunjukkan betapa bahayanya media sosial, terutamanya terhadap golongan muda. [12] Platform media sosial kini telah menjadi senjata yang menyumbang kepada pelbagai penyakit sosial daripada radikalisme dan pembulian siber, sehinggalah kepada misogini dan perkauman. [13] Malangnya, usaha untuk mengekang kesan buruk ini masih sangat sedikit. [14]

Situasi ini menjadi semakin rumit dengan kebergantungan masyarakat terhadap media sosial dan platform-platform lain yang sudah menjadi sebahagian dalam kehidupan dunia maya, yang kini menjadi realiti dalam dunia pascaperindustrian. Ramai guru telah menyuarakan kebimbangan bahawa pelajar masa kini semakin bersikap acuh tidak acuh dan pesimis terhadap masa hadapan. Gejalanya jelas: di banyak negara, golongan muda semakin kurang berminat untuk berkahwin, berkeluarga, berjimat, atau membeli rumah. Laluan mobiliti sosial yang dahulu menjadi harapan masa hadapan generasi pascapeperangan kini semakin tidak relevan.

---

[12] See: 'Social Media Harms Teens' Mental Health, Mounting Evidence Shows' – Science News Org. ([11] This experience in Japan is echoed by another experience that I had recently in the Philippines. While serving as Guest Professor in one of the universities in Manila, I was informed by my colleagues there that many of the students are no longer able to interact with their friends and teachers in a face-to-face manner. During my classes, many of the students were looking at their handphones, though they were actually paying attention to what I was saying, and asked very good questions in class. I was told that this inability to have face-to-face conversations was the result of the Philippines having one of the longest Covid lockdowns in the world (that lasted almost three years). As a result of this, an entire generation of university and school students lost their ability to interact with others in a direct, face-to-face manner.); 'How Social Media Affects Your Teens' Mental Health'- Yale Medicine Org.

[13] See: 'Racism, Hate Speech and Social Media: A Systematic Review and Critique'- Sage Journals. ([11] This experience in Japan is echoed by another experience that I had recently in the Philippines. While serving as Guest Professor in one of the universities in Manila, I was informed by my colleagues there that many of the students are no longer able to interact with their friends and teachers in a face-to-face manner. During my classes, many of the students were looking at their handphones, though they were actually paying attention to what I was saying, and asked very good questions in class. I was told that this inability to have face-to-face conversations was the result of the Philippines having one of the longest Covid lockdowns in the world (that lasted almost three years). As a result of this, an entire generation of university and school students lost their ability to interact with others in a direct, face-to-face manner.); 'Racism in Social Media: Why is Online Abuse So Hard to Stop?- BBC British Broadcasting Corporation

[14] There is ample evidence to show the extent to which the prevailing widespread use of social media has led to social divisions all over the world, from the United States to Southeast Asia. But one of the most worrisome aspects of this phenomenon is how social media has now become the primary platform for the spread of misinformation, hoaxes as well as pseudo-science. This has become a global phenomenon, and in the United States social media was the main platform for the spread of pseudo-scientific theories such as the flat earth theory or the claim that the Covid pandemic was not real.

Guru-guru di seluruh dunia memerhatikan bahawa pelajar kini lebih leka dengan telefon bimbit, memiliki jangka masa perhatian yang singkat, enggan menyiapkan tugasan atau membaca buku sehingga selesai, serta mempunyai kemahiran komunikasi yang lemah. Asas utama yang membentuk 'masyarakat' seolah-olah semakin terhakis di depan mata kita sendiri, tetapi para guru masih diharapkan untuk mengisi kekosongan tersebut dan mengatasi kekurangan daripada institusi keluarga dan masyarakat yang rapuh. Persoalannya, bagaimana hal ini dapat dilaksanakan?

Realitinya, menjadi guru profesional berkontrak pada hari ini bermakna memainkan pelbagai peranan serentak: bukan sekadar mengajar secara konvensional, tetapi juga berperanan sebagai kaunselor, mentor, pentadbir, penganjur dan akauntan. Berdasarkan pengalaman saya sendiri sebagai profesor di beberapa universiti serantau, saya telah lama berdepan bukan sahaja dengan tanggungjawab akademik, tetapi juga keperluan emosi dan psikologi pelajar, bahkan sebelum era COVID-19. Tugas-tugas tambahan ini tidak pernah termasuk dalam skop kerja rasmi, namun tetap perlu ditangani jika saya ingin mengajar dengan betul.

Hal ini membawa kita kembali kepada topik utama kertas kerja ini, iaitu peranan tradisional seorang 'Guru' dalam konteks pramoden dan prapenjajahan. Seperti yang telah dihujahkan sebelum ini, guru bukan sekadar menjadi seorang tenaga pengajar yang bergaji semata-mata, malah pelbagai peranan dan fungsi yang dimainkan oleh seorang guru sering kali menjangkau batasan tugas mengajar secara formal. Golongan pendidik pada masa kini boleh, dan seharusnya, menelusuri semula sejarah silam untuk memahami bagaimana guru dahulu bukan sekadar profesional yang terikat pada kontrak, tetapi turut berperanan sebagai figura masyarakat yang memainkan pelbagai peranan secara serentak. Dalam kerjaya saya sendiri, inilah yang saya cuba lakukan: Saya tidak melihat diri saya sekadar seorang profesional yang bekerja dari jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang, tetapi sebagai seorang guru yang memikul tanggungjawab terhadap semua pelajar saya, walaupun selepas mereka tamat pengajian.

Namun begitu, perkara ini lebih mudah diperkatakan daripada dilaksanakan, kerana sebarang perubahan sikap yang ingin dicapai bergantung pada pelbagai faktor lain yang berkait rapat dengan batasan dan kekangan struktur institusi dalam kerjaya kita. Sekiranya kita ingin menghidupkan semula etika kerja seorang guru pada hari ini, maka perlu juga ada usaha secara sedar untuk mentakrifkan semula apa itu sekolah, dan fungsi sebenar institusi persekolahan itu sendiri. Malangnya, usaha ini menjadi rumit disebabkan beberapa faktor:

- Masih wujud pandangan dalam kalangan ibu bapa (yang turut terbeban dengan kerja yang berlebihan) bahawa sekolah hanyalah tempat untuk meletakkan anak-anak mereka sementara mereka keluar bekerja. Pandangan ini benar dalam konteks pendidikan di peringkat rendah.

- Terdapat juga pandangan dalam kalangan ramai ibu bapa bahawa guru bertanggungjawab untuk melaksanakan segala-galanya selain daripada mengajar, termasuk menyemai disiplin, nilai moral, dan kelakuan beretika. Pandangan sedemikian telah merendahkan peranan guru kepada sekadar pengasuh yang diberi kedudukan istimewa.

- Wujud juga pandangan umum bahawa kerjaya keguruan ialah kerjaya kelas kedua yang tidak menjanjikan kekayaan atau kemakmuran; malangnya, persepsi ini turut tercermin dalam kadar gaji yang rendah dan keadaan kerja yang menyedihkan di banyak sekolah di seluruh dunia. Dalam dunia materialistik masa kini, jutawan, inovator teknologi, pemodal dan pekerja bank dilihat sebagai wira masyarakat, manakala guru (bersama jururawat dan petugas kebersihan) dianggap mempunyai modal sosial dan nilai sosial yang rendah. Akibatnya, kerjaya keguruan sering kali dianggap sebagai pilihan kerjaya yang tidak menguntungkan. Hakikatnya, semua guru menyedari bahawa tugas mengajar sangat menuntut pengorbanan masa dan tenaga yang banyak, bukan sahaja daripada diri sendiri, malah keluarga mereka juga.

- Mungkin ancaman yang paling berbahaya ialah kepercayaan bahawa tugas mengajar boleh digantikan dengan mesin dan teknologi kecerdasan buatan (AI), dan guru boleh digantikan dengan aplikasi serta peranti elektronik. Walaupun trend ini masih baharu, apa yang paling membimbangkan ialah hakikat bahawa ramai ibu bapa tidak melihat perkembangan ini sebagai satu masalah, atau tidak menyedari bahawa ia boleh memberi kesan jangka masa panjang terhadap proses pembesaran dan sosialisasi anak-anak mereka.

Selagi tidak berlaku perubahan sikap secara menyeluruh dalam kalangan anggota masyarakat, maka kecenderungan ini akan terus berakar umbi, dan mungkin pada suatu hari nanti, kerjaya keguruan menjadi sepenuhnya bersifat automasi dan dikendalikan oleh mesin. Natijah adalah lahirnya satu generasi muda yang bergantung dan ketagih kepada media sosial, kini pula diasuh dan dididik oleh mesin, bukan manusia.

Sebahagian besar daripada apa yang dinyatakan di atas mungkin kedengaran skeptikal dan pesimis, namun saya ingin menegaskan komitmen saya terhadap bidang akademik dan kerjaya keguruan. Saya yakin bahawa terdapat jutaan guru di seluruh dunia yang telah pun menyedari segala cabaran dan kesulitan dalam kerjaya ini sebelum mereka memilih untuk terlibat, dan mereka sanggup mengambil risiko tersebut demi generasi muda. Saya percaya bahawa kita sebagai pendidik masih mempunyai peranan penting dalam pendidikan dan pembentukan generasi baharu, meskipun kebanyakan daripada kita jarang mendapat pengiktirafan atau penghargaan yang sewajarnya terhadap sumbangan yang telah kita curahkan.

Walaupun terdapat pelbagai cabaran yang menanti pada masa hadapan, apakah yang masih boleh kita lakukan untuk mengekalkan kefahaman tradisional tentang makna 'Guru' dan 'perguruan'?

Memanusiakan pendidikan: Sebagai guru profesional yang digajikan, terdapat pelbagai batasan yang dikenakan ke atas apa yang boleh dan tidak boleh kita lakukan: Kita tidak boleh memilih buku teks sesuka hati untuk digunakan di dalam kelas, kita tidak berupaya menetapkan kurikulum sendiri (kerana ia selalunya telah ditentukan oleh pihak lain), dan kita tidak dibenarkan untuk campur tangan dalam masalah peribadi atau domestik pelajar kita. Saya sendiri berdepan dengan kekangan ini sebagai seorang profesor di universiti, sebagaimana juga jutaan guru lain di peringkat rendah dan menengah di seluruh dunia.

Namun begitu, kita masih mampu memanusiakan kaedah pengajaran kita, dan menekankan kepentingan manusia dan sifat kemanusiaan dalam pekerjaan kita. Sebagai individu yang berpengkhususan dalam bidang sejarah politik (khususnya berkaitan abad ke-19 di Asia Tenggara kolonial), saya telah memberi tumpuan terhadap dimensi kemanusiaan dalam sejarah, dan secara khusus saya cuba menonjolkan peranan agensi manusia dalam proses sejarah. Hal ini demikian kerana saya percaya bahawa para pelajar perlu tahu dan memahami bahawa jalur sejarah tidak hanya ditentukan oleh golongan elit yang berkuasa atau institusi berpengaruh semata-mata, tetapi juga oleh agensi jutaan manusia biasa yang tidak jauh bezanya dengan diri mereka sendiri. Dalam usaha ini, saya telah cuba menjadikan sejarah politik sebagai satu bidang yang bersifat kemanusiaan, dan menghubungkan para pelajar saya dengan subjek yang mereka pelajari dengan lebih mendalam dan bermakna.

Usaha ini boleh dan wajar dilakukan dalam semua disiplin ilmu yang kita ajarkan sama ada sejarah mahupun sastera, ekonomi atau sains. Dalam era pemesinan intensif pada masa kini, dan dengan pelbagai aspek kehidupan seharian kita yang sedang dinyahmanusiakan, adalah amat penting bagi para pendidik untuk mengingatkan pelajar bahawa masyarakat manusia hanya wujud selagi kita masih menjadi manusia – baik dari segi bentuk mahupun nilai. Oleh itu, sifat-sifat kemanusiaan seperti empati, simpati, hubungan insani yang tulen serta komunikasi perlu dibawa masuk ke dalam tugas kita sebagai pendidik, kerana hanya kita – guru yang bersifat manusia – yang mampu memanusiakan proses pengajaran itu sendiri. Tiada mesin, aplikasi mahupun guru maya yang berfungsi dengan teknologi CGI yang mampu mengajar pelajar erti sebenar menjadi manusia; dan menjadi manusia sebenar itu bermaksud bahawa kita menerima hakikat bahawa kita makhluk yang tidak sempurna, namun tetap memiliki potensi yang amat besar.

Memanusiakan pendidikan juga membawa maksud membina suatu persekitaran dan sistem pengajaran yang berteraskan manusiawi, bukan mesin. Salah satu ciri asas manusia ialah kita semua melakukan kesilapan. Dalam kursus-kursus yang saya kendalikan, saya memilih untuk menetapkan soalan yang tidak mempunyai satu jawapan betul yang khusus, kerana apa yang saya ingin lihat dalam esei para pelajar ialah bukti pemikiran dan kefahaman. Saya sentiasa memberitahu pelajar bahawa saya tidak memerlukan mereka untuk menyatakan fakta semata-mata, "kerana jika saya memerlukan data, saya sendiri boleh mencarinya di Google". Sebaliknya, apa yang saya ingin lihat ialah bukti bahawa pelajar sedang berfikir, sedang bergelut dengan subjek dan persoalan yang diajukan, serta sedang berusaha untuk berfikir di luar kotak.

Sehubungan dengan itu, usaha memanusiakan pendidikan juga menuntut agar kita beralih daripada pendekatan yang menghukum kesilapan atau jawapan yang salah. Saya memilih untuk tidak menetapkan soalan yang hanya mempunyai satu jawapan yang betul, kerana masyarakat manusia bukanlah bersifat hitam-putih, dan agensi manusia sering melibatkan unsur-unsur yang tidak dapat diterangkan seperti kekeliruan dan persoalan.[13] Saya percaya bahawa pendekatan seumpama ini mampu membawa kepada perubahan sikap, kerana para pelajar saya tidak datang ke kelas dengan harapan untuk memperoleh jawapan, sebaliknya dengan harapan bahawa persoalan-persoalan baharu akan dibangkitkan.

Tambahan, adalah penting untuk kita mengingatkan diri bahawa proses pembelajaran ialah pengalaman yang menyeluruh, inklusif serta bersifat kolaboratif. Saya sering mengingatkan para pelajar bahawa saya – sebagai guru mereka – saya juga sedang melalui proses pembelajaran, dan saya sendiri banyak belajar daripada mereka. Pernyataan ini bukan bertujuan untuk menafikan wujudnya hierarki antara guru dan pelajar (kerana sayalah yang akan menilai tugasan mereka, bukan sebaliknya), tetapi untuk menunjukkan bahawa guru juga merupakan insan yang tidak semestinya mempunyai jawapan kepada setiap persoalan; serta untuk menanam keyakinan dan amalan bahawa pembelajaran merupakan satu proses yang hanya dapat dilalui secara bersama. (Saya sering mengingatkan pelajar bahawa "buku tidak mengandungi ilmu secara langsung; buku hanya mengandungi perkataan dan data. Ilmu hanya wujud apabila kita membincangkan buku-buku tersebut bersama-sama, kerana ilmu itu terhasil secara sosial dan kolektif.")

---

[13] Such an approach is obviously possible in the humanities and disciplines like history which I teach, but not so for other disciplines such as mathematics.

Saya sepenuhnya sedar bahawa sebarang perubahan atau pembaharuan yang dapat kita laksanakan sebagai pendidik sentiasa akan dibatasi dengan kekangan institusi dan kontrak yang menjadi realiti dalam pengalaman kerja kita. Saya juga tidak mencadangkan kita menterbalikkan arus pemesinan dan automasi dengan cara yang menakjubkan hanya dengan menjadi lebih baik atau lebih empati dalam pekerjaan kita. Namun, saya tetap berpegang pada kepercayaan bahawa keguruan ialah satu kerjaya yang mulia dan memberi manfaat kepada masyarakat lebih daripada banyak kerjaya yang lain, dan peranan guru masih kekal penting.

Apa yang saya cuba lakukan dalam kertas kerja ini adalah untuk mengingatkan kita semua bahawa jauh sebelum kemunculan dunia moden yang kita huni pada hari ini, pernah wujud satu Asia Tenggara pramoden dan prapenjajahan yang menjadikan pendidikan sebagai salah satu aspek terpenting dalam sesebuah masyarakat yang ingin dianggap bertamadun. Pada ketika itu, 'Guru' merupakan figura masyarakat yang diberikan penghormatan dan pengiktirafan sosial yang lebih tinggi kerana masyarakat pada zaman ini menghargai ilmu dan pembelajaran dan menganggap para guru sebagai penting bagi kemajuan dan pembangunan mereka sendiri.

Walaupun guru profesional moden pada hari ini mungkin tidak lagi menerima pengiktirafan setinggi para Guru pada zaman silam, mereka tetap merupakan komponen penting dan tidak dapat digantikan dalam mana-mana masyarakat yang ingin bergerak ke arah kesedaran dan kemajuan. Saya benar-benar berharap agar para guru pada hari ini tidak berputus asa, dan tidak menganggap diri mereka kurang berharga berbanding individu lain yang mungkin lebih kaya. Kita semua telah maklum tentang apa yang kita hadapi apabila memilih untuk menjadi guru, meskipun mungkin sebahagian daripada kita tidak menjangka cabaran besar yang wujud pada hari ini. Walau apapun jua perkembangan yang berlaku, saya ingin mengingatkan kita semua bahawa kita masih merupakan antara segelintir kelompok dalam masyarakat kini yang (masih mampu) mengekalkan dimensi kemanusiaan dalam pekerjaan kita. Seperti yang saya katakan kepada para pelajar saya pada permulaan setiap kursus: "Ingatlah bahawa pembelajaran itu suatu proses kemanusiaan, maka marilah kita kekalkan pembelajaran kita sebagai sesuatu yang insani dan berperikemanusiaan. Dan sentiasa ingat: Kita bukanlah mesin. Kita bukan mesin. Kita bukan mesin."

---

[13] Such an approach is obviously possible in the humanities and disciplines like history which I teach, but not so for other disciplines such as mathematics.

Biografi Penulis:

Profesor Farish A. Noor merupakan Pensyarah Sejarah Politik di Fakulti Sains Sosial, Universitas Islam Internasional Indonesia (UIII) atau Universiti Islam Antarabangsa Indonesia. Kajian beliau banyak bertumpu pada kolonialisme dan imperialisme moden pada kurun ke-19 di Asia Tenggara. Profesor Farish Noor merupakan penulis Ras, Kuasa, dan Kekerasan Kolonial di Jawa, 1808-1830 (bersama Peter Carey, Jakarta Gramedia: 2022), The Long Shadow of the 19th Century: Critical Essays on Colonial Orientalism in Southeast Asia (Kuala Lumpur: Matahari Books 2021), Data-Collecting in 19th Century Colonial Southeast Asia: Framing the Other (Amsterdam University Press: 2020), dan America's Encounters with Southeast Asia 1800-1900: Before the Pivot (Amsterdam University Press: 2018).

Bibliografi:

Bukhair (Buchara) al-Jauhari, '*Taj-us Salatin' (1603*). Edited by Khalid Hussain. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1966.

Cohn, Bernard S. *Colonialism and Its Forms of Knowledge: The British in India.* Princeton: Princeton University Press. 1996.

Crawfurd, John. *History of the Indian Archipelago, Containing an account of the Manners, Arts, Languages, Religions, Institutions and Commerce of its Inhabitants.* Edinburgh: Archibald Constable. 1820.

Hikayat Indera Jaya (Hikayat Shah Mardan), Edited by Zabedah Abdullah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Siri Warisan Sastera Klasik. 2000.

Hikayat Morong Mahawangsa. Edited by Siti Hawa Salleh. Kuala Lumpur: University Malaya Press. 1970.

Hikayat Panji Semirang Asmarantaka, Salinan dari Kitab asal, Lembaga Kebudayaan Indonesia, Jakarta: Balai Pustaka. 1953.

Manderson, Lenore, '*Race, Colonial Mentality and Public Health Policies in 20th century Malaya', in: The Underside of Malaysian History*, edited by Peter J. Rimmer. Singapore: Singapore University Press. 1990.

Marsden, William. *The History of Sumatra - Containing An Account of the Government, Laws, Customs, and Manners Of the Native Inhabitants, With A Description of the Natural Productions, And A Relation of the Ancient Political State Of that Island.* London: Printed for the Author, 1783.

Marsden, William. *On the Chronology of the Hindoos, Paper delivered at the Royal Society*, The Philosophical Transactions of The Royal Society, London. 24 June 1790.

Noor, Farish A. and Peter Carey (Editors), *Racial Difference and the Colonial Wars of 19th Century Southeast Asia.* Amsterdam: Amsterdam University Press, 2021.

Noor, Farish A. and Peter Carey (Authors), Ras, Kuasa, dan *Kekerasan Kolonial di Jawa, 1808-1830 (Race, Power, and Colonial Violence in Java, 1808-1830).* Jakarta: KPG Gramedia Publishers. 2022.

Raffles, Thomas Stamford. *The History of Java, in two volumes.* London: Black, Parbury and Allen, publishers for the Honorable East India Company, Leadenhall Street; and John Murray, Albemarle Street, 1817.

Reid, Anthony, *Southeast Asia in the Age of Commerce: 1450-1680* — Vol.I. The Lands Below the Winds. New Haven: Yale University Press. 1988.

Reid, Anthony, Southeast Asia in the Age of Commerce: 1450-1680 — Vol. II. Expansion and Crisis. New Haven: Yale University Press. 1993.

Roff, William. *The Origins of Malay Nationalism. New Haven:* Yale University Press. 1967.

Scott, James C. *Weapons of the Weak: Everyday forms of Peasant Resistance.* New Haven and London: Yale University Press. 1985.

Sejarah Melayu, or *Salalatu'l Salatin* (The Malay Annals) edited by Munshi Abdullah (Abdullah Abdul Kadir), Djambatan Press. Djakarta and Amsterdam. 1952.

Soewito Santoso, *The Centhini Story: The Javanese Journey of Life. Being the translation of the Serat Centhini.* Marshall Cavendish, Singapore, 2006.

Steinberg, David Joel (ed.), *In Search of Southeast Asia: A Modern History.* With contributions by David P. Chandler, William R. Roff, John R. W. Smail, David Steinberg, Robert H. Taylor, Alexander Woodside and David K. Wyatt. Honolulu: University of Hawaii Press. 1985.

Swettenham, Frank Athelstane. *Malay Sketches. London:* The Bodley Head. 1895.

Swettenham, Frank Athelstane. *The Real Malay: Pen Pictures. London:* The Bodley Head. 1900.

Swettenham, Frank Athelstane. B*ritish Malaya: An Account of the Origin and Progress of British Influence in Malaya.* London: The Bodley Head. 1908.

Swettenham, Frank Athelstane. *Unaddressed Letters. London:* The Bodley Head. 1916.

Tarling, Nicholas. *British Policy in the Malay Peninsula and the Archipelago 1824-1871.* Oxford: Oxford University Press. 1969.

Slaid Pembentangan

BICARA ILMIAH II

8 MEI 2025

PEMBICARA UNDANGAN

Farish Ahmad Noor

Profesor Sejarah Politik,
Fakulti Sains Sosial
Universiti Islam Antarabangsa
Indonesia (UIII)



Daripada 'Guru' Kepada 'Cikgu': Lenyapnya Peranan Tradisional Guru Dalam Era Pendidikan Moden

Farish A. Noor
Profesor Sejarah Politik
Fakulti Sains Sosial
Universitas Islam Antarabangsa Indonesia (UIII)

I

Siapakah Guru? Memahami Makna 'Guru' dan 'Perguruan' dalam Konteks Pramoden dan Prapenjajahan

Syahadan, maka masyurlah wartanya (Indera Jaya) itu kepada segenap negeri asing-asing. Dan beberapa lamanya, maka tersebutlah perkataan ada seorang Brahmin datang dari negeri Dar-al Qiyam. Maka Berahman pun sampailah ke negeri itu, lalu ia masuk ke dalam kota. Maka duduklah ia di suatu tempat. Maka orang dalam negeri itu pun banyaklah datang belajar kepadanya. Barang dikehendakinya diajarkan oleh Brahmin itu.

— Hikayat Indera Jaya

Slaid Pembentangan

PENGENALAN

- Kita hidup dalam sebuah dunia pascakolonial.
- Kemunculan pelbagai jenis teknologi dan seni bina komunikasi daripada internet dan media sosial, sehinggalah kepada kecerdasan buatan dan penggunaan realiti maya dalam hampir setiap aspek kehidupan seharian.
- Namun begitu, proses pengajaran kekal sebagai suatu pengalaman yang bersifat sangat peribadi - pada tahap hubungan individu antara guru dan pelajar.

KRISIS PENDIDIKAN

- Dalam beberapa dekad kebelakangan ini, berlaku 'krisis pendidikan' yang semakin meruncing di banyak bahagian dunia.
- Bank Dunia serta badan-badan di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu seperti UNICEF telah menjalankan kajian - laporan yang menunjukkan **ketidaksamaan yang ketara** antara **kualiti** dan **piawaian pendidikan** antara negara-negara maju di Utara dan negara-negara membangun di Selatan.

Slaid Pembentangan

KRISIS PENDIDIKAN SEMAKIN MEMBURUK

- Di negara-negara maju dari Utara, krisis pendidikan semakin memburuk akibat mempolitikkan pendidikan dari peringkat rendah hingga ke pengajian tinggi.
- Setiap pihak mempunyai kepentingan politik dan enggan berdialog secara bermakna mengenai nilai dan tujuan sebenar pendidikan itu sendiri.
- Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, kita menyaksikan impak media sosial dan kecerdasan buatan ke atas proses pengajaran.
- Dalam perkembangan lain, berlaku usaha komersialisasi untuk menjadikan institusi pendidikan dan ilmu pengetahuan sebagai komoditi, hinggalah kepada dasar penjimatan yang dilaksanakan oleh pemerintah.
- Semua ini secara langsung meningkatkan beban tugas guru dan pelajar.

TUJUAN ASAS PENDIDIKAN

- Kita seolah-olah melupakan tujuan asas pendidikan itu sendiri serta peranan penting yang dimainkan oleh guru, insan yang memikul amanah pedagogi.
- Di seluruh dunia, para pendidik kini berada di bawah tekanan luar biasa untuk menyesuaikan diri dengan realiti politik-ekonomi serta kemajuan teknologi yang berada di luar kawalan mereka.
- Pandemik COVID-19 yang lalu menjadi contoh nyata: jutaan guru di seluruh dunia terpaksa mengubah kaedah pengajaran mereka kepada format dalam talian secara mendadak - sering kali tanpa sokongan institusi mahupun kewangan yang mencukupi.

Slaid Pembentangan

Siapakah sebenarnya 'guru', dan mampukah konsep 'guru/perguruan' terus wujud dan relevan dalam dunia kita hari ini?

- Untuk menjawab soalan ini, kita perlu kembali ke masa lampau dan menelusuri sejarah pramoden dan prapenjajahan Asia Tenggara bagi menggali semula makna sebenar 'siapakah itu guru' dan apakah itu 'perguruan'.

KONTEKS KEHIDUPAN MASYARAKAT PRAMODEN ASIA TENGGARA

- Untuk memahami konteks kehidupan masyarakat pramoden Asia Tenggara, kita boleh merujuk kepada peninggalan sejarah dari segi material dan juga warisan sastera. Contohnya:
  - Monumen agung seperti Candi Borobudur
  - Candi Prambanan di Jawa
  - Kompleks Angkor Wat di Kemboja.



Candi Borobudur

- Para pengunjung akan dapat menyaksikan secebis gambaran kehidupan masyarakat ketika itu sebagaimana yang terpahat dalam ukiran pada dinding-dinding candi, yang menggambarkan cara hidup masyarakat biasa di Jawa, dan juga Kemboja

Slaid Pembentangan

ASPEK MENARIK CANDI



Candi Prambanan

- Ukiran-ukiran pada bangunan candi tersebut tertumpu kepada beberapa topik penting: terdapat ratusan imej raja dan istana, yang menggambarkan kedudukan konsep 'raja berdaulat' pada masa lalu.
- Namun yang lebih menarik, terdapat ratusan imej tokoh pendidik - para guru, Brahmin, bijak pandai dan ilmuwan - terpahat dengan megah pada dinding-dinding candi tersebut.

ASPEK MENARIK CANDI

- Kehadiran para guru di pusat-pusat kekuasaan politik dan spiritual ini menunjukkan betapa pentingnya figura seorang guru - kerana hanya gurulah yang boleh berdiri lebih tinggi daripada raja, sebagai guru dan pembimbing mereka.



Kompleks Angkor Wat

Slaid Pembentangan

WARISAN KESUSASTERAAN ERA PRAMODEN

- Pemerhatian yang sama boleh dibuat terhadap warisan kesusasteraan yang ditinggalkan dari era pramoden.
- Contoh karya kesusasteraan era pramoden termasuk *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Indera Jaya (atau Hikayat Shah Mardan)*, *Hikayat Pandawa Lima*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Panji Semirang*, *Sejarah Melayu (Sulalatus Salatin)*, dan *Serat Centhini*.
- Terdapat persamaan yang cukup ketara dalam karya-karya kesusasteraan yang muncul di Asia pada era pramoden



TEMA DOMINAN

- Antara tema yang paling dominan ialah watak utama selalunya perlu meninggalkan zon keselesaan atau persekitaran asal mereka untuk keluar mengembara bagi mencari ilmu dan kebijaksanaan.
- Contohnya dalam:
  - *Hikayat Pandawa Lima*, adaptasi epik *Mahabharata* dari India
  - *Serat Centhini* dari Jawa



Slaid Pembentangan


HIKAYAT HANG TUAH



- Dalam *Hikayat Hang Tuah* - yang barangkali merupakan hikayat Melayu yang paling masyhur - Hang Tuah sendiri meninggalkan peranannya sebagai pendekar dan muncul sebagai utusan pengembara, dan akhirnya sebagai pencari ilmu.
- Keselamatannya hanya tercapai apabila beliau memilih untuk meninggalkan segala kuasa dan keganasan, setelah mengetahui bahawa kekuasaan yang sebenarnya terletak dalam kepercayaan dan ketaatan dan juga kerendahan hati serta kebijaksanaan.

HIKAYAT INDERA JAYA ATAU HIKAYAT INDERA SHAH MARDAN

- Satu lagi hikayat yang mengetengahkan guru dalam naratifnya ialah *Hikayat Indera Jaya* (juga dikenali sebagai *Hikayat Shah Mardan*).
- Inti utama penceritaan ini ialah hubungan erat dan kompleks antara dua watak iaitu Raja Shah Mardan, pemimpin kerajaan Dar-al Hastan, dan guru-mentornya, Brahmin (seorang pendeta). Guru inilah yang mencetuskan pencarian ilmu sang raja, sejurus setelah beliau tiba di kerajaan tersebut. Berahmin mengajar pelbagai ilmu falsafah esoterik dan metafizik, yang kemudiannya menarik minat raja kerana wacana tersebut membuka perspektif baharu dalam pemikiran baginda.
- Hikayat ini adalah yang paling menarik kerana naratifnya memperlihatkan hubungan simbiotik yang erat antara guru dan raja walaupun guru kelihatan lemah dari segi kuasa duniawi, namun beliau lebih berkuasa dari segi ilmu.



Slaid Pembentangan

PERANAN GURU DALAM ERA PRAMODEN

Pemerhatian Pertama








- Melalui pemerhatian daripada teks-teks seperti *Hikayat Indera Jaya* serta ukiran di candi Prambanan, Borobudur dan Angkor Wat, kita dapat simpulkan bahawa dalam era pramoden, guru merupakan figura penting dalam masyarakat.
- Peranan guru tradisional bukan sekadar menyampaikan ilmu, tetapi juga bertindak sebagai mentor, pelindung, pengkritik, dan seorang yang berada di tengah-tengah masyarakat, namun pada masa yang sama melepasi struktur sosialnya.

PERANAN GURU DALAM ERA PRAMODEN

Pemerhatian Kedua

- Seorang guru dalam zaman pramoden tidak terikat pada lokasi tetap atau persekitaran institusi yang spesifik. Contoh seperti Berahman yang membawa Raja Shah Mardan mengembara, atau Hang Tuah yang menimba ilmu dari pelbagai guru.
- Pengajaran merupakan satu proses holistik dan komprehensif dalam pelbagai cara, bahkan ketika mengembara. Contoh dalam cerita Hikayat Indera Jaya.
- Pemahaman terhadap ilmu pada ketika itu bersifat organik, tidak terikat pada sukatan pelajaran mahupun jadual waktu dan kebijaksanaan tidak semestinya diperoleh daripada buku semata-mata.



Slaid Pembentangan

PERANAN GURU DALAM ERA PRAMODEN






Pemerhatian Ketiga

- Pemerhatian ketiga yang dapat dibuat adalah bahawa proses pengajaran dilihat sebagai sesuatu yang bersifat peribadi dan menyeluruh, dan guru bukanlah semata-mata kerjaya profesional. Para guru dalam teks seperti *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Pandawa Lima* dan *Hikayat Indera Jaya* bukan sahaja mengajar, malah mengasihi dan menjaga pelajar mereka.
- Guru bukan sekadar sebagai Cikgu tetapi sebagai mentor dan penjaga yang menganggap pelajar sebagai tanggungjawab peribadi mereka.
- Menjadi guru bukanlah pekerjaan dengan satu matlamat tunggal dan satu objektif KPI, sebaliknya satu pengalaman peribadi yang membolehkan guru mengenali pelajar mereka dalam aspek emosi, psikologi dan rohani. Keprihatinan guru bukan hanya sekadar memastikan pelajar menjadi pandai dan berpengetahuan, tetapi membesar menjadi insan atau manusia yang lebih baik.

TAJ US-SALATIN



- Tradisi penjagaan kebajikan yang bersifat menyeluruh ini terus bertahan sekurang-kurangnya sehingga abad ke-17.
- Apabila kita meneliti karya *Taj-us Salatin* tulisan Buchara al-Jauhari yang menjadi penasihat kepada Sultan Aceh, jelas bahawa beliau sangat menitikberatkan kebajikan moral dan etika pemerintah yang diajar dan dinasihatinya.
- Nada tulisan Al-Jauhari kadangkala kritikal dan tegas, namun di sebalik itu ialah niat yang luhur agar pemerintah menjadi bukan sahaja raja yang lebih baik, tetapi insan yang lebih baik juga.

Slaid Pembentangan

SISTEM PENDIDIKAN AWAM ASIA TENGGARA

- Daripada tradisi ini jugalah, Asia Tenggara mengembangkan sistem pendidikan awamnya sendiri yang terbentuk melalui sekolah-sekolah tradisional awal.
- Di wilayah yang majoritinya Muslim mahupun Buddha, sekolah-sekolah tradisional berkembang dengan cara yang mencerminkan sifat sosial pendidikan serta kedudukan guru dalam masyarakat ketika itu.
- Sekolah-sekolah pondok atau pesantren muncul di wilayah-wilayah Islam, manakala institusi keagamaan seperti biara pula berfungsi sebagai pusat pembelajaran di kawasan majoriti Buddha di Asia Tenggara.
- Perkara yang sama yang diamalkan oleh pusat-pusat persekolahan ketika itu adalah sifat komunal dalam proses pengajaran dan pembelajaran, dan para pelajar akan tinggal bersama atau berdekatan dengan guru mereka.





SISTEM PENDIDIKAN AWAM ASIA TENGGARA

- Guru bukan sahaja mengajar asas-asas ilmu agama dan falsafah, tetapi juga menjadi model moral yang hidup atau tokoh yang menunjukkan suri teladan melalui perilaku seharian yang dapat dicontohi secara langsung oleh pelajar-pelajarnya.
- Pendidikan tidak hanya disampaikan melalui buku, tetapi terkandung dalam pengalaman hidup seharian serta keperibadian guru itu sendiri sebagai insan yang berilmu dan berakhlak. Namun, semua ini mula berubah secara beransur-ansur seiring dengan ketibaan penjajahan moden pada abad ke-16.
- Bersama kolonialisme moden muncul hubungan sosial baharu yang bersifat kontrak, yang kemudiannya mengubah struktur masyarakat secara menyeluruh.





Slaid Pembentangan

Ketibaan Penjajahan Barat dan Pemisahan daripada Tradisi Lama: Bagaimana Guru Digantikan dengan Guru Moden

II

"Pada tahun 1874, setiap orang Melayu memiliki sebanyak mungkin senjata yang mampu dibawanya. Kanak-kanak lelaki biasanya berpuas hati dengan dua atau tiga senjata. Kini, orang lelaki membawa payung, dan anak-anak membawa papan batu dan buku."

— Frank Swettenham, British Malaya (1908)

KESAN PENJAJAHAN BARAT



- Kesan penjajahan Barat masih boleh dilihat dan dirasai di seluruh Asia Tenggara hingga ke hari ini. Dari segi rupa bentuk bandar yang meniru metropolis Barat, hingga ke gaya hidup dan corak penggunaan masyarakatnya, jelas bahawa rantau ini telah dibentuk melalui pengalaman kolonial.

Slaid Pembentangan

PEMERINTAH KOLONIAL MENGUBAH SISTEM PENDIDIKAN ASIA TENGGARA

Masyarakat Asia Tenggara Dianggap Mundur dan Primitif

- Melalui penulisan pentadbir kolonial awal seperti Marsden (1783, 1790), Raffles (1817), Crawfurd (1820) hingga Swettenham (1895, 1900, 1908, 1916), wujud kecenderungan untuk melihat masyarakat tempatan dari lensa kekurangan: **kekurangan kemajuan**, **kekurangan disiplin**, **kekurangan pembangunan**, dan sebagainya.
- Dalam bidang kesihatan awam, Manderson (1990) menunjukkan bagaimana penjajah British menganggap perubatan tradisional di Asia Tenggara sebagai **mundur** dan **primitif**; dan memandang masyarakat asli sebagai serba kekurangan dari segi ilmu biologi dan perubatan.





PEMERINTAH KOLONIAL MENGUBAH SISTEM PENDIDIKAN ASIA TENGGARA

Sistem Pendidikan Asli di Asia Tenggara Dianggap Mundur dan Perlu Diperbaik





- Pemerhatian yang sama juga dapat dilihat bagaimana penguasa kolonial di Asia Tenggara memandang sistem pendidikan dan persekolahan penduduk asli Asia Tenggara seperti pondok dan pesantren Muslim serta biara Buddha merupakan institusi-insitusi yang mundur.
- Daripada pemerhatian-pemerhatian ini, para pegawai kolonial British (termasuk juga Belanda, Perancis dan lain-lain), **menyimpulkan bahawa institusi sekolah-sekolah pondok dan madrasah serba kekurangan** dalam banyak aspek dan perlu 'diperbaik' melalui kawalan dan peraturan yang lebih ketat.

CIRI SISTEM TRADISIONAL YANG TIDAK DISEDARI OLEH PENTADBIR KOLONIAL

Hubungan Peribadi antara Guru dan Pelajar dalam Sistem Pendidikan Asia Tenggara Prakolonial


- Apa yang gagal disedari oleh ramai pentadbir kolonial ini ialah hubungan rapat dan penuh kasih sayang antara guru dan pelajar dalam sistem tradisional inilah yang sebenarnya menjadikan pendidikan di madrasah dan pondok begitu istimewa.
- Walaupun benar tiada wujudnya hubungan kontrak yang formal antara guru dan pelajar, ketiadaan parameter kerja yang ketat dan sempit inilah yang membolehkan guru berperanan secara menyeluruh dalam pengajaran mereka serta membolehkan mereka menjadi lebih dari sekadar seorang guru.



CIRI SISTEM TRADISIONAL YANG TIDAK DISEDARI OLEH PENTADBIR KOLONIAL

Penolakan Terhadap Piawaian Barat Dianggap Mundur

- Pandangan ini hanya difahami oleh segelintir sarjana Barat, seperti Roff (1967).
- Sebarang bentuk penolakan terhadap piawaian Barat ketika itu dianggap sebagai tanda kemunduran, meskipun Scott (1985) berhujah bahawa penolakan ini sebenarnya merupakan satu bentuk penolakan terhadap pengenaan hegemoni budaya Barat.



Slaid Pembentangan

PENTABIRAN KOLONIAL MENGUBAH HAMPIR SEMUA SISTEM PENTADBIRAN DAN PENDIDIKAN TRADISIONAL

Sistem Pendidikan Moden Diperkenalkan oleh Penguasa Kolonial Untuk Menggantikan Sistem Pendidikan Tradisional

- Pentadbiran kolonial british di negeri-negeri Selat dan kerajaan-kerajaan melayu telah dirombak secara keseluruhan (Tarling,1969).
- Perkara yang sama berlaku di negara-negara jajahan lain di Asia Tenggara.
- Pentadbir kolonial memperkenalkan pendidikan berorientasikan Barat untuk melahirkan generasi baharu peribumi yang dididik mengikut cara Barat agar mereka boleh bekerja sebagai kerani, pegawai kerajaan, dan guru dalam perkhidmatan kolonial (Roff, 1967).
- Sistem pendidikan moden mula menggantikan sekolah-sekolah pondok, madrasah dan biara dengan sekolah formal dan berstruktur, serta menggantikan fungsi guru tradisional dengan guru yang berkontrak.

PERANAN GURU TRADISIONAL BERUBAH MENJADI GURU MODEN

Peranan Guru Moden:

1. Pertama, guru moden merupakan seorang profesional berkontrak yang skop tugas dan fungsinya ditentukan secara sah melalui kontrak kerja.
2. Kedua, guru moden yang berkontrak hanya memainkan peranannya dalam konteks institusi yang menggajinya - sama ada sekolah, kolej atau universiti - dan beliau secara sah tertakluk untuk menyerahkan tenaganya kepada institusi tersebut.
3. Ketiga, corak kontrak tugas guru moden menetapkan batasan tertentu - termasuk had hubungan dan hierarki antara guru dengan pelajar-pelajarnya.

Slaid Pembentangan

KESAN DAN IMPAK PENDIDIKAN KOLONIAL

Kesan dan Impak Pendidikan Kolonial Boleh Dilihat Sampai Kini

- Walaupun sudah memperoleh kemerdekaan, sistem pendidikan moden yang diperkenalkan oleh pentadbir kolonial tetap dikekalkan oleh semua masyarakat pascakolonial di rantau ini.
- Meskipun sistem pendidikan kolonial yang diwarisi membawa manfaat ekonomi yang besar kepada masyarakat Asia Tenggara, banyak negara di rantau ini masih menjadikan piawaian Barat sebagai penanda aras kemajuan.
- Dengan kehadiran internet, media sosial dan kecerdasan buatan, sekolah-sekolah dan universiti-univiersiti di Asia Tenggara ini juga tidak mahu ketinggalan dalam arus digitalisasi.
- Namun, apakah kesannya terhadap peranan guru dan pelajar itu sendiri?

III

Pengajaran pada Hari Ini: Masih Adakah ‘Guru’ dalam Era Pendidikan Berkomoditi dan Media Sosial?

"Pendidikan tidak mengubah dunia. Pendidikan mengubah manusia, dan manusia mengubah dunia."
— Paulo Freire (1921–1997

Slaid Pembentangan

PENGALAMAN PERIBADI

Sewaktu di kantin universiti, saya melihat seorang pelajar lelaki sedang berbual dengan penuh ceria melalui telefon bimbitnya bersama seorang gadis. Dengan nada berseloroh saya menyatakan kepada rakan-rakan saya bahawa pelajar tersebut mungkin sedang dilamun cinta.

Namun rakan saya segera menjawab: “Tetapi perempuan itu tak wujud. Kalau diperhatikan skrin telefon bimbitnya, dia sedang berhubung dengan aplikasi teman wanita maya. Gadis itu bukan manusia sebenar.”

Justeru, kita kini hidup dalam sebuah dunia yang mana realiti dan fantasi, kebenaran dan kepalsuan, menjadi semakin kabur dan kita semua sewajarnya berasa bimbang akan hal ini.

PENGALAMAN PENDIDIKAN SEBELUM ERA INTERNET

- Bagi kita yang dilahirkan sebelum era internet dan media sosial pasti ingat bahawa pendidikan merupakan satu pengalaman peribadi dan bersandarkan sensori dan realiti fizikal. **Buku ialah objek fizikal** yang dibaca dari satu halaman ke satu halaman lain. **Guru-guru kita ialah insan sebenar** yang mungkin mempunyai kelemahan dan kekurangan tersendiri tetapi sekurang-kurangnya mereka merupakan manusia sebenar yang kita berinteraksi bersama.
- **Pengajaran berlaku secara fizikal** di dalam bilik darjah, dan bunyi geseran kapur pada papan hitam boleh menghantui gegendang telinga.
- Segalanya mungkin kelihatan kolot kini, tetapi ia merupakan **pengalaman nyata** yang meninggalkan memori yang mendalam kepada kita sebagai pelajar.

Slaid Pembentangan

PENGALAMAN KEHIDUPAN HARI INI

- Pada hari ini, kita hidup dalam dunia tanpa memori sensori. Segala yang kita sentuh termasuk telefon, komputer riba, dan suis lampu terasa sama: mempunyai permukaan yang rata, sejuk dan tiada perbezaan antara satu sama lain.
- Generasi muda yang lahir selepas tahun 2000 membesar dalam persekitaran yang dibentuk oleh imejan digital, realiti terimbuh (*augmented reality*), media sosial dan rangkaian sosial.
- Persahabatan kini boleh wujud secara maya, begitu juga interaksi pekerjaan dan urusan komersial. Banyak negara menyambut perkembangan ini sebagai lambang kemajuan.

TEKNOLOGI TIDAK SEMUANYA MENGAGUMKAN

- Meskipun teknologi kelihatan mengagumkan, terdapat banyak kajian dan laporan yang menunjukkan betapa bahayanya media sosial, terutamanya terhadap golongan muda.
- Platform media sosial kini telah menjadi senjata yang menyumbang kepada pelbagai penyakit sosial daripada radikalisme dan pembulian siber, sehinggalah kepada misogini dan perkauman.
- Malangnya, usaha untuk mengekang kesan buruk ini masih sangat sedikit.

Slaid Pembentangan

TEKNOLOGI TIDAK SEMUANYA MENGAGUMKAN

- Situasi ini menjadi semakin rumit dengan kebergantungan masyarakat terhadap media sosial dan platform-platform lain yang sudah menjadi sebahagian dalam kehidupan dunia maya, yang kini menjadi realiti dalam dunia pascaperindustrian.
- Ramai guru telah menyuarakan kebimbangan bahawa pelajar masa kini semakin bersikap acuh tidak acuh dan pesimis terhadap masa hadapan.
- Gejalanya jelas: di banyak negara, golongan muda semakin kurang berminat untuk berkahwin, berkeluarga, berjimat , atau membeli rumah. Laluan mobiliti sosial yang dahulu menjadi harapan masa hadapan generasi pascapeperangan kini semakin tidak relevan.

TEKNOLOGI TIDAK SEMUANYA MENGAGUMKAN

- Guru-guru di seluruh dunia memerhatikan bahawa pelajar kini lebih leka dengan telefon bimbit, memiliki jangka perhatian yang singkat, enggan menyiapkan tugasan atau membaca buku sehingga selesai, serta mempunyai kemahiran komunikasi yang lemah.
- Asas utama yang membentuk ‘masyarakat’ seolah-olah semakin terhakis di depan mata kita sendiri, tetapi para guru masih diharapkan untuk mengisi kekosongan tersebut dan mengatasi kekurangan daripada institusi keluarga dan masyarakat yang rapuh.
- Persoalannya: bagaimana hal ini dapat dilaksanakan?

Slaid Pembentangan

PERANAN GURU PROFESIONAL SEMAKIN RENCAM

- Realitinya, menjadi guru profesional berkontrak pada hari ini bermakna memainkan pelbagai peranan serentak: bukan sekadar mengajar secara konvensional, tetapi juga berperanan sebagai kaunselor, mentor, pentadbir, penganjur dan akauntan.
- Berdasarkan pengalaman saya sendiri sebagai profesor di beberapa universiti serantau, saya telah lama berdepan bukan sahaja dengan tanggungjawab akademik, tetapi juga keperluan emosi dan psikologi pelajar, bahkan sebelum era COVID-19.
- Tugas-tugas tambahan ini tidak pernah termasuk dalam skop kerja rasmi, namun tetap perlu ditangani jika saya ingin mengajar dengan betul.

PERANAN 'GURU' DALAM KONTEKS PRAMODEN DAN PRAPENJAJAHAN

- Guru bukan sekadar menjadi seorang tenaga pengajar yang bergaji semata-mata, malah pelbagai peranan dan fungsi yang dimainkan oleh seorang guru sering kali menjangkau batasan tugas mengajar secara formal.
- Golongan pendidik pada masa kini boleh, dan seharusnya, menelusuri semula sejarah silam untuk memahami bagaimana guru dahulu bukan sekadar profesional yang terikat pada kontrak, tetapi turut berperanan sebagai figura masyarakat yang memainkan pelbagai peranan secara serentak.

Slaid Pembentangan

USAHA MENGHIDUPKAN SEMULA ETIKA GURU ...

Sukar untuk menghidupkan semula etika kerja seorang guru dalam konteks hari ini disebabkan beberapa faktor:

- Masih wujud pandangan dalam kalangan ibu bapa (yang turut terbeban dengan kerja yang berlebihan) bahawa sekolah hanyalah tempat untuk meletakkan anak-anak mereka sementara mereka keluar bekerja.
- Terdapat juga tanggapan dalam kalangan ramai ibu bapa bahawa guru bertanggungjawab untuk melaksanakan segala-galanya selain daripada mengajar, termasuk menyemai disiplin, nilai moral, dan kelakuan beretika.

Pandangan sedemikian telah merendahkan peranan guru kepada sekadar pengasuh yang diberi kedudukan istimewa.

PERSEPSI DAN TANGGAPAN TENTANG PERANAN GURU

- Wujud juga pandangan umum bahawa **kerjaya keguruan ialah kerjaya kelas kedua** yang tidak menjanjikan kekayaan atau kemakmuran; malangnya, persepsi ini turut tercermin dalam kadar gaji yang rendah dan keadaan kerja yang menyedihkan di banyak sekolah di seluruh dunia.
- Kerjaya keguruan sering kali dianggap sebagai pilihan **kerjaya yang tidak menguntungkan.** Hakikatnya, semua guru menyedari bahawa tugas mengajar sangat menuntut pengorbanan masa dan tenaga yang banyak, bukan sahaja daripada diri sendiri, malah keluarga mereka juga.
- Mungkin ancaman yang paling berbahaya ialah kepercayaan bahawa **tugas mengajar boleh digantikan oleh mesin** dan teknologi kecerdasan buatan (AI), dan guru boleh digantikan dengan aplikasi serta peranti elektronik.
- Walaupun trend ini masih baharu, apa yang paling membimbangkan ialah hakikat bahawa ramai ibu bapa tidak melihat perkembangan ini sebagai satu masalah, atau tidak menyedari bahawa ia boleh memberi kesan jangka masa panjang terhadap proses pembesaran dan sosialisasi anak-anak mereka.

Slaid Pembentangan

SEKIRANYA PERUBAHAN SIKAP YANG MENYELURUH TIDAK BERLAKU ...

- Selagi tidak berlaku perubahan sikap secara menyeluruh dalam kalangan anggota masyarakat, pada suatu hari nanti akan tiba kerjaya keguruan menjadi sepenuhnya bersifat automasi dan dikendalikan oleh mesin.
- Natijah adalah lahirnya satu generasi muda yang bergantung dan ketagih kepada media sosial, kini pula diasuh dan dididik oleh mesin, bukan lagi oleh seorang insan.

BUKAN SEKADAR BERSIKAP SKEPTIKAL DAN PESIMIS ...

- Sebahagian besar daripada apa yang dinyatakan mungkin kedengaran skeptikal dan pesimis, namun saya ingin menegaskan komitmen saya terhadap bidang akademik dan kerjaya keguruan.
- Saya yakin bahawa terdapat jutaan guru di seluruh dunia yang telah pun menyedari segala cabaran dan kesulitan dalam kerjaya ini sebelum mereka memilih untuk terlibat, dan mereka sanggup mengambil risiko tersebut demi generasi muda.
- Saya percaya bahawa kita sebagai pendidik masih mempunyai peranan penting dalam pendidikan dan pembentukan generasi baharu, meskipun kebanyakan daripada kita jarang mendapat pengiktirafan atau penghargaan yang sewajarnya terhadap sumbangan yang telah kita curahkan.

Slaid Pembentangan

MEMANUSIAKAN PENDIDIKAN

- Apakah yang masih boleh kita lakukan untuk mengekalkan kefahaman tradisional tentang makna 'Guru' dan 'keguruan'?
- Sebagai guru profesional yang digajikan, terdapat pelbagai batasan yang dikenakan ke atas apa yang boleh dan tidak boleh kita lakukan.
- Namun kita masih mampu **memanusiakan kaedah pengajaran** kita, dan menekankan kepentingan sifat kemanusiaan dalam pekerjaan kita.
- Dalam usaha ini, saya telah cuba menjadikan sejarah politik sebagai satu bidang yang bersifat kemanusiaan, dan menghubungkan para pelajar saya dengan subjek yang mereka pelajari secara lebih mendalam dan bermakna.

MEMANUSIAKAN PENDIDIKAN

- Usaha ini boleh dan wajar dilakukan dalam semua disiplin ilmu yang kita ajarkan – sama ada sejarah mahupun sastera, ekonomi atau sains.
- **Sifat-sifat kemanusiaan** seperti empati, simpati, hubungan insani yang tulen serta komunikasi perlu dibawa masuk ke dalam tugas kita sebagai pendidik, kerana hanya kita, guru yang bersifat manusia, yang mampu memanusiakan proses pengajaran itu sendiri.

Slaid Pembentangan

MEMANUSIAKAN PENDIDIKAN

- **Memanusiakan pendidikan** juga membawa maksud membina suatu persekitaran dan sistem pengajaran yang berteraskan manusiawi, bukan mesin.
- Usaha memanusiakan pendidikan juga menuntut agar kita beralih daripada pendekatan yang menghukum kesilapan atau jawapan yang salah.
- Ini kerana masyarakat manusia bukanlah bersifat hitam-putih dan agensi manusia sering melibatkan unsur-unsur yang tidak dapat diterangkan seperti kekeliruan dan persoalan.
- Proses pembelajaran ialah pengalaman yang menyeluruh, inklusif serta bersifat kolaboratif.

SAYA SEKADAR MENGINGATKAN ...

- Keguruan ialah satu kerjaya yang mulia dan memberi manfaat kepada masyarakat lebih daripada banyak kerjaya lain, dan peranan guru masih kekal penting.
- Sebelum kemunculan dunia moden yang kita huni pada hari ini, pernah wujud satu Asia Tenggara pramoden dan prapenjajahan yang menjadikan pendidikan sebagai salah satu aspek terpenting dalam sesebuah masyarakat yang ingin dianggap bertamadun.
- Pada ketika itu, 'Guru' merupakan figura masyarakat yang diberikan penghormatan dan pengiktirafan sosial yang lebih tinggi.


Slaid Pembentangan

PENUTUP

- Peranan guru tetap merupakan komponen penting dan tidak dapat digantikan dalam mana-mana masyarakat yang ingin bergerak ke arah kesedaran dan kemajuan.
- Diharapkan agar guru tidak berputus asa, dan tidak menganggap diri mereka kurang berharga berbanding individu lain yang mungkin lebih kaya.
- Guru masih merupakan antara segelintir kelompok dalam masyarakat kini yang (masih mampu) mengekalkan dimensi kemanusiaan dalam pekerjaan kita.

Kita Bukan Mesin

"Ingatlah bahawa pembelajaran itu suatu proses kemanusiaan, maka marilah kita kekalkan pembelajaran kita sebagai sesuatu yang insani dan berperikemanusiaan. Dan sentiasa ingat: Kita bukanlah mesin. Kita bukan mesin. **Kita bukan mesin**."



Jawatankuasa Penerbitan



Penasihat:

Puan Norhayati Awang

Pengarah Pusat Bahasa Melayu Singapura

Ahli Jawatankuasa:

Rahmat Subadah

Guru Pakar, Bahasa Melayu

Nurul Huda Muhammad Yassin

Pegawai Jurulatih Pusat

Muhamad Rafi Abu Bakar

Guru Pakar, Bahasa Melayu

Siti Faridah Omar

Guru Pakar, Bahasa Melayu

Haryati Surana

Guru Pakar, Bahasa Melayu

Salina Hussin

Guru Pakar, Bahasa Melayu

Muslim Hanafiah

Guru Pakar, Bahasa Melayu

Arshid Abdullah

Guru Pakar, Bahasa Melayu

Sekalung Budi

Pusat Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura menghulurkan setinggi-tinggi penghargaan kepada:


- Dr. Azhar Ibrahim Alwee yang telah menyumbangkan kertas kajian bagi program Bicara Ilmiah I;
- Profesor Farish Ahmad Noor yang telah menyumbangkan kertas kerja bagi program Bicara Ilmiah II; dan
- sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan e-penerbitan **BICARA ILMIAH (JILID I).**




Penyampaian
Cenderamata


Program Bestari


Program Bestari
BICARA
ILMIAH




KUMPULAN T5


Bicara
Ilmiah
MEMPERKASAKAN KETUA PEDAGOGI
BAHASA MELAYU
1
2
3


memperbaharui ilmuan sebagai seorang guru dan pendidik
mencintai kembali 'roh asal' kita untuk menjadi seorang guru
pembelajaran sepanjang hayat menjadi pegangan
memahami dan mengenali murid sebagai seorang individu
memahami konsep tanggung jawab, kebijaksanan dan keikhlasan






Bicara
Ilmiah


Bicara
Ilmiah
Memperkasakan Ketua Pedagogi
Bahasa Melayu







Ministry of Education
SINGAPORE



Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura